

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEDUA MESYUARAT PERTAMA

Bil. 5

Selasa

29 Mac 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1):**

**Pemanjangan Tempoh Konsesi Kali Ketiga Lebu Raya Utara Selatan
(PLUS) – Kelulusan Parlimen**

- Y. B. Tuan Lim Kit Siang [*Ipoh Timur*] (Halaman 27)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 29)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 53)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 29 Mac 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah sebenar dana swasta terkumpul yang telah pun diserahkan kepada kerajaan, khususnya Jawatankuasa Bencana Alam Kebangsaan untuk diagihkan kepada mangsa Tsunami tempatan dan apakah pecahan-pecahan bantuan yang telah digunakan setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama dengan pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Seputeh – 28 Mac 2005, Setiawangsa – 29 Mac 2005, Hulu Rajang – 30 Mac 2005, Jerai – 31 Mac 2005, Pendang – 31 Mac 2005, Beluran – 4 April 2005, Kubang Kerian – 5 April 2005, Bagan – 5 April 2005, Santubong – 7 April 2005, Bukit Bintang – 11 April 2005, Larut – 14 April 2005, Rantau Panjang – 14 April 2005, Maran – 20 April 2005, Baram – 26 April 2005 dan Batu Gajah – 28 April 2005 kerana menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bencana Tsunami yang melanda negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor pada 26 Disember 2004 telah menyebabkan kerugian dengan anggaran sebanyak RM100 juta. Kerugian di sektor pertanian dan perikanan adalah seperti berikut:

Bil. orang	Bil. kerosakan		Nilai kerugian (RM)
Nelayan	5,997	-	29,800,000
Penternak ikan	189	-	23,930,000
Petani	120	-	350,000
Jeti musnah	103 buah		<u>1,690,000</u>
Jumlah			<u>55,770,000</u>

Sementara itu kerugian kepada kemudahan asas juga didapati berlaku dalam keadaan yang agak besar. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian sebenar masih belum dibuat unjuran oleh agensi-agensi yang terlibat. Kerosakan yang berlaku adalah seperti berikut:

	Bil. Kemusnahan	Kerosakan	Kemusnahan
Rumah	138	770	-
Perabot/peralatan rumah	-	-	1,195
Kenderaan	-	706	-

Kerajaan telah menerima sumbangan untuk membantu mangsa-mangsa bencana Tsunami daripada pelbagai pihak dalam dan luar negara. Jumlah terkumpul sehingga 24 Mac 2005 ialah sebanyak RM89,673,280.74 sen. Perincian adalah seperti berikut:

Tabung Bencana Negara	RM24,798,825.48
Tabung oleh media (NST/Berita Harian/TV3/TV8)	RM36,700,000.00
The Star	RM21,573,121.00
Utusan Malaysia	RM 3,733,395.71
Utusan dan Maybank	<u>RM 2,867,908.55</u>
Jumlah:	<u>RM89,673,280.74</u>

Bilangan penderma individu daripada badan-badan korporat masing-masing yang telah menyumbang RM10,000 dan ke atas kepada Tabung Bantuan Bencana

Negara adalah seramai 267 orang. Senarainya saya ada dalam Lampiran A dan akan saya berikan kepada Yang Berhormat. Jumlah sumbangan mereka ialah sebanyak RM47,809,476.96. Sungguhpun agensi-agensi media telah mengumpul sebanyak RM64,874,405.26, namun derma yang diserahkan kepada kerajaan untuk dikreditkan kepada Tabung Bencana Negara hanyalah sebanyak RM35,699,794.23 iaitu sehingga 24 Mac 2005. Perinciannya adalah seperti berikut:

Tabung oleh media (NST/Berita Harian/TV3/TV8)	RM29,700,000.00
The Star	RM 3,131,885.68
Utusan Malaysia	-
Utusan dan Maybank	<u>RM 2,867,908.55</u>
Jumlah:	<u>RM35,699,794.23</u>

Bagi kutipan yang masih ada dalam tabung pihak media sebanyak RM29,174,661.03 masih belum atau tidak diserahkan kepada kerajaan. Ini bermakna amaun sebenar kutipan yang ada dalam Tabung Bencana Negara ialah sebanyak RM60,498,619.71. Kerajaan telah menyalur sehingga 24 Mac 2005 peruntukan sebanyak RM65,194,134.50 bagi membantu mangsa-mangsa Tsunami. Perinciannya adalah seperti berikut:

Bantuan ihsan mangsa-mangsa Tsunami	RM21,434,134.50
Bantuan satu pertiga kos pembinaan rumah kekal untuk mangsa-mangsa	RM20,760,000.00
Perbelanjaan baik pulih infrastruktur pertanian dan perikanan	<u>RM23,000,000.00</u>
Jumlah:	<u>RM65,194,134.50</u>

Perincian bantuan-bantuan wang ihsan adalah menurut kadar yang telah ditetapkan seperti berikut:

Jenis Kes	Bilangan	Pembayaran
Kematian	68 orang	RM1,428,000.
Kematian di luar negara	6 orang	RM 120,000.
Kecederaan yang masuk ke hospital	91 orang	RM 18,200.
Berpindah	2,842 keluarga	RM1,421,000.
Nelayan hilang pendapatan	4,189 orang	RM2,940,500.
Rumah musnah	138 buah	RM 690,000.
Rumah rosak	770 buah	RM1,540,000.
Bot rosak (besar)	551 buah	RM1,653,000.
Bot rosak (kecil)	3,026 buah	RM3,026,000.
Penternak ikan	323 orang	RM 116,000.
Petani hilang pendapatan	91 orang	RM 45,500.
Sangkar ikan	105 pengusaha	RM 252,000.
Perabot rosak	537 buah	RM 537,000.
	-	RM 1,000.
	658 buah	RM 2,000.
	-	RM1,316,000.
Sek menengah	973 orang	RM 293,000.
Sek rendah	531 orang	RM 186,300.
Pembinaan rumah transit di		
Kedah	160 unit	RM5,280,000.
Penang	100 unit	RM1,226,385.
Belanja pengurusan pusat		
Pemindahan	32 pusat	RM192,465.50.
	Jumlah:	<u>RM21,434,134.50</u>

Bagi mangsa-mangsa bencana Tsunami di luar negara pula kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri menubuhkan Tabung Bencana Tsunami Asia. Tabung ini menerima sumbangan sebanyak RM24,986,536.38 sehingga 24 Mac 2005. Seramai 39 penderma telah menyumbang RM10,000 dan ke atas dengan jumlah sumbangan terkumpul sebanyak RM8,311,214.61. Senarai penderma dalam Lampiran B saya akan beri kepada Yang Berhormat.

Sejumlah RM4,530,000 daripada Tabung Bencana Tsunami Asia telah diagihkan kepada penerima-penerima berikut:

Negara	Pembayaran
Indonesia	RM3,000,000.
Sri Lanka	RM1,000,000.

Maldives	<u>RM 530,000.</u>
Jumlah:	<u>RM4,530,000.</u>

Kerajaan memberi jaminan bahawa derma yang diterima bagi mangsa-mangsa Tsunami hanya boleh digunakan bagi tujuan membantu mangsa-mangsa Tsunami sahaja. Ia tidak diagihkan kepada pihak-pihak lain yang tidak berkaitan. Kerajaan memutuskan untuk menubuh sebuah yayasan yang dipengerusi oleh Tan Sri Razali Ismail, wakil khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi melaksanakan aktiviti mengumpul dana daripada luar negara bertujuan membantu negara yang terlibat dengan Tsunami. Kerajaan akan berusaha memberi bantuan untuk meringankan beban kemanusiaan dan pembangunan semula Aceh yang mengalami kemusnahan dan kerosakan besar akibat daripada bencana Tsunami. Penubuhan Pusat Bantuan Bencana Malaysia di Jantho, Banda Aceh akan menyelaras keperluan-keperluan dalam bidang perubatan, kaunseling, pembangunan semula dan pendidikan anak-anak yatim.

Angkatan Tentera Malaysia telah ditugaskan untuk melaksana kerja-kerja membaik pulih dan membina bangunan baru separuh kekal di Pesantren Fausul Kabir di Jantho untuk menempatkan anak-anak yatim. Kos yang dianggarkan sebanyak RM4 juta akan dibiayai melalui Tabung Bencana Tsunami Asia. Komponen bantuan Malaysia ini adalah seperti berikut:

- (i) membina semula bangunan asrama dan bilik darjah yang sedia ada;
- (ii) membina tiga blok baru bangunan asrama lelaki, 3 blok baru asrama perempuan dan membina 3 blok bilik darjah yang setiap satu blok mengandungi 3 bilik darjah.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Terima kasih Dato' Seri Menteri. Soalan tambahan, bencana *Tsunami* hari itu telah berlaku pada 26 Disember. Malam tadi kita telah dikejutkan sekali lagi dengan adanya gempa bumi tiga bulan selepas peristiwa yang pertama dan saya rasa ramai Ahli Parlimen yang terpaksa menanyakan kawasan masing-masing di mana ada bangunan tinggi, di mana orang bertempiran turun ke bawah.

Selepas tiga bulan, kita masih sibuk hendak meringankan beban orang, malam tadi nyata, bila kita hendak bertanyakan maklumat apa yang terkini, kita tidak ada, tidak tahu mana hendak cari. Akhirnya semua buka televisyen tengok CNN. Di sini nampak sangat kekurangan dari segi negara kita. Barangkali atas jawapan yang telah diberikan oleh Dato' Seri tadi, wang yang lebih-lebih itu barangkali bolehlah kita gunakan, barangkali kerajaan boleh menimbangkan untuk mewujudkan satu *disaster control centre* dengan cara *permanent*.

Ini dalam tiga bulan sudah berlaku sekali lagi dan saya rasa ini memerlukan peralatan yang tercanggih, apa yang dapat kita perhatikan melalui CNN, jadi kita harus ada benda yang sama. Kalau tidak nanti, kalau kita bergantung kepada orang asing, satu hari kalau betul-betul terjadi bencana, dia tidak cakap dengan kita pun, kita susah juga. Di sini persoalannya adakah kerajaan boleh menimbangkan dengan ada wang yang lebih ini, yang belum lagi disalurkan kepada kerajaan untuk mewujudkan satu *disaster control centre* secara *permanent*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Semalam pada jam 12.09 pagi di lokasi 2.3 darjah Utara dan 97.1 darjah Timur – *West of Sumatra Island* lokasinya dan *magnitudenya* ialah dengan izin, 8.5 *Richter Scale*. Selepas kejadian gempa bumi yang pertama, telah berlaku 15 lagi *tremor* sehingga pada pukul 5.26 pagi tadi pada skala yang paling tinggi ialah 6 dan paling rendah sekali ialah 4.6.

Sebaik sahaja dilaporkan pada pihak *Seismological Centre* kita telah pun memaklumkan kepada MCC (*Malaysian Control Centre*) di Bukit Aman, di mana mereka telah dimaklumkan tentang perkara ini dan sebaik sahaja laporan ini telah diterima, MCC telah pun mengambil tindakan. Yang pertamanya untuk memaklumkan kepada pihak penerangan untuk diberikan amaran di dalam radio.

Kalau Yang Berhormat membuka radio, sudah tentu ada berkali-kali amaran yang telah diberi di Radio Malaysia. Kalau bukalah, kalau TV memang tidak ada siaran selepas pukul 12.00 tengah malam. Tetapi sebab Yang Berhormat buka *Astro*, tidak buka radio.

Kemudian kita telah pun memaklumkan kepada setiap balai polis di seluruh negara dimaklumkan untuk menghebahkan perkara ini kepada orang ramai. Di Kedah

dan Pulau Pinang, kita telah pun memindahkan sebanyak 1,525 orang ke tempat yang lebih selamat dan kita telah pun mengeluarkan amaran (*warning*) ini dan amaran itu telah ditarik balik pada pukul 6.00 pagi tadi apabila didapati *tremor* yang terakhir telah pun tamat.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah saya jawab minggu lepas iaitu kita dalam proses untuk membina kita punya pusat pengesanan *Tsunami* sendiri, dan insya-Allah sebagaimana yang telah saya sebut, kita sedang melihat *design* yang ada iaitu *design* yang dikemukakan oleh pihak Jepun dan juga Amerika, insya-Allah pada tahun ini kita akan dapat membinanya dengan harga RM19 juta.

Apa Yang Berhormat sebut itu adalah betul, tetapi saya percaya pembayaran yang dibuat sebanyak RM19 juta akan ditanggung oleh kerajaan. Wang yang lebih kita akan terus menggunakannya untuk kebajikan mangsa-mangsa *Tsunami*.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri pun tidak dapat maklumat yang terkini, oleh kerana bukankah benar bahawa *US Geological Survey* sudah memastikan bahawa *Richter Scale* ialah 8.7 bukan 8.5 sungguhpun pada awalnya ialah 8.2.

Tetapi bukankan ini satu *after shock* sebenarnya daripada gempa bumi dan *Tsunami* yang telah berlaku pada 26 Disember dan dua minggu dahulu ada *scientist* British yang ada membuat ramalan, ini boleh berlaku. Kenapa ini tidak boleh disampaikan kepada rakyat dan mengenai iktibar-iktibar daripada *Tsunami* yang telah berlaku pada 26 Disember, kenapa bukan sahaja radio tetapi televisyen ditugaskan untuk menyampaikan maklumat yang terkini. Semalam ada siaran televisyen tetapi tidak lengkap.

Ini ada komentar mengenai apa yang berlaku semalam, didapati ada seorang *listener* - di Bunga Raya. Dia kata dengan izin, *NTV7 had the best coverage among local TV. CNN was better than BBC but both are good. TV3 followed perhaps one hour behind. TV2 is sleeping, TV1 had coverage off and on according to the byline. Soccer was more important. A quality of service is 'proportional to how privately driven the TV stations are.*

Bukankah satu kontinjensi pelan di mana maklumat terkini yang tercepat boleh diadakan bukan sahaja melalui radio, tetapi televisyen apabila bencana semacam ini

berlaku. Kita perlu belajar daripada apa yang berlaku supaya boleh membantu semua penduduk-penduduk di Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini '*wiser after the fact*' lah bukan cerdas sangat. Dia cerdas selepas benda berlaku. Kalau soal TV1 dan TV2 dia memang tidak ada siaran selepas pukul 12.00 tengah malam hendak buat macam mana? Kalau dia pasang pun, orang tahu dia tidak pasang, orang tidak buka TV, bukalah radio. Radio boleh dengar.

Kalau hendak dipertikaikan tentang *Richter Scale*, CNN kata 8.2. Apa bezanya '*this after the fact you are wiser*' tetapi *report* yang pertama kita terima lebih teruk dari apa yang dilaporkan oleh CNN. Jangan hendak tunjuk pandai. Kita dapat laporan dari *Earth Quake Warming Tsunami update*. Tidak payah hendak *argue* 8.7 atau 8.5. Yang penting apa tindakan yang kita ambil. Bukan macam kerja Pembangkang tidak tahu kerja lain. [*Tepuk*] Apa kita buat semua tidak kena. [*Dewan amat riuh*]

Saya hendak beri tahu bahawa kita bertanggungjawab di atas perkara ini apakah tindakan yang perlu diambil, telah pun kita ambil. Jangan jadi *wiser after the fact*.

2. Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah syarikat yang memohon Lesen Pengilangan Cakera Optik dalam tahun 2003 dan 2004 dan namakan Syarikat Multi Nasional yang beroperasi di bawah lesen tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membekukan pengeluaran Lesen Pengilangan Cakera Optik semenjak 15 Mac 2001. Walau bagaimanapun, kementerian berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri telah mengeluarkan satu lesen pengilangan cakera optik boleh rakam dengan izin *recordable* CD kepada sebuah syarikat asing milik Taiwan pada 10 Januari 2003 iaitu Decson Technology.

Asas kelulusan Jemaah Menteri adalah berdasarkan pelaburan syarikat yang tinggi, pemindahan teknologi dan juga cadangan syarikat untuk mengeksport 100% keluarannya. Sehubungan dengan itu kelulusan lesen pengilang syarikat adalah tertakluk kepada syarat eksport 100%. Nilai pelaburan keseluruhan syarikat tersebut adalah sebanyak RM153.9 juta. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah yang kita dapati sekarang ini sebagai soalan tambahan saya ialah, mengapakah berlakunya banyak sangat pengeluaran cetak rompak yang kita pula terpaksa menjalankan beberapa tangkapan dan dalam iklan terakhir dalam media kita, kita katakan yang cetak rompak ini seolah-olah lanun negara.

Dalam masa yang sama pengilang-pengilang yang mengeluarkan yang jenis 'ori' mahal harganya. Yang paling minimum mungkin RM15, RM20, RM30, RM60 pun ada. Sedangkan di pasar-pasar malam dikatakan cetak rompak ini ialah mungkin RM1, RM2 dan RM3, yang dari segi pasarannya sudah pasti rakyat akan memilih untuk membeli yang murah, yang tidak 'ori'.

Apakah langkah kerajaan supaya kita tidak lagi meletakkan pencetak rompak ini sebagai lanun negara dan dalam masa yang sama apakah program pemutihan supaya mereka didaftarkan supaya kita menyelesaikan masalah ini. Dalam masa yang sama kita mengiktiraf pasaran rakyat untuk membeli barangan yang lebih murah. Kalau kita tidak mengeluarkan lesen kepada pengilang-pengilang kecil ini, mereka tidak akan dapat dihalalkan dalam perniagaan mereka. Pohon penjelasan dari kementerian.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkaitan dengan harga CD dan VCD, iaitu apabila seseorang itu mengeluarkan filem dan lain-lain lagi, mereka berbelanja berjuta-juta ringgit. Harga itu memang setanding dengan harga di mana mereka telah pun melabur. Tetapi bagi cetak rompak itu dia hanya belanja lebih kurang 40 sen atau 50 sen sahaja satu CD atau VCD dan dia jual dengan harga RM3 atau RM4. Itulah kita merayu kepada orang ramai jangan beli barang-barang yang bukan tulen. Kita cari barang-barang yang tulen supaya kita juga membantu industri itu.

Kita telah berbincang dengan syarikat-syarikat dan kita telah mengadakan beberapa mesyuarat dan mereka telah memberitahu bahawa mereka tidak dapat mengurangkan harga daripada harga yang sedia ada sekarang, disebabkan pembayaran iaitu membayar royalti kepada penyanyi-penyanyi kita. Kalau kita hendak membangunkan industri ini, kita perlu membantu industri dengan membeli barang-barang yang tulen. Itu adalah mustahak. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Yang

Berhormat Timbalan Menteri, kita baru-baru ini telah pun diwarwarkan dengan harta intelek yang mana penghayatan pada kemajuan harta intelek ini perlu diletakkan di bahu rakyat.

Hari ini kita dapat melihat bahawa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini menghadapi masalah di dalam penguatkuasaan undang-undang yang telah digubal di bawah kementerian. Apakah sistem ataupun apakah mekanisme yang ada di pihak kementerian di dalam bentuk latihan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa pihak kerajaan tempatan bagi memastikan peraturan dan undang-undang dapat diambil dalam keadaan yang berkesan dan cekap. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menghadapi masalah mengamalkan undang-undang. Memang kita sentiasa mengambil tindakan daripada 44 buah syarikat perkilangan yang ada, sekarang kita telah mengambil tindakan di mana kita tidak membaharui lesen bagi empat buah kilang dan satu lagi tidak beroperasi. Sekarang hanya 39 buah yang beroperasi dan mereka juga dikawal selia supaya barang-barang yang keluar itu adalah tulen.

Pegawai-pegawai saya sentiasa diberikan latihan dan mereka tahu tugas mereka. Semalam juga telah menangkap satu syarikat di mana kita telah sita barang-barang berharga lebih RM10 juta. Ini adalah tindakan-tindakan yang sentiasa diambil. Tiap-tiap hari pegawai-pegawai kita melawat tempat supaya kita dapat mengamalkan undang-undang. Terima kasih.

3. Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan program-program yang dijalankan oleh kementerian dalam menangani masalah gejala sosial terutamanya di kalangan para remaja daripada kawasan-kawasan perumahan penempatan semula setinggan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sememangnya sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah di kalangan remaja termasuk remaja di kawasan penempatan semula setinggan melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Walau bagaimanapun usaha-usaha untuk membendung gejala sosial khususnya di kalangan remaja merupakan tanggungjawab

bersama semua pihak terutama ibu bapa dan ahli-ahli masyarakat dan tidaklah hanya terletak di bahu kerajaan atau sesuatu kementerian semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, ianya memerlukan tindakan yang kolektif bersepadu dan menyeluruh di kalangan semua pihak yang terlibat. Secara amnya, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah melalui tiga pendekatan iaitu, pencegahan, intervensi dan pemulihan bagi menangani masalah sosial.

Bagi pendekatan pencegahan, usaha yang dilakukan adalah di peringkat awal bagi mencegah seseorang itu terjebak dalam masalah sosial. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- menggalakkan amalan hidup yang sihat dan harmoni dari segi fizikal, mental dan rohani. Ini dapat dilihat melalui kempen-kempen Gaya Hidup Sihat, Anti Rokok, Antidadah dan lain-lain;
- memantapkan institusi keluarga dan komuniti, menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran sivik serta semangat patriotisme seperti Program Khidmat Negara, Rakan Muda dan Kursus Bina Insan;
- menggalakkan program-program komuniti di kawasan komuniti seperti Jiran Muda Rukun Tetangga di mana pelbagai program dirancang dan dilaksanakan oleh remaja untuk bergiat aktif di dalam komuniti.

Melalui pendekatan intervensi pula, ia merupakan tindakan yang diambil semasa seseorang itu sudah pun terlibat dengan masalah sosial. Di peringkat ini kaunseling dan mediasi (*mediation*) merupakan dua kaedah utama yang diambil bagi meringankan beban dan masalah yang dihadapi oleh individu atau kumpulan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, manakala pendekatan pemulihan merupakan langkah yang diambil untuk memulihkan seseorang yang telah terjebak dalam masalah sosial supaya individu tersebut dapat dipulihkan. Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia turut juga menyediakan perkhidmatan pemulihan di institusi-institusi pemulihan seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri dan Asrama Akhlak.

Bagi juvana yang terjebak dalam masalah sosial atau jenayah ringan, institusi-institusi pemulihan tersebut telah menyediakan program-program pemulihan seperti kaunseling, pendidikan agama, moral, menerapkan nilai-nilai murni, latihan vokasional dan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha membangun sahsiah remaja juga turut dilaksanakan melalui penyuburan semangat kesukarelawan di kalangan mereka. Aktiviti kesukarelawan ini bukan sahaja dapat memupuk rasa tanggungjawab membangunkan masyarakat dan negara serta membina sahsiah murni di kalangan remaja, tetapi dapat menghindarkan diri mereka daripada aktiviti-aktiviti antisosial.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan Briged Kebajikan Perdana yang bergiat dalam kerja-kerja amal dan aktiviti kemasyarakatan. Briged ini dianggotai oleh 6,699 sukarelawan dari pelbagai lapisan umur dan ini memberi ruang yang luas bagi remaja berinteraksi dengan golongan yang lebih tua daripada mereka. Interaksi ini bukan sahaja dapat merapatkan jurang antara generasi tetapi juga memberi peluang golongan sukarelawan yang lebih tua membimbing sukarelawan remaja. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Jelas daripada jawapan ini pihak kementerian prihatin terhadap masalah gejala sosial dan jelas juga ada rancangan-rancangan. Tetapi saya tidak melihat tindakan-tindakan di peringkat akar umbi. Saya masih amat bimbang apabila saya melihat gejala sosial ini di kalangan para remaja di kawasan-kawasan perumahan kos rendah di Parlimen Subang. Dahulu saya difahamkan masalah ini timbul kerana penduduk-penduduk tidak puas hati dengan kemudahan fizikal di kawasan-kawasan setinggan kerana keadaannya buruk. Sekarang kemudahan-kemudahan fizikal bertambah baik. Namun masalah gejala sosial di kalangan remaja daripada kawasan-kawasan perumahan penempatan semula setinggan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah rancangan pihak kementerian bukan sahaja dari pencegahan dan pemulihan dari peringkat sekolah ke peringkat kawasan-kawasan perumahan kos rendah tetapi bagaimana rancangan-rancangan ini akan diimplementasikan di peringkat akar umbi di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi di kalangan remaja. Bagaimana kita boleh mengimplementasikan ini dan mengurangkan masalah gejala sosial. Sekian, Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dalam jawapan asal, kita memerlukan kerjasama dari semua pihak termasuk wakil

rakyat, dan untuk menjawab soalan tambahan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Subang mengenai pelajar-pelajar sekolah di kawasanya, yang penting kita perlu mengenal pasti pelajar-pelajar yang bermasalah, pelajar-pelajar yang kurang berdisiplin dan pelajar-pelajar yang pencapaiannya rendah sebab pelajar-pelajar inilah di masa yang akan datang menjadi punca apabila mereka gagal dalam peperiksaan.

Untuk ini kita perlu dari peringkat awal mengenali mereka dan menjalankan kursus-kursus khas untuk kumpulan ini, khasnya kursus-kursus yang boleh meningkatkan motivasi mereka sebab dalam kajian-kajian yang kita ada sekarang, apa yang kita kenal pasti ialah pelajar-pelajar bermasalah ini motivasi mereka sangat rendah. Yang penting kita perlu meningkatkan motivasi mereka untuk belajar dengan bersungguh-sungguh, menjauhi diri mereka dari masalah sosial dan membina masa depan mereka dengan memberi tumpuan kepada kursus-kursus kerjaya yang mereka minati. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Beberapa Ahli: Waalaikum salam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah gejala sosial ini masalah global - masalah dunia. Jangan bimbanglah Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini bukan masalah di Malaysia sahaja. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang bertanggungjawab. Kerajaan Barisan Nasional ialah kerajaan yang bertanggungjawab. *[Tepuk]* Tidak ada kerajaan macam Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Tsunami itu tadi bukan main.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak. Saya ambil contoh, contoh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada berkaitan dengan Tsunami.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jangan macam itu....saya hendak tunjukkan macam mana baiknya Kerajaan Barisan Nasional. Cuma

Ketua Pembangkang hendak menyalahkannya sahaja, apa hendak buat? Sudah dia punya kerja.

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya....bermacam-macamlah cara kementerian, macam-macam. Tidak dinafikan semuanya bertujuan baik. Umpamanya seperti Program Keluarga Penyayang, "Makin Hari Makin Sayang". Saya hendak bertanya Timbalan Menteri, macam mana kejayaannya? Atau bolehkah saya cadangkan - tambah sedikit....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sudah menyimpang, boss.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak menyimpang. Mana menyimpang. *[Ketawa]* Dia kacaulah, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalanlah, ia tidak menyimpang. Bolehkah ditambah lagi untuk kebaikan sahshiah rakyat kita diwujudkan "rasa cinta". *[Disampuk]* Cinta, cintalah. Cinta, cinta, cinta. Tuan Yang di-Pertua, cinta adalah satu perkataan yang indah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak ada soalan boleh duduklah. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, manusia yang tidak mempunyai cinta, lebih baik dia mati sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kalau tidak ada soalan lebih baik duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak menolong Kementerian Pembangunan Wanita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat menjadi Menteri, Yang Berhormat sendirilah*[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bila saya jadi Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat buat sendirilah. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya buat kementerian sendiri, ya? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia tentu ada cinta. Bolehkah kalau ditambah cinta. Cinta kepada diri, cinta kepada ibu bapa, cinta kepada keluarga, cinta kepada kampung, cinta kepada bangsa, cinta kepada negara, cinta kepada negara, cinta kepada agama....cinta. Dan cinta ini disemai sejak daripada Tadika lagi. Bukan hendak dihasut kanak-kanak Tadika dengan rasa benci.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini berucapkah atau bertanya? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mintalah Timbalan Menteri menerangkan Program Keluarga Penyayang tadi itu macam mana kesan baiknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri.

Datuk G. Palanivel: “Tun” Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat bagi Sri Gading bangkitkan soalan senang sahaja hendak menjawabnya, sebab dia sendiri yang jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang saya tidak ada Tun. Tidak payah Tun, Tuan sahaja.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat akan dapat dengan secepat mungkin. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu lain ceritalah.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat bagi Sri Gading memuji kerajaan dan kementerian, saya mengucapkan terima kasih dan saya akan berikan sedikit angka-angka mengenai program-program yang dilaksanakan oleh kementerian. Susah untuk kementerian mengukur kejayaannya dengan satu jangka masa yang pendek, tetapi dari pelaksanaan program ini Yang Berhormat bagi Sri Gading boleh faham program-program dan perhatian yang diberikan oleh kementerian.

Untuk Program Pembangunan Sahsiah Remaja dari tahun 1997 hingga 2004 seramai 60,103 pelajar dapat

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang Timbalan Menteri tidak menjawab jawapan yang tepat. Point of Order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk. Duduklah.

Seorang Ahli: *Point of Order. [Dewan riuh]*

Datuk G. Palanivel: Sila duduk. Saya belum habis menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tidak dibenarkan mencelah.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bukan Speaker, duduklah.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk G. Palanivel: Saya belum habis jawab.

Puan Chong Eng: Jangan beritahu *general* punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini bukannya jawapan untuk soalan tadilah. Cukuplah, cukuplah.

Datuk G. Palanivel: Saya belum jawab, saya hanya baru mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis, teruskan kepada jawapan. Masa tidak ada.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan, dalam jawapan asal kita sudah menyebut bahawa program-program kita termasuk kawasan-kawasan setinggan.

Puan Chong Eng: Spesifiknya.

Datuk G. Palanivel: Ya, ada spesifik. Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading bukan jawapannya yang ini. Soalannya, dia menyebut banyak kali cinta, cinta. Jadi,.....

Datuk G. Palanivel: Itu dia buat cadangan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Kalau terima, terimalah.

Datuk G. Palanivel: Kita akan mengambil kira cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin.

4. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapakah Malaysia memiliki begitu banyak sekali pekerja asing sedangkan taraf pengangguran di negeri kita sedang meningkat dan apakah sebab-sebabnya rakyat kita tidak boleh mengisi kerja-kerja tersebut dan berapa banyak kepakaran asing yang sedang berkhidmat di Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan selamat datang dan memerhatikan perjalanan sidang Dewan pada hari ini kepada semua ADUN-ADUN dari negeri Terengganu Darul Iman.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran negara pada tahun 2003 ialah 3.56% manakala mengikut laporan ekonomi 2004, 2005 kadar pengangguran dianggarkan 3.5% pada tahun 2004 dan seterusnya diunjurkan menurun kepada 3.4% menjelang tahun 2005. Keadaan ini menunjukkan peluang-peluang pekerjaan akan wujud selari dengan perkembangan ekonomi yang semakin kukuh. Namun demikian bagi sektor-sektor tertentu seperti perkilangan, perladangan, pembinaan, perkhidmatan, pembantu rumah dan di sektor yang dikenali sebagai 3D yang melibatkan kerja-kerja yang bahaya - *danger*, kotor - *dirty* dunia dan sukar - *difficult*. Pergantungan terhadap pekerja asing tidak dapat dielakkan kerana pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja dalam pekerjaan tersebut.

Beberapa faktor telah menyumbang kepada kekurangan ini, di antaranya adalah pekerja tempatan mempunyai sikap memilih kerja yang lebih cenderung memilih pekerjaan kolar putih serta yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Kedua, tawaran gaji yang rendah telah menyebabkan pekerja tempatan tidak begitu berminat untuk bekerja di sektor tersebut. Ketiga, syarikat-syarikat antarabangsa berstatus MSC. Kerajaan juga memberi keistimewaan kepada syarikat ini bagi mengaji pegawai dagang yang berkemahiran memandangkan kepakaran yang diperlukan adalah tinggi dan tidak ramai rakyat tempatan yang memiliki kepakaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2004 perangkaan guna tenaga asing seramai 35,353 orang bagi golongan *expatriate*, manakala 1,304,272 orang adalah pekerja asing kurang mahir. Golongan *expatriate* ini adalah mereka yang mempunyai kepakaran tertentu yang tidak dapat diperolehi di dalam negara. Manakala siswazah menganggur tidak berminat dan mungkin tidak sesuai untuk bekerja sebagai pekerja mahir. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang cukup *clear*, saya hendak tahu apakah program-program, jadual-jadual langkah masa panjang dan pendek untuk kerajaan mengatasi masalah-masalah penggantungan kepada pekerja-pekerja asing dan apakah Yang Berhormat juga sedar bahawa kadang-kadang ada pengilang-pengilang terutama sekali mereka menganaktirikan pekerja-pekerja tempatan kerana masalah percutian itu inilah, bersalin, beranak dan sebagainya dan mereka ini mengambil pekerja-pekerja asing atas alasan mudah untuk menguruskan mereka dan mengarah mereka.

Jadi, benda ini berlaku kalau Yang Berhormat hendak bukti susahlah saya hendak bawa Yang Berhormat pergi kilang, jadi pekilang-pekilang ini bagi tahu kat saya, suruh tanya dan saya hendak tahu juga daripada siswazah kita yang menganggur ada yang kata 80,000, ada yang kata 18, ada yang kata 50, yang mana satu saya pun tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan pihak kementerian Yang Berhormat untuk membantu menyelesaikan masalah pengangguran pekerja-pekerja atau pelajar-pelajar yang berkelulusan ini dan dulu kita ada satu program, program isi penuh, jadi yang ini adakah Yang Berhormat bersambung dengan JPA untuk menyelesaikan masalah supaya mengurangkan pelajar-pelajar ini yang telah keluar universiti yang tidak ada pekerjaan dan membantu sektor.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan telah pun dikeluarkan, cukuplah duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih [*Ketawa*]. Lembut.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang cukup jelas dan ada tiga soalan dalam satu soalan. Di antara langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing:

- (i) menilai dan merancang sukatan atau pun *syllabus* serta kurikulum di institusi pengajian tinggi termasuk di institusi latihan Kementerian Sumber Manusia bagi mengatasi graduan atau pelatih yang dikeluarkan benar-benar memenuhi keperluan industri;
- (ii) menggalakkan penglibatan kaum wanita, orang cacat, orang kurang upaya serta warga emas untuk bekerja dalam pelbagai sektor dan diistimewakan golongan ini terlibat dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan;
- (iii) menjalankan pertanian secara moden iaitu yang bukan bersifat berinsentif buruh;
- (iv) meningkatkan tahap atau gaji pendapatan dan pada masa ini gaji minimum dalam bidang ini ialah RM325.00. Ini ternyata tidak menarik warga tempatan untuk bekerja di sektor ladang, sektor yang saya maksudkan ialah pertanian.

Seterusnya merangka insentif dan galakkan yang lebih menarik bagi melibatkan rakyat tempatan bekerja di sektor ladang, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Seterusnya menggalakkan majikan melaksanakan automasi bagi melancarkan operasi pengeluaran masing-masing, itu tidak lagi berintensifkan buruh. Seterusnya menyediakan latihan kepada lebih ramai tenaga kerja tempatan bagi meningkatkan kepakaran termasuk latihan semula bagi pekerja yang sedia ada. Seterusnya mencadangkan kepada syarikat, kepada kilang tidak membenarkan mengambil lebih daripada 50% pekerja-pekerja asing dan tidak membenarkan jawatan penyeliaan diberi kepada pekerja asing. Seterusnya mencadangkan supaya pengambilan pekerja asing tidak dibenarkan dalam sektor seperti juru gaya, seperti kedai gunting rambut, tukang masak, sektor perkhidmatan seperti pasar raya, supermarket sektor perhotelan dan restoran

Menjawab kepada soalan apakah kementerian sedar pengilang-pengilang ada menganaktirikan pekerja-pekerja tempatan, kementerian lebih daripada sedar iaitu sangat sedar. Oleh hal yang demikian penguatkuasaan diteruskan dari masa ke masa bagi memastikan menganaktirikan tidak dilaksanakan. Sejauh hari ini, setakat hari ini untuk tahun ini kita tidak mempunyai apa-apa pun kompelin dari anak-anak tempatan

bahawa mereka dianaktirikan. Dan apabila ditanya soalan ketiga iaitu berapakah jumlah tentang pengangguran ada kata 20 ribu, ada 30 ribu, ada 50 ribu dan terakhirnya 80 ribu - sebenarnya mengarut.

Sebenarnya ingin jelaskan bahawa mengikut Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau MTEN, jumlah pengangguran adalah seperti berikut:

Kelulusan	Bilangan
Sijil Pelajaran Malaysia	10,000
Diploma	37,820
Ijazah	18,070
Jumlah	65,890

Kita memang berurusan dengan pihak JPA untuk mewujudkan isi penuh kepada pemegang-pemegang ijazah khususnya dan juga pemegang-pemegang diploma. Masalahnya kita masih lagi kekurangan kekosongan jawatan walaupun pelbagai peluang telah diberikan kepada graduan-graduan yang ada. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan dengan pekerja asing ini. Daripada angka yang telah diberikan, lebih kurang 1.5 juta adalah pekerja yang sah, yang tidak sah itu kalau tidak salah mungkin lebih kurang 1 juta lagi. Untuk sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berjumlah 25 juta ini kalau pekerja asing ini lebih kurang 10% ini, adakah ini satu situasi yang sihat, adakah kementerian membuat satu kajian saya sama ada macam mana kita hendak adakan satu *benchmark* atau satu siling yang dalam keadaan sedemikian berapa banyak pekerja asing yang dapat kita perlu ataupun benarkan. Adakah satu kajian buat supaya kita tidak mahu satu situasi yang membimbangkan keselamatan dan keamanan negara kita. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Itu pun soalan yang cukup baik. Pekerja asing yang sah dalam lingkungan 1.3 juta, yang tidak sah pun dalam lingkungan itu juga iaitu 1.3 juta orang. Memang tidak sihatlah apabila negara kita dihadiri dan juga dibanjiri oleh pendatang-pendatang asing yang tidak sah. Jadi, yang tidak sihat ini kerajaan telah buat pelbagai tindakan, tidak perlu kita maklumkan kerana sudah faham dan lebih kurang 400 ribu yang tidak sah ini telah pulang ke negara masing-masing.

Memang kita membuat kajian iaitu keperluan tenaga kerja asing ini dalam pelbagai sektor yang sering saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, kita tidak mempunyai pekerja tempatan yang ingin menceburi dalam empat sektor tadi iaitu perladangan, pembinaan, pembuatan dan juga perkhidmatan.

Satu tanda atau *benchmark* yang jelas kepada kita iaitu mana-mana negara dalam dunia ini, Yang Berhormat Bagan Serai, mana-mana negara dalam dunia ini yang mempunyai kadar pengangguran kurang daripada 3.5% negara itu dianggap sebagai sifar dari segi pengangguran, dianggap. Jadi, ini memberi petunjuk yang jelas kepada negara kita bahawa negara kita ini memang mampu untuk menangani masalah pengangguran. Yang saya hendak sebutkan di sini kalau berapa ribulah katakan 80 ribu lah termasuk yang bukan pemegang ijazah ini, hendak bekerja dalam sektor ini tidak ada seorang pun yang menganggur, masalahnya mereka tidak hendak. Jadi, inilah yang saya hendak jelaskan. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Tuan Yang di-Pertua, hendak perbetulkan kawasan saya Padang Serai bukan Bagan Serai.

5. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek pelebaran Jambatan Pulau Pinang akan dijalankan dan siapa akan menanggung kos pembinaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, suka saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan atas perkara yang dibangkitkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini kerja-kerja pembinaan dan pelebaran Jambatan Pulau Pinang sedia ada dijangka bermula pada tahun 2005 dan kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang giat dijalankan. Kerja-kerja tertangguh kerana terdapat cadangan pembinaan laluan kedua Jambatan Pulau Pinang yang perlu diambil kira bersama cadangan pembinaan bagi tujuan pelebaran Jambatan Pulau Pinang sedia ada.

Cadangan pembinaan pelebaran ini adalah di bawah obligasi pihak konsesi seperti di dalam perjanjian. Sebelum ini kerajaan telah memutuskan agar pembinaan lorong motosikal dilaksanakan bagi menggantikan pelebaran lorong ketiga. Walau bagaimanapun memandangkan kelewatan pelaksanaan laluan kedua Pulau Pinang maka kerajaan memutuskan untuk melebarkan Jambatan Pulau Pinang kepada tiga

lorong sebagaimana cadangan asal. Ketika ini pihak Lembaga Lebuh Raya dan Penang Bridge Sdn Berhad sedang dalam peringkat reka bentuk. Selain daripada itu pihak konsesi PBSB juga menyatakan akan keperluan kemudahan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Pihak kerajaan sedang menimbang permohonan pihak konsesi tentang bantuan kewangan tersebut. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan, dalam melaksanakan projek pelebaran atau pembinaan jambatan ini adakah kerajaan menasihati syarikat konsesi supaya mengadakan kertas kerja asing atau *independent platform* semasa dalam masa pelebaran ini dijalankan kerana pada masa sekarang ada dua lorong di dua-dua belah, jikalau dipakai satu lorong untuk meletakkan kenderaan berat atau jentolak-jentolak atau mesin-mesin maka ia akan menjadi satu masalah di lalu lintas jambatan ini dan saya juga faham sekiranya *platform* asing ini diadakan maka ia akan menambahkan kos pembinaan jambatan ini. Tetapi saya masih hendak mengingatkan kerajaan, ini perlu dijalankan *platform* yang asing supaya ia tidak mengganggu lalu lintas di atas *platform* ini, apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Saya mengalu-alukanlah pandangan dan cadangan Yang Berhormat supaya untuk gangguan lalu lintas apabila kerja-kerja menaik taraf jambatan tersebut dilakukan supaya pihak pengguna tidak mengalami masalah kesesakan lalu lintas yang tenat dan hasil daripada segala masalah yang berkait hubung di tapak bina yang Yang Berhormat bangkitkan tentang untuk mewujudkan satu platform yang berasingan supaya kerja-kerja pembaikan dan juga menaik taraf dapat dijalankan itu akan diambil dengan niat dan dada yang terbuka oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

6. **Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelajar miskin di negeri Sabah yang diberi kemudahan Skim Baucer Tuisyen yang diperkenalkan oleh kementerian?; dan

- (b) apakah terdapat kajian yang dibuat ke atas keberkesanan Skim Baucer Tuisyen dan prestasi pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan tersebut?

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Parit Buntar pada 18 April 2005.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Ching]: Baik.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005, seramai 473,068 orang murid di seluruh negara telah dipilih untuk mengikuti tuisyen di bawah Skim Baucer Tuisyen (SBT) yang melibatkan peruntukan kewangan berjumlah RM179.76 juta. Bagi negeri Sabah sahaja seramai 79,640 orang murid diberi kemudahan tersebut dengan jumlah peruntukan kewangan sebanyak RM30.26 juta. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah merupakan murid yang teramai sekali di seluruh negara untuk mengambil bahagian di dalam skim ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tinjauan awal mendapati SBT telah berjaya meningkatkan prestasi murid-murid yang mengikuti skim tersebut. Berdasarkan kepada laporan prestasi UPSR 2004, keputusan peperiksaan murid-murid SBT menunjukkan peningkatan yang *significant*. Selain itu, murid-murid miskin dan lemah dari segi akademik yang telah menghadiri kelas tuisyen di bawah SBT telah dapat meningkatkan pencapaian markah dengan agak ketara iaitu daripada 'E' kepada 'C' dan 'D' dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan semua Ahli Dewan, SBT diwujudkan untuk memberi bantuan tuisyen kepada murid-murid yang lemah dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik untuk murid-murid tahun 4, 5 dan 6 di sekolah rendah. Dari segi jumlah yang menerima kemudahan tersebut, terdapat peningkatan iaitu daripada 447,729 pada mula ia dilaksanakan pada tahun 2004 kepada 473,068 murid pada tahun ini.

Daripada pemantauan yang dijalankan, kementerian ini mendapati pelaksanaannya berjalan dengan lancar di semua peringkat pengurusan. Semua pihak yang terlibat memberi komitmen yang tinggi, termasuk pihak sekolah yang telah berjaya menguruskan SBT dengan baik. Guru-guru yang terlibat telah menjalankan tugas

seperti yang dirancang di samping berpeluang menambah pendapatan mereka. Skim ini juga telah banyak membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah menghantar anak-anak mereka menghadiri kelas tuisyen yang lazimnya dikenakan bayaran yang tinggi sekiranya mereka menghantar anak-anak ke kelas tuisyen swasta.

Kementerian Pelajaran akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan SBT di samping mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud. Dalam hal ini juga, kementerian mengharapkan sokongan masyarakat, khususnya ibu bapa bagi memastikan anak-anak mereka menghadiri kelas tuisyen di bawah Skim Baucer Tuisyen untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Sekian, terima kasih.

Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin: Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas ucapan yang telah diberikan tadi. Soalan tambahan saya, selain daripada kriteria yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, apakah ada kriteria-kriteria utama yang lain untuk melayakkan seorang murid itu menerima bantuan atau pun kemudahan Skim Baucer Tuisyen yang diperkenalkan oleh kementerian dan siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memilih pelajar-pelajar yang layak untuk menerima bantuan Skim Baucer Tuisyen ini. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syarat yang melayakkan seseorang murid untuk diperuntukkan baucer bagi mengikuti tuisyen di bawah SBT adalah seperti berikut:

- (i) murid mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) pelajar tahun 4, 5 dan 6 di sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan;
- (iii) pendapatan bulanan keluarga adalah RM530 dan ke bawah bagi Semenanjung; RM585 dan ke bawah bagi Sarawak dan RM685 dan ke bawah bagi Sabah, Labuan; dan
- (iv) diperakukan oleh guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains sebagai lemah dan memerlukan bimbingan tambahan dalam mana-mana

bahagian subtajuk atau topik dalam mana-mana atau kesemua mata pelajaran yang dinyatakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya hendak mengatakan bahawa walaupun program ini niatnya adalah baik untuk membantu pelajar dari keluarga yang miskin, tetapi adakah kementerian membuat kajian mengapa pada waktu sekarang hampir semua pelajar perlu pergi ke tuisyen. Adakah ini kerana sistem pengajaran di sekolah bermasalah?

Yang kedua ialah mengapa hanya dihadkan kepada Mata Pelajaran Sains dan Maths, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Melayu. Kalau di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, bahasa penghantarannya ialah Tamil dan juga Mandarin. Kalau Bahasa Mandarin atau pun Tamil menjadi masalah kepada pelajar, pelajaran mereka akan bermasalah. Jadi, saya rasa semasa kita memberi bantuan ini, kita juga perlu *extend* kepada Subject Mandarin dan Tamil dan juga perlu mengkaji sedalam-dalamnya mengapa pada waktu sekarang perlunya

[Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Ching]: Diam, apa masalah?

Puan Chong Eng: Mengapa perlunya ada kelas tuisyen? Adakah cara yang lain....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Ching]: Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng: Atau pun program yang lain, atau pun sistem pengajaran ini perlu diperbaiki. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana Yang Berhormat mengakui bahawa hasrat kerajaan itu baik. Memang hasrat kerajaan baik untuk mengadakan tuisyen. Bukan Tuisyen Baucer sahaja, segala-galanya dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat. *[Tepuk]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Saya jawab. Memang kerajaan telah mengkaji sedalam-dalamnya *[Disorak]* semua aspek. Oleh kerana itulah hanya pada permulaannya 4 mata pelajaran yang kita kenal pasti untuk memberi tuisyen. Dan, kita anggap keempat-empat mata pelajaran yang kita tetapkan merupakan mata pelajaran

yang penting, yang masih lemah lagi, jadi tidak perlulah menyoal sistem pendidikan mempunyai masalah. Sebenarnya tidak, cuma ialah untuk menambahbaikkan kelemahan murid yang masih lemah dalam beberapa mata pelajaran.

Yang Berhormat juga menyoal mengapa cuma hadkan kepada empat mata pelajaran sahaja. Memang mengikut kemampuan kerajaan. Kalau kita minta lebih banyak wang, Yang Berhormat akan menyoal, "*Kenapa pakai banyak wang?*" Jadi, kita pakai wang untuk empat mata pelajaran, Yang Berhormat sudah soal ada masalah sistem pendidikan. Kalau kita kenakan semua mata pelajaran, Yang Berhormat lebih lantang menyatakan sistem pendidikan rosak. *[Disampuk]* Jadi, sabarlah Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, saya menerima pandangan Yang Berhormat yang kita akan kaji sama ada perlu diperluaskan kepada mata pelajaran lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Ching]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk soalan jawab

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)****Pemanjangan Tempoh Koneksi Kali Ketiga Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) –
Kelulusan Parlimen****11.11 pg.**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18, saya berdiri untuk kemukakan usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran kepada Ketua Pembangkang untuk menangguhkan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincang suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu rundingan dan kelulusan Parlimen diadakan dan diperolehi terlebih dahulu sebelum Kementerian Kerja Raya menandatangani pemanjangan tempoh koneksi kali ketiga Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) daripada 20 tahun menjadi 30 tahun, 42 tahun dan terbarunya 50 tahun.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengumumkan Khamis lalu bahawa Kabinet telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh koneksi Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) selama lapan tahun dan tujuh bulan di bawah satu pakej untuk menaik taraf lebu raya tersebut, iaitu menambah dua lorong tambahan di bahagian Seremban-Ayer Keroh dan Rawang-Tanjung Malim dan menempatkan semula plaza tol Jelapang di Ipoh.

Penaiktarafan berjumlah RM1.37 bilion tersebut akan dibiayai oleh suatu pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM962 juta, pengambilalihan Lebu raya Seremban-Port Dickson oleh PLUS yang dianggarkan bernilai RM50.27 juta dan pemanjangan tempoh koneksi yang melibatkan RM361.89 juta. PLUS juga akan mendapat satu pinjaman komersial sebanyak RM900 juta untuk menjalankan kerja tambahan tersebut.

Tindakan menandatangani pemanjangan ketiga tempoh koneksi Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) tanpa rundingan atau pun kelulusan Parlimen adalah sesuatu perkara yang tidak boleh diterima dan tidak wajar di atas sebab-sebab berikut:

perihal meneruskan sejarah perjanjian penswastaaan berat sebelah yang terlalu mementingkan kepentingan korporat, pemegang konsesi dan mengetepikan kepentingan pengguna dan pemandu kenderaan, ditambah dengan kenaikan tol berulang kali tanpa perwakilan sewajarnya oleh pemandu kenderaan.

Dan ketiga, pelanggaran tanggungjawab pentadbiran baru untuk mengkaji semula perjanjian-perjanjian penswastaaan untuk menangani masalah urus janji penswastaaan yang begitu berat sebelah dan tidak mengambil kira kepentingan jangka panjang pengguna dan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat, dari kawasan Ipoh Timor pada 28 Mac 2005 lalu.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua dia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah dia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Berkaitan dengan kepentingan orang ramai ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Sama ada berkehendak ia disegerakan, perkara ini perlu juga disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) Usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini, dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan lepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” *[28 Mac 2005]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

11.18 pagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, dan saya juga ingin memetik beberapa ungkapan yang telah disampaikan oleh Seri Paduka Baginda, iaitu antara lainnya menggesa kerajaan supaya mewujudkan pembangunan wilayah yang seimbang.

Pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kerajaan dan juga mana-mana kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan supaya membuat satu komitmen dan membuat satu kesungguhan untuk melihat betapa pembangunan antara wilayah sama ada di Sabah, di Sarawak, dan di Semenanjung Tanah Melayu ini agar dapat diseimbangkan sehingga kita tidak melihat jurang perbezaan pembangunan itu begitu ketara sekali.

Justeru itu fokus saya kepada negeri Sabah khususnya, saya mahu minta agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang bertanggungjawab supaya mengenal pasti akan masalah-masalah. Kenapa pembangunan wilayah ini tidak seimbang? Apa faktor-faktor utama dia? Apa masalah-masalah yang menyekat sehingga pembangunan ini tidak dapat disaksamakan?

Oleh sebab itu, pada saya, saya melihat dengan ketidakseimbangan pembangunan wilayah ini, maka akan ketinggalanlah wilayah-wilayah yang terpinggir tersebut. Ini termasuk di kawasan Parlimen di kawasan saya. Justeru itu saya juga melihat bahawa satu ruang lingkup yang boleh membantu negeri Sabah untuk mencapai ekonomi pembangunan secara seimbang, iaitu Petronas hendaklah mengambil satu langkah yang bijaksana, iaitu untuk membuka petrokimia *plant* di negeri Sabah.

Baru-baru ini Petronas juga telah menemui telaga minyak di perairan negeri Sabah. Jadi saya minta Petronas jangan hanya tahu menggerudi minyak di wilayah Sabah, tetapi tidak tahu memberi pembangunan ekonomi secara seimbang. Ini Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan sekiranya Petronas ingkar untuk memberi pembangunan membuka petrokimia *plant*, ini bermakna Petronas derhaka, ingkar kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan dengan keingkaran ini, dengan tidak mengikut perintah Yang di-Pertuan Agong, ini bermakna Petronas boleh dihukum kerana ingkar perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melihat pembangunan wilayah secara seimbang.

Saya meminta Petronas jangan hanya tahu mengambil keuntungan, tetapi mereka hendaklah memikirkan bagaimana pembangunan wilayah itu diseimbangkan dan cara dia pada saya dengan membuka petrokimia *plant* untuk membantu menaikkan *circulation economic* di negeri Sabah. Jadi saya ingin melihat Petronas membuka langkah mereka mulai tahun ini, sebab kita telah bergaduh dengan negara jiran disebabkan telaga minyak ini, saya mahu melihat Petronas jangan hanya tahu mengaut keuntungan, mereka mesti memastikan pembangunan di negeri Sabah dapat dijamin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat, Tangga Batu.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Sri Aman.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sri Aman dulu, dia berdiri dulu.

Tuan Jimmy Donald: Kawan saya Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingin minta penjelasan kalaulah petrokimia *plant* ini mungkin tidak ekonomi oleh sebab di Sarawak ataupun Terengganu sudah ada. Setujukah Yang Berhormat kalau Petronas menaikkan kadar sumbangan kepada negeri Sarawak dan Sabah dari 5% kepada 10%, mungkin?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya kalau ditanya saya minta 30% lagi. Kalau saya jangan lagi 10%, kalau boleh Petronas balikkan 30% barulah negeri-negeri tersebut boleh membangun. Tetapi saya melihat kita cukup bertolak ansur antara urusan dalam negara kita, dan saya cuma mahu Petronas melaksanakan sosial obligasi dia, jangan hanya tahu mencari keuntungan dan saya percaya dalam Petronas sendiri, saya ingin kerajaan, saya menggesa kerajaan supaya mengkaji struktur Petronas ini sebab terdapat, terlihat unsur-unsur. Saya bukan menuduh tetapi terdapat unsur-unsur rasuah dalam pentadbiran Petronas itu sendiri.

Saya melihat eksekutif-eksekutif Petronas kaya-raya, mewah, hidup mewah. Rumah berjuta-juta, kalau kira gaji dia berapa? Tapi saya minta BPR selidik latar belakang mana-mana pegawai eksekutif Petronas. Tengok kediaman rumah mereka, mereka tinggal di dalam lapangan golf *course*, rumah 7 juta, 8 juta, dari mana ada duit kalau bukan . rasuah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya seronok dengar apabila Yang Berhormat Kinabatangan memohon supaya pembangunan Petronas ini terutamanya dari bentuk petrol, kimia pelan ini berlaku di wilayah Yang Berhormat.

Tangga Batu Yang Berhormat, kita ada petrokimia *plant*, kita panggil PSSR 1 dan PSSR 2 yang telah tertubuh di Tangga Batu ini selama lebih kurang 8 tahun. Apa yang dapat saya lihat ialah pembangunan ekonomi yang begitu rancak di mana anak-anak muda di kawasan Tangga Batu ini mula bekerja dengan Petronas dan mereka mula menampakkan peningkatan di dalam taraf hidup dan sebagainya.

Yang Berhormat Kinabatangan, satu masalah yang saya nampak adalah pencemaran. Pencemaran ini walaupun disebut oleh Kementerian Alam Sekitar di

bawah kawalan mereka, tetapi pencemaran ini terus berlaku di mana anak-anak sekolah kita, penduduk di sekitar *plant* ini menghadapi masalah, rumah mereka ini minyak. Padi-pagi dia sapu ada minyak. Satu lagi, hukuman yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi itu, apakah bentuk hukuman yang sesuai jika Petronas tak patuh pada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ada tiga soalan yang perlu kita selesaikan. Pertama, saya sakit hati, di Melaka tidak ada minyak, ditubuhkannya pula petrokimia *plant*. Ini yang anehnya dengan Petronas ni.

Kedua, mereka mengaut keuntungan tanpa memikirkan keselamatan masyarakat. Seharusnya mereka mempunyai teknologi yang tinggi, kenapa tidak pelan dengan mesra alam? Kenapa tidak dilaksanakan? Ini menampakkan mereka rakus mencari keuntungan, tetapi tidak memikirkan soal masa depan negara.

Soal hukuman saya percaya kita akan rujuk dengan peraturan yang ada. Derhaka kepada Seri Paduka Baginda, ada hukuman dia. Kita rujuk nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya meminta sekali lagi, menyeru rakyat Sabah keseluruhannya, rakan-rakan saya yang lain keseluruhannya menyeru Petronas membuka apa jua ruang termasuk petrokimia *plant* di Sabah dengan serta-merta untuk memastikan pembangunan wilayah ini dapat direalisasikan menjelang tahun-tahun yang mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini berhubung dengan isu pengangguran. Sama ada siswazah, SPM ke, STPM, berbagai-bagai rekod dan statistik yang dikemukakan. Selepas 80 ribu, 60 ribu, 30 ribu, apa juga pada saya rekod yang ada ini cuma yang terdaftar. Bagi mereka yang tidak terdaftar saya percaya akan ada ratus-ratus ribu pelajar sama ada diploma, siswazah dan sebagainya menganggur. Dan saya tidak bersetuju dengan kenyataan Timbalan Menteri, tidak *clear*, saya jadi *uncertain* terhadap kenyataan dia. Kerajaan dalam perjanjian kemerdekaan hendaklah menyediakan prasarana termasuk ruang pekerjaan. Kenapa kita harus bergantung dengan buruh asing? Berjuta-juta buruh asing di negara kita, sudahlah buruh asing ada lagi PTI yang mengaut keuntungan dalam industri perdagangan manusia. Ini bukan buruh asing, pada saya ini melibatkan perdagangan manusia iaitu kilang-kilang besar, di kawasan saya terdapat 49 kilang kelapa sawit yang besar.

Saya telah membuat kajian, 15 hektar kelapa sawit, satu buruh asing diperlukan. Kalau 40,000 hektar bermakna dia memerlukan lebih kurang 4,000 atau 3,000 pekerja asing. Yang malangnya dia buat deklarasi kepada kerajaan, memohon 200 orang buruh asing yang lainnya dia seludup di bawah, tanpa pembayaran. Dan yang malangnya sekali, gaji mereka ini pun tidak dibayar sebab mereka tidak *legalize*, tidak dihalalkan, mereka pendatang haram. Tetapi kerajaan saya tengok tutup mata, imigresen tutup mata. Apa ini? Apa yang berlaku dalam negara kita? Kenapa pihak penguat kuasa, orang berdagang di pasar diheret, ditangkap, tauke-tauke besar, korporat-korporat, penipu tidak diheret di mahkamah? Dibiarkan mereka bermaharajalela, mengaut keuntungan. Sudahlah mengaut keuntungan kalau kawasan kita ada masalah mereka tidak tengok pun, banjir pun tidak tengok, apa lagi untuk sosial obligasi terhadap rakyat. Ini kerajaan harus mengambil kira, jadi saya meminta kerajaan kalau boleh mulai tahun ini mengkaji bukan sahaja mengurangkan, tetapi kalau boleh kita tidak lagi bergantung pada pekerja asing seperti Jepun dan Korea. Mereka boleh maju, Taiwan pun begitu, kenapa kita tidak? Saya tidak percaya orang Malaysia tidak sanggup bekerja seperti *expertise* dan sebagainya, *non expertise* tetapi bagaimana mereka mahu bekerja kalau gaji disamakan dengan pendatang tanpa izin, gaji hari. Apa gaji hari dalam dunia sekarang ini? Seharusnya mereka harus memberi pengiktirafan kepada pekerja-pekerja tempatan dengan memberi kesempatan mereka menikmati pekerjaan dengan gaji yang begitu lumayan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya tengok Jasin dulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Kinabatangan. Kita lihat pada hari ini, kecenderungan majikan-majikan kita, dia lebih suka pekerja asing daripada pekerja tempatan. Malah di estet-estet bukan kata orang tempatan tak nak kerja, tetapi oleh sebab kita mempunyai persatuan-persatuan pekerja yang *demand* ini, *demand* itu untuk perumahan mereka dan juga EPF dan sebagainya membuatkan bahawa majikan lebih suka pekerja asing, jadi tak payah bayar EPF. Adakah Yang Berhormat setuju sekarang ini bahawa

kecenderungan daripada majikan-majikan kita ini, dia nak mengelakkan daripada semua ini, maka dia mengatakan bahawa pekerja tempatan tidak mahu bekerja di ladang, pekerja tempatan tidak mahu kerja ini dan itu. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Dr. Yusof bin Yacob **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Seperti yang saya jelaskan tadi, mereka ialah penyangak, mereka ini penipu, memberi penjelasan yang tidak jelas kepada kerajaan dan kementerian kita pula terikut-ikut tanpa membuat kajian, mereka memang menipu seperti yang saya katakan awal-awal. Mereka kata pekerja tempatan tidak berminat tidak mahu bekerja, macam mana mahu bekerja gaji lapan ringgit. Tapi pendatang yang - manusia yang dagang secara haram itu, dia bayar lima ringgit satu hari pun ampun. Ini masalah kita, bagaimana kita menuju Wawasan 2020 kalau inilah mentaliti korporat kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Mereka inilah penyamun besar dalam negara kita. Jadi Kerajaan harus menyedari hakikat ini, jangan membiarkan semata-mata.....Sri Gading. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia ambil alih sebagai 'Speaker'. Datuk Yang di-Pertua, saya amat simpati Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia punya 'floor' Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia punya 'floor'.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya la dia punya 'floor' tapi saya..dia bagi saya peluang Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya amat simpati Datuk. Rintihan yang diperdengarkan oleh Kinabatangan ini mewakili Sabah, mewakili rakan-rakan kita

daripada Sabah, yang selama ini saya lihat saya rasai saya dengar saya pandang, memang didiskriminasikan kalau dibandingkan dengan semenanjung ini.

Beberapa Ahli: Betul-betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sampai bila keadaan yang tidak seimbang ini, sampai bila Datuk. Sampai bila nak diselesaikan. Saya berharap, saya nak menegur secara moral ni, saya berharap kementerian-kementerian yang berkaitan dengan apa yang disentuh, terutama kementerian yang ada kaitan dengan Petronas mesti mengambil tindakan daripada hari ini. Jangan ditangguh-tangguhkan rakyat Sabah sudah tidak tertahan menerima berbagai-bagai penyingkiran daripada arus perdana. Datuk, saya menyokong apa yang diperkatakan oleh Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih, rakan saya. Ini bermakna rakan-rakan di Semenanjung juga begitu prihatin melihat perbezaan pembangunan wilayah di antara wilayah. Dan ini bermakna, bukan sahaja Petronas bahkan agensi-agensinya kerajaan yang lain perlu harus mengambil tahu dan suka lah saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar kalau boleh mewujudkan satu agensi kerajaan, iaitu pembangunan wilayah di Sabah. Untuk memastikan, untuk membuat kajian, bagaimana wilayah-wilayah di Sabah dapat dibangunkan seperti wilayah-wilayah di semenanjung yang begitu pesat membangun pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya juga seperti titah ucapan Seri Paduka Baginda, di mana Baginda telah menyarankan sehingga penghujung tahun ini, bagi semua pihak operator telefon selular atau pun mudah alih ini, memberi perkhidmatan secara menyeluruh di seluruh wilayah.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Wifred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya jangan cakap seluruh wilayah lah, di Sandakan sendiri, lebih kurang tujuh kilometer daripada bandar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada rakan belakang bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: tidak ada, perkhidmatan ini.

Seorang Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan.

Tuan Wifred Madius Tangau: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya nak balik sedikit, tentang pembangunan wilayah tadi. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa bukan semua pemimpin-pemimpin negeri Sabah bersetuju dengan pewujudan satu agensi pembangunan wilayah di Sabah. Dan kalau Yang Berhormat sedar, apakah sepatutnya yang kita harus buat? Jika sebenarnya Kerajaan Persekutuan benar-benar mahu buat keputusan tapi ada lagi mereka yang belum faham dengan konsep ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Yang tidak faham ini saya rasa mereka terdiri daripada berfikiran jumud, mahu melihat mundur ke belakang dan *Insyah-Allah* kita akan 'brainwash' otak mereka supaya mereka mengetahui bagaimana perlunya agensi kerajaan yang ada ini untuk diwujudkan di negeri Sabah. Terima kasih Yang Berhormat.

Balik kepada perkhidmatan operator telefon selular. Jadi kepada sama ada TM Touch kah, Celcom kah..apa-apa lah,

Seorang ahli: kom-kom lah..

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: kom-kom lah apalah...mereka harus mematuhi titah Seri Paduka Baginda. Mulai daripada tahun hadapan, saya akan melapor di Dewan ini juga mana-mana operator-operator telefon selular yang tidak mempunyai perkhidmatan ini, saya akan tulis surat kepada Seri Paduka Baginda sendiri, memaklumkan bahawa mereka derhaka dengan titah sultan untuk memberi perkhidmatan secara menyeluruh kepada rakyat di negara kita. Saya sendiri akan mengintai-intai, saya akan sendiri - mana tidak masuk akal, tujuh kilometer dari bandar Sandakan tidak ada perkhidmatan ini, tidak ada 'line.'

Seorang ahli: Tipu.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Mustahil, tipu. Promosi sana-sini, *hotline* dan sebagainya..

Beberapa orang ahli: Tipu...

Seorang ahli: Cari untung saja..

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [*Bangun*]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Cari untung, inilah kerajaan harus meneliti, jangan kita terpedaya dengan korporat-korporat penyangak ini. Mereka ini penipu, mengaut keuntungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Aman bangun Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Beberapa orang ahli: [Ketawa]

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat membuat laporan untuk Sandakan, boleh tak memasukkan laporan dari Sri Aman nanti.

Beberapa orang ahli: Boleh!..

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Arahan Seri Paduka Baginda seluruh kawasan. Bermakna mereka kena bersiap sedia, daripada bulan ini sehingga akhir tahun ini. Kalau tidak kita semua akan lapor tulis surat kepada Seri Paduka Baginda sendiri bahawa mereka ingkar. [Dewan riuh – tepuk]

Dato' Seri DiRaja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi dia jalan...Arau bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri DiRaja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan. Saya pun pernah pergi ke Sandakan dan apa yang Yang Berhormat kata tu betul. Dan sekiranya Yang Berhormat Kinabatangan ingin nak tulis surat kepada Seri Paduka Baginda, saya rela hati tolong dia juga.

[Dewan riuh]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ha...tengok Arau ni adik Sultan. Terima kasih kerana menyokong.

Beberapa orang ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua iaitu pengwujudan stesen TV swasta. Pada satu ketika dulu kalau tak silap saya, Ntv7 ini diwujudkan untuk 'cover' Sabah dan Sarawak. Tujuan lesen asal dia. Tetapi sekarang, saya tengok terlalu jauh menyeleweng. Ini pun Kementerian Penerangan perlu buat kajian, rujuk panggil tengok pengwujudan lesen dia, bagaimana tujuan permohonan dia. Kenapa telah diselewengkan. Sudah menyimpang terlalu jauh. Ini pun tidak boleh dilihat.

Mungkin Menteri, Timbalan Menteri sibuk barangkali, jadi Setiausaha Parlimen dia pun tidak ada, sibuk jugak, semua sibuk.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: *[Bangun]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Jadi kalau mereka sibuk saya percaya kakitangan dia ada di sini, pegawai-pegawai dia. Kalau boleh, batal lesen dia, jangan bagi bertolak ansur inilah kita rugi terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, Mambong dan Pensiangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Belakang dulu.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan. Malam tadi ada gempa bumi berlaku. Apabila gempa bumi berlaku pada jam 12.09 pagi, tidak ada laporan. *Happy-happy* semua. Lepas itu RTM tidur, RTM 1 dan 2, tidur pukul 12.00 tengah malam. TV3 menyiarkan permainan bola keranjang MBA. Tetapi ntv7, dia ada *breaking news* pada pukul 1.30. Kalau tidak ada ntv7, bagaimana kah kita nak tahu apa yang telah berlaku. Gempa bumi ini adalah penting bagi kita untuk mengetahui nya. Jadi saya juga merasa senang hati lah melihat ntv7 ini melaporkan tentang gempa bumi ini kerana ia akan berlaku lagi, sebab....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tapi Yang Berhormat tak ada kepentingan dalam ntv7 lah.

Dr. James Dawos Mamit: Saya tidak ada...*[Ketawa]* gempa bumi akan berlaku lagi, sebab waktu sekarang, plat Sunda dan plet Sumatra sedang..untuk *normalizing*. Jadi soalan saya kenapakah ntv7 hanya untuk Sabah dan Sarawak sahaja, walhal kita boleh lihat lah di dalam, di seluruh negara.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Yang Berhormat, bukan begitu. Cuma pada hakikat awal dia tujuan lesen dia itu untuk *coverage* Sabah dan Sarawak khususnya dan untuk seluruh negara dan seluruh dunia. Itu tidak apa. Tetapi Sabah dan Sarawak langsung tidak terselit. Yang diselit yang lain-lain. Begitu juga dengan keadaan. Keadaan dunia har ini, memerlukan kerajaan peka, iaitu dunia hari ini kita diancam oleh berbagai-bagai-bagai bentuk bencana alam. Jadi seharusnya saluran TV ini, jangan berhenti pukul dua belas, pukul satu. Mereka kena, TV1, TV2, dengan berbagai-bagai

nama, 'saluran famili anda', 'infotainment' la.. apa 'infotainment', pukul dua belas tutup. Bagaimana rakyat menerima informasi. Yang tidak ada 'Astro' macam mana? Kerajaan harus peka dalam soal ini, sebab informasi ini perlu. Ada orang yang tidur di flet 28 tingkat tiba-tiba dia ranap. Mambong kata perkara ini masih berlaku. Jadi ini kita harus, bukan saja di radio tetapi di TV harus dibuka kalau boleh dalam keadaan-keadaan seumpama ini dua puluh empat jam.

Datuk Yang di-Pertua, isu utama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Kejap..saya bawa dulu isu ini. Isu utama musuh negara iaitu dadah. Dia telah di *confirmkan* oleh Perdana Menteri. Kalau dia isu musuh utama negara, kenapa kita lalai, kenapa kita leka. Saya mendapat tahu dan pusat serenti memaklumkan daripada beribu-ribu yang dipulihkan cuma 10 peratus, itu pun nasib-nasib lah, boleh balik seperti manusia yang normal. 90 peratus, kalau bukan jadi penagih balik, mereka jadi pengedar. Jadi ini, daripada tiga pusat serenti kita, sekarang sudah 19 dan akan ditambah lagi. 28 lapan sekarang. Berapa kos Kerajaan tanggung. Saya mempunyai kaedah, iaitu mencadangkan kepada kerajaan supaya mengenal pasti satu tempat yang terpencil sama ada pulau kah ataupun hutan rimba kah, ditempatkan semua penagih dadah ini. Mereka di '*isolate*'kan daripada masyarakat.

Kalau mereka betul-betul pulih, baru diangkat balik ka tanah besar, kalau tidak biarlah mereka di situ, biarlah mereka bercucuk tanam di situ, berkahwin di situ, 'mati' di situ. Mereka ini 'najis', tidak boleh dipulihkan lagi. Daripada kerajaan membuang duit berjuta-juta ringgit, saya mencadangkan kepada kerajaan, daripada mewujudkan pusat serenti yang tidak ada jaminan supaya mereka ini diasingkan daripada masyarakat sebab mereka adalah sampah masyarakat. Mereka tidak menghargai diri mereka. Kerajaan sudah buat yang terbaik, mereka mencari juga 'najis' di tengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat yang penagih ini orang Melayu. Pengedar dia orang Cina. Pengedar ini tidak menagih. Dia mahu duit saja. Yang bodoh ini orang Melayu. Yang mengedar terlepas, 200 mengedar baru satu kena tangkap. Saya pun hairan, bagaimana. Saya dulu telah mencadangkan kepada kerajaan. Kita gunakan kekuatan kita yang ada ini. Kita gunakan tertera laut, tentera darat, PGA dan

sebagainya, marin. Kita kenal pasti mana satu pintu dia masuk pengedar ini. Sampai hari ini masih juga banyak terlepas. Ini seolah-olah pagar makan padi. Saya tidak menuduh. Bagaimana dia mudah lepas? Kalau di semenanjung ini sempadan kita Kelantan, Perlis, Kedah dan satu dua negeri. *Limpas* juga... berpuluh-puluh mata pun tengok pun *limpas* juga. Kita tidak tahu mana silap dia. Dia tutup sebelah mata kah..dua mata kah dia tutup kita tidak tahu lah. Kita tidak menuduh. Tapi ini kerajaan kena ambil iktibar lah. Jangan permudahkan kemasukan najis dadah ini ke negara kita. Sebab ini akan menghancurkan masa depan negara kita.

Isu yang ingin saya sentuh, sebagai mewakili rakyat Malaysia di Kinabatangan, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup kesal dan saya cukup marah dan saya ingin memberi tahu kepada segelintir rakyat Indonesia dan juga kepada segelintir Ahli-ahli Parlimen Indonesia, mereka biadab terhadap negara kita. Kita telah cukup berbaik-baik dengan mereka selaku saudara serumpun tetapi rupa-rupanya kita harus ingat pepatah Melayu, “Jangan kita berbudi kepada mereka yang tidak merasa”. Kita bagi susu mereka balas dengan tuba. Mereka bakar bendera kita, mereka caci pemimpin kita.

Saya ingin perjelaskan bahawa dengan ungkapan maaf tidak memadai bagi kerajaan Indonesia dan pada hari ini saya mendapat maklumat bahawa terdapat ramai Ahli Parlimen Indonesia meminta Dutanya ke Malaysia diberhentikan sebab memohon maaf kepada negara kita. Bermakna pemimpin-pemimpin Indonesia telah merancang perbuatan ini. Mereka bersetuju dengan tindakan rakyat mereka tetapi mereka berpura-pura untuk memohon maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah hendak habis, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mahu habis di sini? *[Disampuk]* Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kita tidak meminta yang bukan-bukan. Perdana Menteri Malaysia bukan ‘maling’ pak, bukan pencuri, bukan perompak. Yang perompak adalah mereka. Perdana Menteri Malaysia seorang yang dihormati, disegani dan bertolak ansur. Kebaikan yang ada pada kita disalahgunakan oleh mereka. Jangan mereka cuba mengganggu gugat kedaulatan kita, walau seinci bumi kita akan kita pertahankan. Kita tidak menggadai bumi kita, kita tidak merampas hak orang lain, mereka yang menumpang tuah di negara kita tetapi tidak tahu menghormati – tuah yang kita bagi, kita

bagi paha mahu naik di atas kepala, nyah mereka! Saya minta wakil BPR Indonesia jangan cuba mengacau, mengganggu-gugat akan negara kami. Mereka menyiarkan ucapan-ucapan provokasi “Ganyang Malaysia”. Ganyang apa? Kita tidak akan mundur seinci pun, kita akan mempertahankan bumi kita. Mereka harus tahu, harus sedar, walaupun kita negara kecil tetapi kita berdaulat, kita Merdeka dan kita akan pertahankan bumi kita, pemimpin kita, jangan mereka ganggu-gugat kita. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jerai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Belud, Kota Belud.

11.48 pagi

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbahasan dan seterusnya menyokong Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong pada istiadat pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kesebelas.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membuat beberapa perubahan polisi ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat, mengatasi masalah kemiskinan, menyediakan peluang pekerjaan, memberikan latihan kemahiran, mengatasi masalah pengangguran, masalah perpaduan kaum, meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam dan merapatkan integrasi antara rakyat. Dalam ucapan ini saya akan hanya menyentuh tentang tiga perkara sahaja, iaitu mengenai isu pembangunan sumber manusia sektor desa, isu pergantungan terhadap buruh asing dan isu penebangan pokok dan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan kawasan luar bandar khususnya desa telah banyak disentuh. Rata-rata telah menyentuh mengenai masalah infrastruktur desa, kekurangan pekerjaan, pendapatan rendah, pengangguran, tanah terbiar, jenayah dan sebagainya. Izinkan saya menyentuh satu lagi perkara penting bagi pembangunan sektor luar bandar iaitu berkaitan pembangunan sumber manusianya. Saya berpendapat masalah pembangunan di desa adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kurangnya peluang pendidikan dan latihan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk

desa bagi membolehkan mereka berubah. Gulungan yang saya maksudkan ini ialah individu yang berada dalam kumpulan umur produktif tetapi terkandas pada peringkat SRP, PMR dan SPM. Kegagalan dalam persekolahan ini kemudiannya menyebabkan mereka menjadi penganggur tanpa mempunyai apa-apa kemahiran ataupun kebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut data Rancangan Malaysia Kelapan, jumlah penduduk yang mendaftar untuk mencari pekerjaan pada tahun 2000 adalah 27,820 orang tetapi telah meningkat kepada 32,305 orang pada tahun 2002. Pada tahun 2002, 88.8% daripada pencari pekerjaan ini adalah berusia antara 15 hingga 24 tahun dan selebihnya adalah berumur 30 tahun ke atas. Data ini menunjukkan 78% daripada pencari pekerjaan ini berkelayakan SPM dan ke bawah, dengan jumlah teramainya adalah terdiri daripada lepasan SPM iaitu 60.1%. Kira-kira 79.2% daripada jumlah pencari pekerjaan ini adalah penganggur sepenuh masa, manakala selebihnya sedang bekerja secara sambilan atau menjadi buruh keluarga.

Data ini menunjukkan majoriti lepasan SPM telah menjadi penganggur sedangkan pada tahun yang sama tenaga mereka sangat diperlukan dalam pelbagai sektor. Pada tahun 2002 terdapat 162,727 kekosongan peluang pekerjaan baru yang telah dilaporkan. Yang menariknya, 94.73% daripada kekosongan baru ini adalah kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan SPM dan ke bawah seperti dalam jawatan pekerjaan perkeranian dan yang berkaitan, pekerja jualan, pekerja perkhidmatan, pekerja pertanian, ternakan, perhutanan dan teramai sekali sebagai pekerja pengeluaran operator alat pengangkutan dan buruh. Namun, malang sekali hanya 11.8% daripada pencari pekerjaan ini berjaya mendapat pekerjaan.

Apabila kita mengaitkan masalah pengangguran, jenayah, penagihan dadah dan lain-lain masalah sosial dengan masalah kemiskinan dan kemunduran luar bandar, maka pada dasarnya kita turut merujuk kepada kegagalan penduduk kumpulan umur produktif ini diserapkan ke dalam sektor pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kegagalan penduduk kumpulan umur produktif ini diserap ke sektor ekonomi bukanlah semata-mata disebabkan mereka enggan bekerja kerana tingkat upah yang rendah tetapi disebabkan oleh keengganan industri mengambil mereka bekerja kerana mereka tidak mempunyai kemahiran asas yang dikehendaki oleh sektor pekerjaan berkenaan. Misalnya, sektor perkeranian

memerlukan kemahiran asas penggunaan dan pengurusan teknologi maklumat, komunikasi serta pengetahuan pengurusan pejabat. Sektor pembinaan memerlukan kemahiran asas ketukangan seperti mengikat bata, plaster, memasang cermin, *wiring* dan sebagainya.

Namun apa yang sebenarnya berlaku ialah kumpulan lepasan SPM dan ke bawah ini tidak mempunyai kemahiran asas yang diperlukan oleh syarikat untuk mereka diterima bekerja dalam sektor yang disebutkan. Oleh itu bagi membolehkan kumpulan ini mempunyai kemahiran yang diperlukan maka saya mencadangkan supaya kerajaan membawa masuk pendidikan dan latihan kemahiran ke kawasan luar bandar bagi mengupayakan golongan lepasan SPM dan ke bawah ini mempelajari kemahiran berkaitan yang diperlukan oleh sektor pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan saya ini bermaksud kerajaan melalui kementerian dan agensi yang berkaitan perlu membawa institusi pendidikan dan latihan kemahiran ke luar bandar, bukan seperti sekarang ini yang tertumpu semata-mata di kawasan bandar sahaja. Kita boleh melakukan strategi ini dengan banyak cara, sama ada dengan menubuhkan institusi latihan yang tetap di luar bandar secara perkongsian dan guna sama, menggunakan bangunan dan kemudian sedia ada di luar bandar, menyewa bangunan atau dengan mewujudkan kem-kem latihan dan pendidikan secara sementara.

Kerajaan boleh menggunakan jentera Jawatankuasa Kemajuan Kampung atau penyelidik bebas untuk mengkaji keperluannya dalam sesebuah kawasan luar bandar seperti menentukan jenis kursus, reka bentuk kursus dan jumlah calon yang berminat untuk diberikan latihan kemahiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Datuk Salleh bin Tun Said: Ya, silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Saya amat tertarik dengan berbahasan Yang Berhormat tentang latihan. Di negeri Sabah, kita mempunyai latihan-latihan ataupun institut pertanian, sama ada perikanan, penternakan dan juga tanaman. Tetapi apa yang kita lihat ialah setiap tahun apabila diberi peruntukan bajet, diberi kalau bukan

Token RM10, dia "0" seperti dalam Bajet Tahun 2005 ini. Jadi, di manakah letaknya keutamaan kerajaan dari segi memberi dalam soal permohonan sumber manusia. Dalam soal ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perlu penyelarasan, perbincangan, sinergi di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri khususnya dalam soal pemberian peruntukan untuk memperkasakan lagi institusi-institusi latihan di kawasan luar bandar, khususnya dalam soal pertanian. Terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran, memang saya bersetuju perlu ada satu penyelarasan. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengatakan bahawa para pembuat, pelaksana dasar di peringkat Putrajaya kena mengambil kira negara kita Malaysia ini mengamalkan satu sistem Persekutuan iaitu *Federal system* bukannya *unitary system*. Dalam sistem kerajaan seperti ini di mana kita mempunyai kuasa-kuasa tertentu yang ada di peringkat negeri maka untuk menentukan bahawa kita akan mencapai sasarannya perlu ada penyelarasan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dan amat aneh sekali kalau kita tahu apa yang hendak kita buat tetapi kita tidak sediakan peruntukan. Ini sudah tentu akan merugikan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, institusi pendidikan awam atau swasta perlu ditauliahkan untuk mereka bentuk kursus dan latihan yang bersesuaian dengan keperluan pekerjaan dan penduduk serta menyampaikan latihan kemahiran secara wajar dengan kos yang minimum di tempat yang dikenal pasti. Beberapa kursus atau latihan yang bersesuaian dengan taraf penduduk luar bandar yang berpendidikan rendah ini pada pandangan saya termasuklah kursus kemahiran, ketukangan bangunan dan rumah, juru elektrik dan juruteknik, kemahiran asas ICT yang relevan, kemahiran asas pertanian, perhutanan dan perikanan, ketukangan perabot, aksesori rumah dan berbagai-bagai bentuk kursus lagi.

Dengan tumpuan pendidikan dan latihan kemahiran di kawasan luar bandar dengan kumpulan sasaran yang jelas dan kursus yang sesuai, saya yakin bukan sahaja kerajaan dapat menyelesaikan masalah penduduk yang tidak dapat menggunakan kelayakan SPM mereka untuk bekerja tetapi pada masa yang sama dapat membantu penduduk mencipta peluang pekerjaan untuk mereka sendiri atau untuk orang lain. Ini kemudiannya membantu mengurangkan masalah kemiskinan dan pada masa yang

sama mengurangkan pengangguran, gejala jenayah, penghijrahan dan masalah sosial di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang ingin saya sentuh ialah masalah pergantungan negara terhadap buruh asing dalam sektor-sektor industri tertentu. Saya berpendapat pergantungan terhadap buruh asing ini perlu dikawal dan dikurangkan ke tahap minimum kerana beberapa sebab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit bangun.

Datuk Salleh bin Tun Said: Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tertarik dengan Yang Berhormat bagi Kota Belud berkenaan dengan saranan supaya latihan kepada belia-belia lepasan SPM dan sebagainya supaya diberi latihan kemahiran bagi membantu pihak pekerja-pekerja, pengilang-pengilang dalam mendapatkan pekerja-pekerja mahir. Tetapi apa yang kita perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, ialah kebanyakan pusat-pusat latihan kemahiran ini adalah didirikan oleh kerajaan seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), IKM, IKBN, institut-institut pertanian dan sebagainya.

Tidakkah wajar pihak swasta sendiri bekerjasama di antara mereka mendirikan pusat-pusat latihan kemahiran ini bagi menampung keperluan industri itu sendiri kerana kita faham bahawa keperluan pihak swasta itu hanya dapat dibekalkan daripada kaedah-kaedah latihan yang disediakan oleh mereka sendiri kerana mereka tahu apa jenis kemahiran yang diperlukan. Maka apabila banyak didirikan pusat latihan kemahiran ini mereka boleh mengambil pelatih-pelatih yang keluar dari institut-institut kemahiran yang mereka dirikan sendiri. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Salleh bin Tun Said: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Memang pada ketika ini kita lihat kerajaan membina banyak tempat kemahiran untuk melatih anak-anak kita dan seperti mana yang saya katakan awal tadi bahawa penting juga kita libatkan pihak swasta. Tetapi ingin saya memberikan penekanan di sini ialah apabila kita menubuhkan pusat latihan tersebut, pada pendapat saya kita tidak harus tertumpu kepada kawasan-kawasan bandar semata-mata. Kita kena masuk ke tempat-tempat yang tertentu maka tidak perlulah anak-anak muda ini masuk ke bandar dahulu, biar mereka kita latih di situ

kerana ini penting dan apabila kita berbicara soal negara Malaysia, negara Malaysia bukan sekadar di Kuala Lumpur sahaja tetapi termasuk juga di Pulau Banggi, termasuk juga di Kinabatangan dan pelbagai tempat lagi.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Parit maka kita kena libatkan juga pihak swasta dalam hal ini kerana mereka tahu apakah peluang-peluang pekerjaan yang perlu diberi keutamaan tetapi konsep yang ingin saya cadangkan ialah di mana kerajaan itu harus turun ke bawah, kena ada kerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, institusi ketua kampung, penghulu dan sebagainya. Di situ kadangkala ada di antara anak-anak muda kita ini dia tidak ingin sangat mendapat maklumat yang terkini tetapi kalau kita datang ke situ memberi penerangan kepada mereka, Insya-Allah ia akan dapat berjalan dengan sebaik-baiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kota Belud. Saya ingin menambah sebenarnya. Apabila kita bincang mengenai dengan barisan depan remaja-remaja kita yang hanya ke tahap SPM ataupun sekolah rendah. Saya melihat apabila kita sentuh mengenai dengan pihak-pihak swasta. Pada masa kini kita lihat, pihak-pihak swasta ataupun IPTS ini ataupun para syarikat yang tidak menawarkan kursus-kursus yang tertentu umpamanya macam IPTS, Institut Pengajian Tinggi Swasta.

Sekarang ini kita memerlukan kemahiran dari segi pertanian umpamanya. Kebanyakan daripada IPTS ini tidak menawarkan kursus-kursus yang ada hubung kait dengan pertanian ataupun perikanan dan sebagainya. Yang ada sekarang ini hanya Universiti Putra sahaja yang kita ada. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa semua ataupun sebilangan besar daripada kolej-kolej ataupun pihak-pihak swasta ini yang perlu mendirikan kolej-kolej di luar bandar supaya menawarkan kursus-kursus seumpama yang saya sebutkan tadi dari aspek pertanian. Umpamanya di negara kita Sabah sekarang ini tumpuan yang besar sekali adalah tumpuan dari segi aspek pertanian. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said: Terima kasih Yang Berhormat, idea yang baik. Bagaimanapun fokus yang saya katakan tadi ialah lebih kepada soal mereka yang di

peringkat SPM dan di bawah SPM. Pada saya ini perlu diberi latihan yang sebaik-baiknya. Sekarang di negara-negara yang tertentu seperti di Australia, di mana kita lihat sekarang mereka ada dua sistem. Pada mereka yang ingin, tidak digalakkan untuk masuk ke universiti, di mana mereka digalakkan untuk masuk institusi kemahiran, iaitu apabila mereka berada di grad 12 atau 13, penuntut itu ada pilihan kalau mereka yang mengambil *public exam*, mereka boleh masuk ke universiti, bagi mereka yang mengambil *exam* di sekolah sahaja, mereka boleh dimasukkan ke tempat-tempat kemahiran.

Ini adalah untuk kita *survive* dalam masyarakat dunia sekarang ini, kita kena ada kemahirannya. Seseorang itu mempunyai ijazah yang banyak pun kalau tidak ada kemahiran, dia tidak boleh dapat bersaing pada masa hadapan. Saya bersetuju jika ada usaha-usaha saya, sedemikian. Pada saya selain daripada kita fokus kepada graduan yang menganggur 80,000 orang katakan kita kena fokus kepada anak-anak muda ini kerana mereka ini nanti adalah bakal menjadi rakyat yang seharusnya berguna kepada negara kita ini. So, kalau kita tidak latih, tidak ada kemahiran akhirnya mereka akan menjadi penganggur, mereka akan menjadi satu masalah liabiliti kepada negara kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, biar saya hendak teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi apabila disebut tentang IPTS. Saya ada dua persoalan di sini, sama ada IPTS ini sekadar indah khabar dari rupa. Sebab sekarang ini kita lihat bahawa IPTS telah berkembang, bercambah ibarat cendawan di musim hujan. Tetapi kalau kita teliti hakikat sebenarnya dari segi kemampuan *man power*, dengan izin dengan kemampuan pensyarah-pensyarahnya, berapakah nisbah pensyarah-pensyarah yang berkualiti berbanding dengan IPTA, saya rasa banyak persoalan di sini. Saya hendak tahu apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Yang satu lagi tentang masalah berhubung dengan IPTS ini, saya kira kalau sekarang dia terlalu membuat promosi dan diwarwar sangat. Saya kira di antara realiti dan harapannya itu agak jauh berbeza. Di antara sasaran kehendak yang hendak dicapai dengan realiti jauh berbeza. Kadang-kadang anak-anak kita pun akan

terperangkap dalam satu *system elitist*. Jadi ini adalah merupakan satu perkara yang harus diberi perhatian. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Datuk Salleh bin Tun Said: Terima kasih memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kita ini kadang-kadang terlalu ghairah apabila kita cerita IPTS, semua hendak tubuhkan IPTS. Itu seolah-olah trend yang ada pada kita. Kerana pada saya yang penting ialah ia mempunyai kualiti. Kita kena lihat sini, apakah mereka membuat IPTS itu kerana lebih memberi pendidikan kepada kita, atau sekadar *business*, lebih mencari keuntungan ataupun tidak. Biasanya kalau dia mencari keuntungan, dia akan mencari kursus-kursus yang mudah untuk anak-anak itu mendapat kelayakan yang sebaik-baiknya. Kadang-kadang mereka tidak memilih sama ada anak-anak itu mendapat pekerjaan di kemudian hari ataupun tidak. Kita kena lihat, apabila kita katakan negara kita sudah maju ke hadapan, sebenarnya soal mendapat ijazah pertama yang nanti adalah perkara biasa, *its nothing special about it*, dengan izin. Kerana pada ketika itu kita lebih memerlukan kepada kualiti antara *specialization* - sudah.

Saya bersetuju sepatutnya kerajaan mengambil kira semua ini, sama ada dengan perwujudan banyak IPTS ini boleh memenuhi kehendak keperluan sumber manusia di negara Malaysia ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan topik pergantungan terhadap buruh asing. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa ia perlu dikawal. Kehadiran buruh asing menyaingi pekerja tempatan dari segi peluang pekerjaan. Misalnya pada tahun 2002, hanya 19,277 orang daripada 162,727 orang pencari pekerjaan berjaya mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor. Pada masa yang sama, negara mempunyai sekitar 1.2 juta buruh asing berdaftar yang bekerja dalam pelbagai sektor pada tahun 2003 dan meningkat pada 1.36 juta pada tahun 2004.

Kehadiran buruh asing menyebabkan ketaksetaraan paras rupa. Khususnya di sektor industri pembuatan. Pada tahun 2002, sektor pembuatan yang merupakan industri kedua terbesar negara hanya menyerap 8.46% pekerja tempatan yang mendaftar sebagai pencari pekerjaan, sedangkan peluang pekerjaan sebenar yang berkaitan dengan sektor tersebut yang dilaporkan adalah melebihi 63.24%. Pengambilan buruh asing telah menjadi keutamaan kebanyakan syarikat perniagaan kerana kos

mengaji mereka jauh lebih murah berbanding dengan buruh tempatan di samping adanya persepsi buat mereka senang diarah dan sebagainya.

Sekiranya ini terus dilaksanakan, maka jumlah buruh asing akan terus meningkat dan negara akan terus bergantung kepada mereka. Ketiga, kehadiran buruh asing melalui cara haram didapati meningkat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun Yang Berhormat. Hendak bagi laluan?

Tuan Jimmy Donald: Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat. Hasrat kerajaan hendak membangunkan negara supaya kita semua dapat meninggikan taraf hidup kita lebih-lebih lagi rakyat Malaysia. Oleh kerana itu, kita hendak membuka hutan belantara di Sabah Sarawak, kita hendak menanam kelapa sawit supaya rakyat di sana dapat menikmati kemajuan ekonomi. Kita hendak membubuhkan wang yang begitu banyak kepada Kementerian Pertanian supaya industri laut dalam kita dapat meninggikan taraf hidup rakyat kita. Tetapi akhir-akhirnya yang ditolong oleh kita ialah rakyat dari Bangladesh, rakyat dari Indonesia, rakyat dari Thailand untuk menjadi penangkap ikan di laut dalam dan juga rakyat di Filipina, dan yang untung adalah tokoh-tokoh korporat dan dua tiga syarikat. Setujukah Yang Berhormat kalau kita minta kerajaan memikir semula di mana hilangnya arah kita dalam usaha kita hendak membantu rakyat jelata yang pada masa sekarang kalau hendak bekerja di ladang hanya diberi RM8 atau RM9 gaji upah satu hari.

Datuk Salleh bin Tun Said: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah sudah tentu kerajaan memberi keutamaan kepada anak tempatan. Tetapi kita juga kena mengambil kira industri berkenaan di mana mereka juga perlukan pekerja untuk mereka membantu negara kita. Sudah tentulah kerajaan memerlukan satu dasar di mana pada suatu hari kelak, di mana buruh asing ini tidak diperlukan lagi dalam sektor-sektor tertentu. Pada saya buat sementara waktu ini ia tidak boleh berbuat demikian. Tetapi yang penting pada saya kena ada satu perancangan yang lebih menyeluruh lagi dan insya-Allah nanti saya akan memberi pandangan dan cadangan saya dalam hal ini.

Kehadiran buruh asing melalui secara haram didapati meningkat pada tahun 2001 seramai 33,021 orang pendatang asing ditangkap, manakala pada tahun 2002 sejumlah 28,320 ditangkap. Jumlah ini agak besar walaupun ia tidak melebihi 4%

daripada jumlah keseluruhan pendatang asing yang berada di dalam negara kita. Kemasukan pendatang asing secara haram dan perkembangan dalam jenayah terancang merentasi sempadan seperti penyeludupan dan perdagangan manusia ini, bukan sahaja merugikan negara, bahkan merosakkan imej negara dan mencabar kedaulatan negara.

Kehadiran buruh asing membawa pelbagai implikasi negatif ke atas negara dan kepentingan rakyat, ini termasuklah peningkatan jenayah dan sebagainya. Negara juga terpaksa menanggung kos kewangan yang tinggi dalam operasi membanteras pendatang tanpa izin ini, dan pada masa yang sama turut menanggung kos kesihatan dan perubatan pengangkutan awam, perumahan dan lain-lain kos berhubung dengan kehadiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari buruh asing ini adalah diperlukan oleh negara kerana kehadiran mereka dapat membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi di samping negara turut memperolehi faedah daripada pendapatan levi, visa dan lain-lain perbelanjaan mereka di dalam negara yang secara amnya menyumbang lebih daripada 1.218 bilion pada tahun 2003.

Saya juga sedar bahawa negara perlu menjaga kepentingan syarikat perniagaan yang mengambil buruh asing. Namun demikian saya berharap agar pergantungan terhadap buruh asing di dalam sektor-sektor tertentu diminimumkan dan dapat digantikan dengan buruh tempatan atas sebab-sebab yang saya hujahkan di atas. Bagi mencapai matlamat mengurangkan pergantungan buruh asing ini, saya mencadangkan beberapa perkara berikut:

- i. dasar buruh asing negara dikaji supaya dapat menetapkan tempoh pergantungan negara terhadap buruh asing dalam jangka masa tertentu.
- ii. kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan perlulah secara efektif memainkan peranan ke arah menggembleng sumber tenaga tempatan untuk membolehkan mereka bekerja di dalam pelbagai sektor industri yang melibatkan buruh asing. Ini terutamanya bagi pekerjaan pertanian, ternakan dan perhutanan. Pekerja jualan, pekerja

perkhidmatan dan pekerja pengeluaran yang berkaitan termasuklah buruh pembinaan.

- iii. sektor-sektor perlulah dipantau supaya mereka tidak mengambil buruh asing dengan alasan buruh tempatan enggan bekerja sebagai justifikasi mereka untuk mendapatkan permit menggunakan buruh asing. Misalnya kerajaan perlu mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dari segi modal dan orientasi *export* sebagai syarat untuk membolehkan kilang memohon untuk mendapatkan permit pekerja asing.

Perkara ketiga yang saya sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah isu penebangan pokok dan hutan. Isu yang mustahak ditangani dengan secara serius dalam negara kita adalah isu penebangan pokok dan hutan secara berleluasa khususnya bagi tujuan pembangunan perumahan, perkilangan dan lain-lain pembinaan serta pembalakan. Kita menghadapi masalah, bukan sekadar penebangan pokok dan hutan, tetapi juga penarahan bukit-bukau tanpa kelulusan dan garis panduan yang ketat. Akibat daripada isu ini bumi kita terancam dengan banjir, tanah runtuh, aliran lumpur, pencemaran, peningkatan suhu bumi dan kritikan daripada masyarakat umum kerana kualiti dan kesejahteraan hidup mereka terganggu.

Proses urbanisasi dan industrisasi yang berlaku di Malaysia telah menunjukkan sejarah yang besar ke atas perubahan struktur dan corak guna tanah. Telah tiba masanya kerajaan melaksanakan peraturan paling ketat ke atas penebangan pokok dan hutan serta aktiviti penarahan bukit-bakau. Oleh itu saya mencadangkan beberapa langkah diambil. Antaranya:

- i. pemantauan hendaklah dilakukan secara serius dan kerap oleh pegawai kerajaan bagi mengelakkan berlakunya penipuan, penyelewengan dan rasuah. Unit sistem maklumat geografi GIS yang lengkap dan cekap serta pusat pemantauan bumi perlu memainkan peranan secara berkesan dalam membantu pihak kerajaan memantau perkembangan sektor perhutanan. Pejabat daerah dan lain-lain pihak berkuasa tempatan perlu memainkan peranan lebih aktif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Sesungguhnya penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi kerajaan yang ada di negara kita memang satu perkara yang sudah menjadi masalah selama ini, kerana mereka mengatakan kekurangan kakitangan. Tetapi, cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Belud tadi memang cukup menarik. Sebenarnya pusat MACRES sepatutnya digunakan dengan sepenuhnya kerana MACRES ada di Lapang, satu *facility* untuk mengambil gambar menggunakan *satellite*. Sebagai contoh, *Econos* boleh mengambil gambar dari *satellite* dengan resolusi 0.6 meter sahaja. Ini bermakna kita di dalam rumah pun mereka boleh nampak. Jadi persoalannya kenapakah penguatkuasaan oleh agensi-agensi kerajaan tidak menggunakan *facility* seperti ini? Saya mohon penjelasan.

Datuk Salleh bin Tun Said: Terima kasih Yang Berhormat, itu biarlah pihak kementerian yang memberi jawapan dan sudah tentu pada saya perkara ini akan diambil kira oleh pihak berkenaan kerana apa pun keadaan sekarang sudah menjadi serius, masyarakat pun ingin tahu kedudukannya, maka sudah tentulah saya yakin sungguh kerajaan kena mengambil teknologi baru, perkara yang baru untuk menyelesaikan masalah ini.

Perkara kedua yang saya syorkan ialah media dan orang ramai perlu diberi ruang yang memadai bagi menyalurkan maklumat berkaitan penebangan pokok dan hutan secara meragukan kepada kerajaan. Memang pada ketika ini kita lihat ada sedemikian tetapi ini kita harus galakkan lagi kerana kita ingin partisipasi masyarakat untuk menentukan bahawa kita ada *check and balances*, dengan izin, supaya tentukan masyarakat juga ini adalah hak mereka, kehendak mereka ingin melihat alam sekitar kita ini sentiasa terpelihara.

Ketiga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Salleh bin Tun Said: Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas hukuman keras termasuk denda, sebat, penjara dan penarikan lesen ke atas pemaju atau pihak

yang terlibat dengan penebangan pokok, hutan dan penarahan bukit-bukau. Pendaftaran semula nama syarikat juga perlu disemak kerana terdapat syarikat dalam senarai hitam menubuhkan syarikat lain.

Keempat, kerajaan menyampaikan maklumat dan tindakan yang diambil ke atas pesalah bagi tatapan rakyat agar dengan itu dapat memperkuatkan lagi usaha kita dalam menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan ini dengan memohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila duduk dahulu, kita ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.16 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemaman.

12.17 tgh.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri mengambil bahagian untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di Dewan yang mulia ini, saya bersama rakan-rakan dan Yang Berhormat dari negeri Terengganu yang turut hadir di Dewan yang mulia ini ingin

merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan Seri Paduka Baginda pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang telah pun sudi menubuhkan sebuah universiti yang dinamakan Universiti Darul Iman di negeri Terengganu.

Sebagai satu-satunya negeri di Pantai Timur Semenanjung yang akan memiliki sebuah universiti penuh, pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini amat besar maknanya, jauh lebih besar ertinya daripada pengumuman projek-projek lain seperti Lebuh Raya Pantai Timur, lapangan terbang yang canggih dan pelbagai infrastruktur mega lain yang akan dibina di sana.

Terengganu adalah sebuah negeri yang penduduknya lebih 90% orang Melayu. Ianya juga adalah antara penyumbang terbesar kepada keutuhan ekonomi negara melalui hasil minyak dan industri minyak dan gas yang dikeluarkan di negeri kami. Jatuh bangunnya negeri ini adalah simbol keutuhan perjuangan UMNO sebagai tunggak kepada Barisan Nasional yang memerintah negara ini. Oleh kerana pendidikan adalah kunci kepada masa depan, kewujudan sebuah universiti di sana adalah seperti memberi kunci besar kepada masa depan kehidupan rakyat di sana khususnya orang-orang Melayu.

Saya percaya rakyat Terengganu berbangga kerana telah membuat pilihan yang bijak dalam pilihan raya yang lalu, lebih-lebih lagi setelah empat tahun *straight* berada di bawah satu pemerintahan yang bukan sahaja tidak berbuat apa-apa dalam mendaulatkan pendidikan negara ini bahkan telah mencetuskan kesengsaraan dan trauma yang tidak terhingga terhadap anak-anak orang Islam di sana setelah menutup lebih 300 buah tadika yang menggunakan balai-balai raya di seluruh negeri Terengganu.

Rakyat Seri Paduka Baginda berbangga kerana Malaysia telah diberi pengiktirafan dalam pelbagai bidang. Bidang diplomasi, misalnya, penambahan tempoh memegang tampuk kepimpinan OIC amat dialu-alukan. Ia adalah pengiktirafan kepada kita bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang boleh diharapkan untuk memainkan peranan yang positif untuk kemajuan dan kemakmuran seluruh negara Islam di dunia ini. Di rantau ini kita turut berbangga di atas sikap berhati-hati Malaysia dalam menangani isu-isu sensitif yang berkaitan dengan kestabilan serantau.

Ketegasan Malaysia dalam menangani isu pendatang haram, pendatang asing tanpa izin telah mula dihargai oleh negara jiran. Saya percaya ketegangan yang timbul ekoran ketegasan Malaysia ini sudah dikendalikan. Saya percaya di Dewan yang mulia ini kerajaan dapat menjelaskan semua isu yang dikaitkan dengan dakwaan yang kita tidak berlaku adil terhadap rakyat mereka. Lebih-lebih lagi tentang soal kekurangan tenaga kerja sebagaimana yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan yang mulia ini.

Kita turut mengalu-alukan langkah Kementerian Luar Negeri dan rakyat kita yang lebih berhati-hati dan tidak melatah dalam menangani isu sempadan di Laut Sulawesi yang turut menjadi punca ketegangan dalam hubungan kita dengan negara jiran kita itu baru-baru ini.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kemaman. Tadi kita dikejutkan oleh kenyataan daripada sahabat kita juga, Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengenai masalah Indonesia yang mana beliau amat marah sekali dengan tindakan-tindakan itu. Setuju tidak dengan saya bahawa kita jangan ikut mereka punya *playing field* kerana pada hari ini hubungan kita dengan negara jiran kita adalah menguntungkan Malaysia.

Jadi buat apa yang kita hendak terikut-ikut dengan keadaan Parlimennya, orangnya, yang kita Parlimen Malaysia juga kena, kalau dia marah kita, kita kena hendak marah balik kerana untuk makluman Yang Berhormat, melalui *barter trade* sahaja, *cross border trade*, dengan izin, hari ini menguntungkan Malaysia yang bilangannya sekarang ini sudah hampir USD1 bilion. Belum lagi termasuk jutaan ekar ladang kelapa sawit di Indonesia yang dimiliki oleh pemilik-pemilikinya yang datang dari Malaysia. Ini tidak termasuk dengan kerja-kerja pembangunan Indonesia yang bakal dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Malaysia. Mampukah kita hendak bergaduh dengan dia?

Jadi saya berharap kita perbetulkan balik keadaan dan kita berharap *press* yang begitu minat tadi terhadap apa kenyataan Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya

membetulkan balik keadaan dan tidak mampu bagi kita untuk berperang dengan negara jiran kita dan kita, Malaysia selama ini mengamalkan sikap berbaik-baik dengan jiran dan ini adalah pegangan kita. Setuju tidak Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya amat bersetuju dan saya harap ucapan Yang Berhormat dan ucapan saya ini dapat membetulkan keadaan ini dan saya percaya bahawa hubungan kita dengan Indonesia bukan semata-mata dilihat dari segi keuntungan ekonomi yang kita perolehi dalam hubungan tersebut tetapi mestilah melihat dalam konteks yang lebih besar lagi khususnya Indonesia dan Malaysia, kita mesti akui bahawa kita adalah saudara kandung yang dipisahkan oleh faktor sejarah dan kita tidak mampu untuk berbalah hingga terpaksa menggunakan kekerasan.

Sekiranya ada di kalangan rakyat mereka atau segelintir pemimpin mereka yang mungkin dipengaruhi oleh faktor politik tempatan yang masih lagi berada dalam kegawatan selepas berlakunya kegawatan ekonomi, kegawatan kewangan dan kegawatan politik mereka selepas kejatuhan kerajaan yang sebelum ini, kita akan melihat terdapat kecenderungan-kecenderungan pihak yang bersifat lebih keterlaluan untuk mengambil kesempatan bagi mengatasi masalah-masalah lain yang berada dalam negara tersebut.

Saya percaya rakyat Malaysia mesti bertindak matang, apatah lagi di kalangan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat yang menggunakan nama Dewan ini akan lebih matang dalam mengatasi perkara ini dan inilah yang kita sebutkan kita patut menyanjung dan mengalu-alukan langkah-langkah kerajaan kita yang dilihat lebih matang dan lebih berhati-hati dalam menangani isu-isu yang seperti ini.

Namun oleh kerana isu kedaulatan berkait dengan keutuhan sesebuah negara, saya mohon agar Kementerian Luar Negeri dapat memberi penjelasan terperinci mengenai isu ini di Dewan yang mulia ini. Saya percaya dialog dan diplomasi adalah cara yang terbaik untuk mengatasi sebarang konflik dan mengelak daripada berlakunya konflik. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda persahabatan kita, saya menyeru di Dewan yang mulia ini untuk sama-sama kita mengucapkan takziah dan berkongsi kesedihan daripada bencana gempa bumi bukan sahaja akibat daripada Tsunami pada tanggal 26 Disember yang lepas tetapi gempa bumi yang baru berlaku pada pagi hari ini

yang saya dimaklumkan terdapat bukan sahaja ratusan, kemungkinan berlaku ribuan yang mati, yang menjadi korban akibat daripada gempa bumi yang berlaku pada hari ini.

Kesemua ini sekiranya kita terus memainkan peranan yang lebih berkesan dalam bidang diplomasi, ia akan memperlihatkan kekuatan kita di bidang ini akan terus menjadi tonggak penting kepada keutuhan negara kita. Kuasa besar meletakkan bidang diplomasi menjadi salah satu daripada bidang terpenting mereka, bukan sekadar untuk menunjukkan ke"gah"an negara mereka tetapi kekuatan di bidang ini akhirnya akan dimanfaatkan bagi kepentingan dalam negara itu juga.

Sebab itulah mereka sanggup berbuat apa sahaja untuk menebar kuasa dan pengaruh mereka di negara-negara lain. Kuasa dan pengaruh akan memberi peluang kepada mereka untuk melebarkan jaringan kekuatan ekonomi para pengusaha dan pedagang mereka. Jaringan kuasa dan pengaruh akan turut memastikan keperluan sumber bahan mentah dan pasaran barangan mereka terjamin. Jaminan ini akan turut memberi jaminan kepada kelebihan ekonomi rakyat mereka juga.

Tuan Yang di-Pertua, konsep imperialisme lama tidak berubah, hanya corak dan bentuknya sahaja yang dipelbagaikan. Sebab itulah ungkapan *neocolonialism* bukanlah suatu yang diada-adakan. Ia adalah realiti yang harus kita tangani dalam bentuk yang lebih kompleks pada hari ini. Sebab itu saya percaya Malaysia mesti melipatgandakan keupayaan jentera diplomasi kita secepat mungkin bukan sekadar memiliki bangunan Wisma Putra yang indah, bangunan kedutaan yang besar dan seorang Menteri Luar Negeri yang hebat tetapi kita perlukan penggerak yang terdiri daripada pakar pelbagai bidang yang mampu menyaingi sesiapa sahaja di dunia ini, sudah tentu ia memerlukan perhatian dan pelaburan yang besar dari kerajaan Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan besar bukan sahaja untuk Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi kementerian-kementerian lain yang berkaitan. Mungkin kita masih ingat bagaimana kita terpaku di depan kaca TV menonton CNN untuk mendapat maklumat terkini dalam Perang Teluk awal tahun 1990-an atau Perang Iraq baru-baru ini, bagaimana perang tidak dilihat secara menyeluruh tetapi melalui lensa kamera yang ditentukan oleh pemilik stesen TV berkenaan yang sudah tentu akan mengutamakan nilai propaganda dan kepentingan negara mereka.

Akhirnya, hari ini walaupun langkah melancarkan perang itu tidak sah, tidak diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bahkan ia dikutuk oleh dunia antarabangsa, tetapi kini kerajaan baru Iraq yang dibentuk melalui proses yang dikatakan tidak sah itu akhirnya diiktiraf dan dialu-alukan oleh semua pihak.

Sebab itulah dalam menangani isu kebergantungan dunia kepada satu atau hanya beberapa stesen televisyen dunia ini telah muncul beberapa stesen TV baru yang bersedia memberi dimensi baru kepada maklumat yang ada. *Al-Jazeera*, misalnya, dilihat sebagai suara alternatif negara-negara Arab, *NHK* bagi Jepun, *CCTV* – China, stesen Arirang menggunakan slogan “*Korea For The World and The World For Korea*”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, semakin berpengaruh di Asia bahkan negara jiran di selatan kita yang kecil saiznya pun memiliki stesen *Asia One* yang dilihat paling cergas dalam membuat liputan mengenai pelbagai isu di rantau ini.

Soalan kita, stesen TV Malaysia apa? Benar kita ada banyak stesen TV tetapi bukan untuk tontonan dunia dan bukan untuk orang lain, orang kita melihat dunia. Kita ada rancangan berita tetapi bukan untuk rujukan dunia. Kita ada pembaca berita yang pandai berpantun tetapi bukan untuk dihayati dunia. Kita ada rancangan popular tetapi sebahagiannya adalah sekadar saluran program stesen-stesen TV luar negara bahkan *website* RTM pun hanya lebih berbentuk halaman rancangan TV yang boleh kita lihat dalam akhbar-akhbar tetapi bukannya untuk menjadi ejen penyebaran berita untuk rujukan dunia. Kita faham untuk menyaingi CNN atau BBC adalah sukar, namun titik permulaan mesti dimulakan. Saya percaya Kementerian Penerangan kita ada jawapannya.

Kedaulatan Seri Paduka Baginda menuntut kita berfikir besar dan kita mesti melakukan tindakan-tindakan besar yang bukan sahaja tindakan-tindakan besar dalam merubah kedudukan masyarakat kita di desa tetapi kita menjadi suara dunia. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat.
12.30 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1999 semasa kerajaan membawa satu rang undang-undang untuk memansuhkan Dana Kumpulan Wang India Selatan, saya sendiri masa itu telah membantah kepada apa yang kerajaan ingin buat pada masa itu. Saya telah katakan bahawa Dana Kumpulan Wang India Selatan adalah kepunyaan masyarakat India yang telah dimulakan pada tahun 1908 oleh British dan selepas itu pada 1958, satu rang undang-undang telah dibawa ke negara ini untuk merakamkan apakah yang mereka perlu buat. Akan tetapi pada tahun 1999, kerajaan berfikir bahawa sesuatu yang perlu diubahsuai supaya wang dana ini boleh lebih diguna pakai kepada masyarakat India. Oleh sebab itu, Menteri Kerja Raya pada masa itu telah berkata bahawa ia perlu *diround up*, dengan izin, adalah sebab supaya masyarakat India akan lebih untung dari proses tersebut. Tetapi kalau kita tengok dalam lima tahun terhadap apa yang telah terjadi?

Pada masa itu saya telah beritahu bahawa wang dana ini tidak sepatutnya dihapuskan tetapi patut kerajaan menyimpan wang dana ini dan setiap tahun, sekurang-kurangnya sebanyak RM500 juta dipam dalam wang dana ini supaya masyarakat India dengan khususnya sesuatu yang dapat dicapai oleh mereka. Saya telah kata sebelum ini dengan izin, *Malaysia Indians are the most left out under the Malaysia's sons. It is said for the record of the Malaysian Indians have the highest unemployment rate – the highest number of school dropouts, the highest number of landless people, highest alcoholic grade, not to speak of the other pressing problems what in terms of criminal activities that Indian have a record 33% in compared to other races.*

Pada masa itu, pada 12 dan 13 Julai 1999 telah bertengkar dengan Menteri Kerja Raya di Lobi Parlimen dan semasa itu menteri memberi satu *assurance* kepada saya dan rakyat serta NGO-NGO yang mengatakan bahawa dana harta kepunyaan masyarakat India akan diguna pakai untuk masyarakat India khususnya. Tetapi apa telah terjadi? Pada tahun 1999, kerajaan semasa *winding up* telah memberi satu *assurance* kepada saya sendiri bahawa satu institut kemahiran akan dibina di tanah kepunyaan masyarakat India di Nibong Tebal – luasnya lebih kurang 14 ekar dan ia akan digunakan khusus untuk kemahiran masyarakat India. Selepas empat tahun, sekarang kita tahu bila *intake* pada bulan Januari ini, lebih kurang 600 murid-murid telah diambil. Tidak satu pun anak-anak masyarakat kuli dari estet atau di mana-mana di

negara ini telah diambil masuk ke institut kemahiran ini. Apakah yang terjadi kepada *assurance* atau janji yang diberi oleh kerajaan?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rakan Yang Berhormat bangun, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bahawa data yang diberikan oleh beliau adalah salah. Institusi Kemahiran Nibong Tebal iaitu Arumugam Pillay pada bulan Januari hanya 60 pelajar sahaja yang diambil kerana institusi itu belum lagi berfungsi secara sepenuhnya. Pihak YSS baru-baru ini telah membuat lawatan dua minggu yang lalu ke situ dengan arahan daripada Presiden, Dato' Seri S. Samy Vellu supaya pelajar-pelajar dari seluruh negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak diberi, dimaklumkan supaya mendaftar di sana.

Pada peringkat permulaan, tiga pelajar India telah ditawarkan, yang memohon ke sana tetapi ketiga-tiga mereka tidak melaporkan diri. Maka pihak MIC sekarang sedang sibuk untuk membuat laporan dan juga liputan publisiti supaya lebih ramai akan dimasukkan ke dalam institusi ini dan pihak pentadbir di sana telah maklumkan bahawa mereka mengalu-alukan seberapa banyak pelajar di sana mengikut kemampuan yang boleh ditawarkan oleh institusi berkenaan.

Saya mohon supaya maklumat-maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat itu perlulah jitu dan tidak memesongkan Dewan yang mulia ini kerana ini akan memberikan satu tanggapan yang salah di kalangan masyarakat yang mendengarnya dan liputan akhbar sebegini tidak begitu baik untuk kerajaan kita yang prihatin kepada pembangunan insan dan pembangunan rakyat kita. Inilah permintaan saya.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih kawan saya dari Cameron Highlands. Nombor satu, kalau *figure* saya ini salah, itu saya memperolehnya dari surat khabar, itu nombor satu. Nombor dua, kalau ada *figure* yang tertentu, tolong beri kepada saya sekarang, ketiga,

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya akan maklumkan kepada beliau secara peribadi.

Tuan M. Kula Segaran: Tidak apa, tidak apa, biar, ini *floor* saya. Bila saya beri *signal* baru *you* boleh cakap. *You* tolong bagi tahu, saya boleh bagi dia punya *rules* dan *regulations*. Yang mustahak, *assurance* yang telah diberi oleh menteri berkenaan kepada saya sendiri di Lobi Parlimen pada 13 Julai 1999. Apa yang terjadi kepada itu? Apakah ini telah diperdaya, telah ditipu? Saya berani cakap di sini, kalau menteri tersebut pun ada, saya berani cakap. Saya bukan menyeleweng dari apa yang, dia sendiri yang cakap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah.

Tuan M. Kula Segaran: Tidak, biar saya, *you* ada masa, *you* boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia belum bagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak adalah kerajaan perlu memberi..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak, *you* hendak beri atau tidak?

Tuan M. Kula Segaran: Tidak perlu, tidak perlu bagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya hendak minta laluan!

Tuan M. Kula Segaran: Masa dia hendak berucap, dia boleh bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat, tunggu dahulu.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dan masyarakat India di Malaysia hendak tahu apakah sebab salah satu murid di kalangan India tidak diambil dalam institusi ini, adakah agenda-agenda tertentu. Kedua, ini perkara yang telah saya bangkitkan kepada menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bila saya katakan dengan khusus ada masalah bila mana masyarakat India ingin masuk ke *civil service* mereka tidak diambil. Satu kenyataan yang tidak benar ialah masyarakat India tidak ingin masuk ke *civil service*, ini tidak benar. Serupa juga dengan perkara aneh yang terjadi di institusi ini. Yang menjadi lebih aneh adalah ramai antara masyarakat India, anak-anak mereka ingin menjalankan beberapa pelajaran seperti

yang sama membayar fee yang tertentu, berada di Kuala Lumpur, di Tafe College dan kolej-kolej lain. Saya berpendapat semestinya....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Saya tidak bagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Bukan tidak berani, I can take you all at any matter. You don't talk nonsense, please, I can take you all.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Saya tidak cukup masa, I can take him, saya dah pernah ambil menteri dia, dia punya ketua, who is.....*[Disampuk]* I taken the menteri, nothing, I mean....untuk saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: I tell you, pada masa yang tertentu jangan you bodek pada Barisan Nasional buta-butanya, cakap yang benar, what has happend to the money of the people....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan M. Kula Segaran: *[Disampuk]*... tidak ada asas, you duduklah, cakap fasal menteri tidak ada, dia tidak berani. Dia hendak menjadi ketua MIC, tidak layak. Hah...baru masuk Parlimen, rebutlah peluang, peluang diberi oleh MIC. Janganlah cakap macam itu, bila kita cakap kita tidak bagi laluan dengarlah, ini floor saya, bukan saya takut kepada you atau Barisan Nasional atau sesiapa, you tahu saya berapa kali saya dipelawa untuk masuk dalam MIC, saya adalah satu orang berpendirian, saya tahu apa masalah masyarakat India. Itu saya kata, kalau berani kita debate, bawa you punya fact dan figure. Saya tahu dia dalam komponen kerajaan.....

Puan Chong Eng: *[Menyampuk beberapa kali]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit mertajam tidak payah sibuklah.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu tahu, masyarakat India ingin tahu, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini oleh kerajaan untuk memberi peluang kepada kerajaan dan kepada masyarakat India....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan M. Kula Segaran: Saya minta maaf, saya tidak cukup masa.

Puan Chong Eng: Nanti ya, nanti ya....

Tuan M. Kula Segaran: Saya mendapat *assurances* yang tertentu, apakah tindakan-tindakan khas yang diambil oleh kerajaan untuk memilih, untuk memberi peluang kepada masyarakat India dan keturunan India untuk masuk ke institusi ini setakat ini, adakah mereka telah *advertised* dalam *paper* dan juga surat khabar-surat khabar Tamil, adakah mereka telah pergi ke estet-estet, adakah mereka telah pergi ke tempat-tempat di mana orang-orang India tinggal untuk memberi galakan dan untuk memberi rancangan tertentu supaya mereka dan anak-anak mereka boleh belajar di institusi ini. Pada pengetahuan saya tidak ada apa-apa dibuat begini, saya rasa *assurance* - janji yang diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional pada 13 Julai 1999 itu telah dimungkir. Saya harap kerajaan akan peka dan akan sedar bahawa satu perkara yang serius yang tidak patut terjadi dalam masyarakat India telah terjadi, dan tindakan susulan akan diambil.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: [*Bangun*] Minta laluan!

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highlands bangun, hendak beri yang mana Bukit Mertajam atau yang mana?

Puan Chong Eng: Sinilah dahulu...

Tuan M. Kula Segaran: Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya beri Bukit Mertajam dahulu.

Puan Chong Eng: Terima kasih, berilah peluang kepada orang yang berprinsipal ya.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Puan Chong Eng: Ya, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa di dalam ucapan Agong ini, dia ada berkata, ini akan memberi keutamaan kepada Sabah dalam infrastruktur. Itulah adalah sangat baik dan saya sokong, tetapi dia tidak kata, dalam ucapan itu tidak sebut langsung masalah di dalam masyarakat India, walaupun masyarakat India di negara ini memang menghadapi banyak masalah sehingga Pengerusi MIC pun hendak menangis dalam isu pendidikan dan baru-baru ini ada mengadakan satu seminar mengatakan bahawa betapa.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri saya laluan atau tidak?

Puan Chong Eng: Betapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh atau tidak Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran: Tidak boleh....

Puan Chong Eng: Ini penjelasan...betapa terdesaknya masalah ini di kalangan masyarakat India, jadi apakah pendapat Ipoh Barat, adakah kerajaan ini tidak langsung melihat kesusahan masyarakat India.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Barat, isu itu. Pindah kepada perkara yang lainlah.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, itu satu perkara yang serius, saya rasa Kerajaan Barisan Nasional kurang arif dan sekarang kurang mengambil....

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: *[Bangun]* Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Ya, nombor 23, Peraturan Mesyuarat 23:

“sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah sangkaan, fikiran, tohmahan, puji dan keji atau mengandungi kalimah-kalimah yang mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati, menyakitkan hati ataupun mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan perkara-perkara remeh”.

Tuan M. Kula Segaran: Hoi!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Saya meminta supaya jangan menyakitkan hati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, saya hendak...

Seorang Ahli: Hati siapa?

Puan Chong Eng: Hati siapa?

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Saya dan pemimpin parti saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Ha! , dia yang makan cili yang terasa pedas! *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa dan sorakan]*

Tuan M. Kula Segaran: Apa pemimpin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat, Ipoh Barat saya sudah beritahu, kita teruskan ucapan kita pindah tajuk lain.

Tuan M. Kula Segaran: Saya setuju, saya setuju kepada pandangan kawan saya dari Bukit Mertajam bahawa masalah masyarakat India patut di *addresskan*, tetapi...

Puan Chong Eng: Bukan remeh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi Yang Berhormat....

Tuan M. Kula Segaran: Tetapi bukan satu perkara yang remeh, saya hairan bahawa kawan saya dari Cameron Highlands kata....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Barat.....

Puan Chong Eng:mewakili....

Tuan M. Kula Segaran: Mewakili masyarakat India lagi, ini memalukan....

Puan Chong Eng: Dalam kerajaan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Barat, saya minta laluan.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tarik balik kepada Peraturan Mesyuarat...

Tuan M. Kula Segaran: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Dia mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat, Cameron Highlands cukuplah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]* Yang Berhormat!

Puan Chong Eng: Peraturan tidak pakailah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Ipoh Barat, teruskan Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Okey, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Beri laluan, beri laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri laluan kah, Ipoh Barat?

Tuan M. Kula Segaran: Tidak cukup masalah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada, sedikit sahaja!

Tuan M. Kula Segaran: Tidak cukup masa, tidak cukup masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada sedikit sahaja, bukan ada apa...

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Raja dengan Sri Gading bangun Yang Berhormat, hendak beri laluan kah?

Tuan M. Kula Segaran: Saya tidak cukup masa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Berilah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Ipoh Barat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita sahabat baik, berilah sedikit jalan.

Tuan M. Kula Segaran: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini ada lebih dari 540 sekolah Tamil...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Barat!

Tuan M. Kula Segaran: Saya minta maaf, saya tidak cukup, saya terpaksa habiskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yakah? Sedikit sahaja...

Tuan M. Kula Segaran: *Sorry, sorry I apologize*, saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Ya, pada tahun dahulu bulan Ogos, Menteri Kerja Raya telah mengatakan bahawa lebih kurang 40, 000....

Puan Chong Eng: Pelajar...

Tuan M. Kula Segaran: Pelajar India telah berhenti dari sekolah...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Ini merupakan lebih kurang 26.5% dari kesemua pelajar di sekolah tinggi, *secondary schools* dari 169,985 sekolah adalah pelajar India di sesi 1993 ini merupakan 26.5%. Tambahan itu 3, 000 pelajar sekolah tidak masuk sekolah langsung.

Puan Chong Eng: Sekolah Menengah!

Tuan M. Kula Segaran: Sekolah menengah dan 5, 580 murid tidak masuk sekolah dalam....

Puan Chong Eng: Sekolah rendah.

Tuan M. Kula Segaran: Sekolah rendah, berbanding kepada *national average*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia ada tipulah!

Tuan M. Kula Segaran: Oh! Menteri itu tipulah?

Puan Chong Eng: Itu menteri yang cakap!

Tuan M. Kula Segaran: Siapa yang cakap berani betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus cakap, terus cakap...

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Dia mencabar ini, dia mencabar ini....

Tuan M. Kula Segaran: Asas jangan cakap!

Puan Chong Eng: Siapa cabar?

Tuan M. Kula Segaran: Berbanding dengan *national average*, sekolah *primary level*, pada tahun 1999 hingga 2003. Hanya yang tidak masuk sekolah adalah di antara 2.75% dan 4.2% dan di sekolah tinggi, *secondary school* adalah di antara 9.7% ke

12.2%. Jadi macam mana perkara ini boleh jadi? Saya harap Kerajaan Barisan Nasional terutama khususnya....

Puan Chong Eng: Wakil dia!

Tuan M. Kula Segaran:wakil daripada Barisan Nasional yang ada di kementerian tersebut, yang baru-baru ini telah melawat beberapa sekolah-sekolah Tamil di negara ini dikatakan di antaranya dengan izin, 10 Tamil school di Negeri Sembilan, *declared unsafe by* PPD. Dan sekolah-sekolah itu lagi wujud murid-murid sedang pergi ke sekolah-sekolah tersebut dan bukan hanya sekolah-sekolah ini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta laluan!

Tuan M. Kula Segaran: Tetapi di sekolah-sekolah di seluruh negara...

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Minta laluan?

Tuan M. Kula Segaran: Tetapi apakah tindakan yang sedang diambil supaya mengatasi masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri laluan kah, Cameron Highlands.

Tuan M. Kula Segaran: Saya juga, saya juga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Saya juga ingin kata....*people old language classes*. Satu perkara yang sangat diragui oleh masyarakat India, bukan sahaja di sekolah-sekolah di Negeri Sembilan, tetapi juga di Penang dan di Perak dikatakan tidak cukup guru untuk mengajar Tamil dan guru untuk mengajar Cina dalam sekolah-sekolah kebangsaan. Apakah ini terjadi, apakah kita tidak ambil tahu dan tidak ingin mengambil tahu? Apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan M. Kula Segaran: Tidak cukup masa, tidak cukup masa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat !

Tuan M. Kula Segaran: Lain kali kita main bola kita boleh cakup! Hari ini tidak cukup masa. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat, ya sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi kita perlukan satu polisi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kita ada satu Peraturan Mesyuarat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk, main bolakah tidak main bola - duduk, ini 36(6), sangkaan jahat. Kawasan saya pun ada sekolah Tamil, tetapi tidak ada timbul masalah rungutan, kita ada masyarakat India. Yang Berhormat, janganlah Yang Berhormat mewakili semua orang di Perak, Yang Berhormat, saya pun ada masyarakat India juga terbela, jangan datang sini dan buang masa Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk dahulu Yang Berhormat, ini *point of order*, jadi ini sangkaan jahat, sangkaan jahat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah Yang Berhormat, cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk dan marah]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]* Jangan buang masa, apa *point of order*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Bagan, cukup, sila duduk Bagan!

Tuan M. Kula Segaran: Dia, dia bukan dari masyarakat India, dia kurang faham. Tidak apalah, saya faham, saya faham...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan, Bagan sila duduk...cukup.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Lain kali saya akan beritahu secara details. Jadi ini adalah satu di antara masalah yang rumit, yang dihadapi oleh masyarakat Tamil di sekolah-sekolah Tamil.

Puan Chong Eng: Orang yang makan nasi tidak senang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, beri Ipoh Barat berucaplah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran: Pada 21 hari bulan Februari, adalah Hari Bahasa Ibunda Kebangsaan, saya hairan walaupun kita telah menjadi *signatory* kepada *governances* yang tertentu kepada United Nations, tetapi kerajaan tidak memberi keutamaan kepada Hari Bahasa Ibunda Kebangsaan di Malaysia.

Baru-baru ini dalam satu forum di Bukit Mertajam, ramai di antara profesor dan guru-guru telah memberi fikiran-fikiran yang mengatakan bahawa bahasa Tamil, kerajaan perlu lebih memberi lebih perhatian dan memberi lebih pertolongan yang tertentu untuk mengadakan guru-guru dan sekolah-sekolah yang di mana pelajar boleh pergi belajar dengan seronok hati seperti di sekolah-sekolah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu juga saya ingin merujuk kepada perkara hal undang-undang Majlis Peguam dalam negara ini. Sebuah masyarakat bertamadun dan demokratik sesungguhnya mengiktirafkan perlunya sebuah badan kompeten bebas dan berkecuali yang terdiri daripada ahli-ahli yang terlatih dalam bidang undang-undang bagi memajukan perkembangan pemikiran dan pentadbiran undang-undang, memberi khidmat nasihat dan memegang teguh kepada prinsip *rule of law* dan keperlembagaan. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya terdapat sekatan dan batasan di dalam sistem perundangan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, input yang diterima daripada peguam-peguam muda di Malaysia menunjukkan bahawa mereka tidak bebas untuk menyumbangkan tenaga serta daya fikiran secara langsung kerana tersekat dan dihalang oleh peruntukan seksyen 46 (A) Akta Profesion Undang-undang 1976.

Seksyen 46 LPA melarang peguam-peguam yang kurang daripada tujuh tahun mengamalkan atau untuk memegang jawatan dalam parti politik atau kesatuan pekerja. Daripada memegang apa-apa jawatan di dalam Majlis Peguam Malaysia dan Jawatankuasa Peguam Negeri. Dua badan perundangan ini ditubuhkan di bawah LPA 1976.

Majlis Peguam Malaysia ialah sebuah badan profesional yang mempunyai peguam, peranan serta pengaruh yang amat besar dalam menentukan dasar-dasar dan hala tuju perkembangan perundangan khususnya berkenaan isu-isu penting dan secara langsung atau tidak langsung melibatkan setiap proses membuat keputusan ini. dengan mempunyai keahlian seramai lebih daripada 13,000 peguam, 70% daripada mereka terdiri daripada peguam muda yang kurang daripada tujuh tahun pengalaman dan bilangan peguam muda semakin meningkat tahun demi tahun.

Peguam-peguam muda merupakan golongan yang terbesar di mana profesion di negara ini dan mereka perlu diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Malangnya golongan yang terbesar ini tidak memiliki suara kerana tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dalam Majlis Peguam Malaysia atas sebab peruntukan Seksyen 46(A) tersebut. Berusia muda, dinamik dan bertenaga mereka memiliki potensi yang amat tinggi sebagai agen yang boleh membawa perubahan sosial dalam menyumbang ke arah kesejahteraan dan pembangunan negara. Tidak dapat dinafikan banyak yang mereka boleh menyumbang sekiranya mereka diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, konvensyen peguam-peguam muda yang bersidang pada 2003 dan pada Januari 2005 telah membuat resolusi untuk mencadangkan supaya Seksyen 46(A) LPA dimansuhkan. Seksyen 46(A) yang disertakan ke dalam LPA melalui rang undang-undang pada tahun 1975 telah lupus usia genapnya dan tidak lagi relevan dalam konteks hari ini.

Dengan ini saya mengemukakan cadangan supaya kerajaan mengambil tindakan untuk memansuhkan Seksyen 46(A) LPA ini. Ini akan membolehkan peguam-peguam muda memegang jawatan dalam Majlis Peguam Malaysia di peringkat kebangsaan dan Jawatankuasa Peguam Negeri. Ini akan memberi semangat dan dorongan kepada mereka untuk menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara. Jumlah peguam Malaysia pada masa sekarang ialah 13,000.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada peruntukan Seksyen 67 Akta Undang-undang 76 iaitu mengenai kuorum. Seksyen 67 menyatakan antara lain bahawa 1/5 iaitu 20% daripada semua ahli perlu hadir secara sendiri untuk kesahihan mesyuarat am. Di Dewan Rakyat kita hanya perlukan 26 daripada 290 orang yang perlu hadir untuk menjadi kuorum. Tetapi di Majlis Peguam Malaysia memerlukan 20%.

Kerap kali *function* AGMnya ditunda kerana tidak cukup peguam-peguam yang menghadiri AGM tersebut. Jumlah ahli Majlis Peguam Malaysia pada masa sekarang walaupun telah melebihi 13,000 orang, kuorum untuk 20% menunjukkan kita memerlukan lebih kurang 2,600 orang.

Dari segi logistiknya adalah amat sukar juga mustahil untuk mengumpulkan begitu ramai pada satu masa. Mesyuarat sering kali terpaksa ditangguhkan kerana tidak cukup kuorum. Semasa akta ini digubal pada tahun 1976 Tuan Yang di-Pertua, bilangan peguam di negara ini tidak melebihi 1,000 orang. Pada ketika ini memang munasabah untuk mengharapkan kehadiran 1/5 atau 20% daripada jumlah yang kecil ini. Mungkin di luar jangkaan pada masa itu bahawa bilangan peguam di Malaysia akan berlipat ganda berkali-kali sehingga ke jumlah yang begitu besar pada masa sekarang. Ini bermakna jelasnya seksyen ini tidak lagi sesuai atau praktikal untuk dipakai. Oleh yang demikian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mint gulung, gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran:saya mencadangkan supaya Seksyen 67 ini dimansuhkan. Sebagai pengganti seksyen tersebut saya cadangkan kehadiran 50% daripada ahli-ahli jawatankuasa sahaja memadai untuk mesyuarat am disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhir, semalam adalah satu dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua seorang pengarang surat khabar bernama Athikumaran telah meninggal dunia. Dia adalah seorang di institusi surat khabar Malaysia Nanban adalah seorang yang sangat aktif dalam hal-hal masyarakat India. Athikumaran dilahirkan pada 9 Februari 1950. Pada tahun 1970 beliau telah memulakan perjalanan dalam bidang akhbar dengan menganggotai akhbar Tamil Malar.

Kemudian beliau telah memikul tanggungjawab sebagai Ketua Pengarang dalam Majalah Mingguan Mannan Pathi. Pada masa tersebut beliau telah pun menjadi terkenal dengan tulisan yang radikal di kalangan rakyat India Tamil. Hasil tulisan dalam akhbar tersebut di bawah tajuk Pavarair telah menetapkan satu harapan baru di bidang akhbar Malaysia.

Pada tahun 1998, dalam Sukan Komanwel kesemua pemenang pingat emas telah mendapat sebuah kereta sebagai anugerah India. Namun pemenang pingat emas

Encik G. Saravanan dalam Sukan Merentas Jalan tidak dikurniakan hadiah tersebut. Maka dengan serta-merta Athikumaran telah mengumpul derma dari rakyat Malaysia dan kesemua lapisan masyarakat melalui akhbar 'Makkal Osai' dan berjaya memberikan sebuah kereta berharga lebih kurang RM100,000 kepada pemenang G. Saravanan tersebut.

Beliau juga amat prihatin terhadap isu-isu masyarakat di luar negara di mana melalui akhbar Malaysia Nanban beliau juga telah memungut derma untuk mangsa-mangsa gempa bumi di Gujerat. Beliau sendiri telah menyerahkan derma tersebut kepada Perdana Menteri India pada masa itu.

Selain daripada itu, Athikumaran juga telah berjaya memungut derma untuk mangsa-mangsa tragedi Tsunami melalui akhbar Malaysia Nanban. Hasil derma tersebut telah diserahkan kepada Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan juga kepada Ketua Menteri Tamil Nadu. Athikumaran telah berjaya mengukir namanya di kalangan rakyat Tamil melalui akhbar Tamil Nanban dan Makkal Osai dengan tulisan yang penuh propaganda dan radikal.

Kehilangan beliau bukan sahaja kehilangan kepada masyarakat tetapi satu kehilangan yang besar kepada bidang akhbar Malaysia dan kepada negara kita secara amnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

12.58 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan penghargaan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk turut sama dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

Pada hari ini, saya bangun saya akan mengkhususkan tentang satu perkara sahaja. Saya harap teman-teman Ahli Yang Berhormat dapat turut sama mengambil bahagian di mana bersesuaian. Kalau tidak, dengar, terima dan bertindak bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi banyak orang mencelah.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Pertamanya sebelum saya mulakan saya akan bercakap mengenai isu salah guna dadah sahaja yang telah disebut oleh ramai teman-teman. Tetapi kita harus hari ini bukan sahaja menyentuh mengenai isu ini tetapi harus memberikan pandangan, cadangan dan akhirnya kita bertindak bersama dan bekerjasama. Ini isu yang amat penting tetapi sebelum itu saya ingin menyokong sahabat saya tentang kedaulatan negara kita.

Kita akan pertahankan kedaulatan negara kita ke titisan darah yang terakhir, seperti perjuangan biasa pimpinan dan juga orang-orang dalam UMNO dan Barisan Nasional dengan darah, keringat, air mata, doa dan nyawa. Insya-Allah ini kita akan laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Melihat ke arah jam] Insya-Allah terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Waktu sekarang jam 1.00 petang. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengkhususkan kepada agenda yang ingin dibicarakan pada petang ini iaitu isu salah guna dadah. Isu ini telah pun disebut dan disentuh oleh teman-teman dengan pelbagai cadangan dan pandangan.

Saya sangat berharap supaya perkara ini, pada petang ini dapat kita bicarakan secara khusus dengan memberikan pandangan dan cadangan sekali supaya pada masa akan datang kita boleh berbuat sesuatu yang boleh, maknanya di bawa ke mari dengan satu agenda keberkesanan, dengan *indicator* keberkesanan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat menghargai peranan yang telah dimainkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis, Jabatan Narkotik, NGO khususnya PEMADAM, PENGASIH, PENDAMAI dan beberapa NGO yang lain. Begitu juga dengan jabatan dan agensi kerajaan yang telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa dengan Biro Antidadah, begitu juga secara individu, pihak swasta yang telah menubuhkan pusat Serenti persendirian yang telah memainkan peranan. Kita memang sangat mengajurkan supaya usaha kempen melalui pelbagai cara termasuk iklan, termasuk “Enam Jahanam” yang melibatkan artis kita yang bermaksud bahawa semua pihak diharapkan untuk terlibat dalam memerangi dan menangani agenda salah guna dadah.

Tuan Yang di-Pertua, senario ini senario biasa dan saya ingin tegaskan dan jelaskan bahawa kalau usaha-usaha ini diteruskan dengan jelas bahawa kita akan gagal. Sebenarnya, kita menyasarkan menjelang tahun 2015 untuk dadah sifar itu hanya satu ilusi sahaja.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh!

Dato’ Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Nanti dahulu, Sekejap, sekejap. Saya akan memberikan masa. Saya tengah di dalam *intro* ini, saya diberi masa sejam sahaja, maknanya saya insya-Allah akan beri ruang. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ulang sekali lagi, berapa masa diperuntukkan?

Dato’ Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah isu musuh nombor satu negara. Sebenarnya kalau kita tidak bicarakan dan kalau kita tidak bersama dan bekerjasama....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan. Tadi Yang Berhormat kata, berapa masa diperuntukkan?

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Saya minta dan merayu, Tuan Yang di-Pertua. Itu pun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh! Bukan telah diputuskanlah.

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Belum, belum. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setengah jam lain boleh ditambah pada masa akan datang.

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Okay, terima kasih. Saya akan teruskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa kalau segala usaha yang kita buat sekarang ini diteruskan, sebenarnya kita tidak akan dapat mengurangkan masalah salah guna dadah ini. Saya tidak mahu mensensasikan kerana ini data yang terakhir dan yang terkini. Tetapi yang saya hendak simpulkan daripada data ini ialah dalam sebulan pusat serenti yang ada 28 buah di seluruh negara itu dengan perbelanjaan RM60 juta setahun itu, ia boleh memulihkan dalam sebulan antara 65 hingga 100 orang. Dalam sebulan itu, penagih dadah bertambah, ini datanya [*Sambil memegang dokumen*] 1,463 orang. Saya hendak mengulangi supaya tuan-tuan dapat menghayati, menjiwainya supaya satu agenda bertindak akan dapat diadakan bersama.

Dalam sebulan pusat serenti di bawah AADK ini boleh memulihkan 100 orang tetapi dalam masa yang sama dalam sebulan itu penagih dadah bertambah 1,463 orang. Pusat serenti swasta, saya telah pergi ke kampung PENGASIH, INSAF, INABAH dan pelbagai lagi, saya lihat di sini pusat serenti swasta ini lebih efektif. Kalau saya ingin mengambil contoh di satu desa, namanya pun Desa Pengasih, di Puncak Alam, Shah Alam, di situ saya lihat dalam tempoh 10 tahun ia telah dapat memulihkan 500 orang dan tidak ada relaps. Ini sangat penting, tidak ada relaps.

Oleh kerana itu dalam agenda menangani dadah ini, kita harus berani dan sanggup untuk *depart from the beaten path*, maknanya harus berani melalui jalan baru. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan kepada semua pihak supaya kita bersama-sama memikirkan agenda menangani salah guna dadah itu dari unit kecil, maknanya daripada makro ke mikro, kalau boleh saya sebut dari kampung kita, dari taman kita.

Saya hendak ambil contoh yang saya sedang usahakan, dalam satu kampung kita telah menubuhkan satu jawatankuasa, Program Ke Arah Dadah Sifar - PROKADAS itu singkatannya.

Mulanya KADAS, tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak begitu bersetuju atas sebab-sebab tertentu. Kadas ini bermaksud penyakit gatal-gatal, kita namakan PROKADAS. Dia bunyi *Mat Salleh* sikitlah, tetapi yang penting sekali ialah agendanya. Apabila dalam daftar polis, dalam daftar AADK di sebuah kampung itu, Kampung Parit Baru namanya, saya ambil satu sahaja sebagai contoh, ia ada dua yang berdaftar, tetapi apabila program ini melalui program kaedah pendekatan mesra pesakit (PMP) kita jalankan, maka kita dapati di kampung itu ada lima. Itu sangat penting.

Tidak perlu dipersoalkan buat masa ini macam mana boleh jadi lima tetapi sebenarnya kita masuk terus ke kampung dengan pendekatan mesra pesakit. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah daripada lima di sebuah kampung itu bagaimana ia tidak jadi enam. Itu yang penting. Bagaimana lima tidak jadi enam? Saya tidak pun berkata bahawa daripada lima itu supaya dapat turun jadi empat, tidak. Daripada lima, bagaimana tidak jadi enam?

Datuk Bung Moktar in Raden: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Ini sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ha! Bolehlah, silakan.

Datuk Bung Moktar in Raden: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju yang penagih dadah ini dipanggil pesakit. Kalau pesakit ini, dia tidak menagih. Dia sakit terlantar, dia tenang. Mereka ini penagih yang aktif, ditahan pun tetapi mereka masih juga menagih.

Yang kedua, saya percaya statistik yang ada ini tidak betul sebab gejala penagih dadah ini sudah melebar bukan sahaja di bandar tetapi di kampung-kampung. Di kampung-kampung ini tidak ada statistiknya sedangkan di situlah penagihan dadah itu berleluasa. Apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan - Agensi Dadah Kebangsaan, termasuk agensi dadah daerah-daerah supaya membuat banci yang sebenar-benarnya berapakah mereka yang dikenal pasti terlibat dalam penagihan dadah dan mudahlah mereka ini dipulihkan atau ditangkap atau dibuang ke kawasan yang terpencil ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya dalam persidangan Parlimen yang lepas saya pun telah meminta supaya pihak Keselamatan Dalam Negeri membekalkan setiap Ahli Parlimen daftar mengenai penagih dadah atau pun 'pesakit', itu saya gunakan. Saya tidak mahu polemik sebenarnya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dia boleh disebut bekas penagih atau pun nur apa dan sebagainya, tetapi di dalam Parlimen ini saya hendak khusus bahawa saya gunakan istilah 'pesakit' ini sebagai mereka yang telah terjebak atau pun bekas dan seumpamanya.

Yang penting sekali saya sangat bersetuju supaya data itu harus diberi kepada setiap pimpinan akar umbi. Tetapi di dalam majlis ini, saya sangat berharap istilah 'diberi' ini kita ubah, kita cari. Kerana kalau kita masih menunjuk kepada agensi lain untuk menyelesaikan masalah musuh nombor satu negara ini, yang Musuh Dalam Komuniti (MDK), MESRA atau pun Musuh Mesra Rakyat (MMR) ini, kalau kita masih minta pihak lain untuk cuba mengatasinya sebenarnya kita tidak akan sampai.

Oleh sebab itu, saya telah menyatakan di peringkat awal tadi usaha oleh pihak-pihak lain itu sangat di sanjung tinggi dan diteruskan. Saya cuma hendak memberikan nilai tambah, saya kata, "Cuba selesaikan mengikut kampung." Saya kata saya hendak mengulangi tadi. Di satu kampung itu ada lima, bagaimana dia tidak jadi enam? Ini yang saya hendak ketengahkan termasuklah kepada AADK, khususnya. Di kampung itu kita kena cari sebenarnya, siapa yang berisiko tinggi? Tetapi apa yang dibuat sekarang ini ceramah kesedaran diadakan, kolokium diadakan, wacana diadakan, wahana diadakan tetapi bukan kepada kumpulan sasaran yang sepatutnya.

Sepatutnya sekarang ini yang berisiko tinggi di kampung itu harus dikenal pasti dan satu tindakan diambil. Kalau balik kepada satu kampung itu, saya sendiri terlibat, khususnya di Sabak Bernam dengan pimpinan akar umbi. Di kampung itu ada tiga orang yang berisiko tinggi, ramai yang mempolemikkan, macam mana hendak cari yang berisiko tinggi? Ini pun satu *problem*, oleh kerana kita ini banyak sangat mempersoal dan mempertikai. Saya hendak tanya di kampung itu juga, ini khusus kepada belia, saya harap Setiausaha Parlimen Belia dan Sukan ada sebab selepas ini saya hendak terus kepada belia.

Tiga ini sebenarnya belia. Mereka ini sudah tiga, empat tahun lepas SPM, tidak ada pekerjaan, tetapi mereka ada motosikal. Tidak ada pekerjaan, ada motosikal, ke sana ke mari dan kemudian mereka ini tidak terlibat dalam aktiviti sukan dan permainan, mereka tidak berjemaah, mereka tidak gotong-royong. Ini sebenarnya di kampung memang ada, malah sebenarnya ramai di antara mereka di kampung itu ada rekod polis. Ini harus diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya berharap supaya setiap Ahli Parlimen, khususnya setiap pimpinan akar umbi harus memberikan perhatian kepada perkara ini. Jika tidak, jika kita buat apa yang kita lakukan sekarang ini memang kita tidak akan dapat melihat *indicator* keberkesannya.

Dua minggu lepas, peristiwa berikut berlaku di Sabah Bernam, seorang pemuda telah meninggal dunia disebabkan HIV. Seminggu yang lepas seorang pemuda balik dari Pusat Serenti Dengkil, ini gambaran yang sebenarnya biasa. Saya hendak nyatakan biasa tetapi yang penting sekali ialah tindakan yang harus kita ambil. Apabila penagih ini meninggal dunia, ibu bapanya pun sebenarnya menyerahkan kepada pihak hospital supaya terus di bawa ke kubur, begitu juga dengan saudara maranya. Ini peristiwa yang terus akan berlaku.

Perkara keduanya, apabila penagih ini balik daripada pusat serenti pada minggu yang lepas, kampung yang damai itu sudah jadi kelam-kabut. Ini pun peristiwa yang biasa berlaku. Oleh sebab itulah saya telah mencadangkan kepada AADK yang memberikan data dan statistik kepada kita ini, kita sangat berterima kasih. Mereka menyatakan bahawa 80% daripada penjaga tidak mahu mengambil anaknya daripada pusat serenti. Kita telah mencadangkan supaya 80% ini, ibu bapanya yang akan menerima anak mereka ini, yang sudah sakit harus diberikan kursus, harus diberikan orientasi supaya mereka menerima balik anak mereka.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin dan Sekijang.

Dato' Haji Mat Yasin bin Haji Ikhsan: Sila sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya tengok tadi, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah menyalahkan bahawa *approach* yang kita buat ini tidak sesuai. Bukankah lebih baik seperti ucapan Yang Berhormat di akhir tadi, kita harus mengadakan penerangan-penerangan khusus untuk ibu bapa di semua kampung bagi menerangkan tentang bahaya dadah dan bagaimana masyarakat boleh terlibat bersama-sama.

Bagaimana masyarakat boleh terlibat bersama-sama bermakna kita kena kembalikan balik semangat, anak kau, anak aku, anak aku, anak kau. Bagaimana kita di peringkat kampung beberapa tahun dulu, kerana pada hari ini kita lihat tanpa penglibatan ibu bapa, masalah dadah ini kita tidak akan dapat kita atasi, tanpa kerjasama ibu bapa. Kalau kita nak bagi penerangan kepada penagih dadah ni, kau cakap apa pun tak kan dia terima, tak makan.

Saya harap kalau adalah cadangan daripada Yang Berhormat, kita kena mengorak kan balik, *people's power*. Kalau ini kita dapat atasi kerana dulu kita lihat, pada zaman komunis dulu, bukan sahaja kekuatan angkatan tentera dan polis yang menyelesaikan masalah komunis tetapi oleh kerana masyarakat sendiri benci pada polis. Ini yang harus kita tanamkan Yang Berhormat, yang mana masyarakat semua benci kepada dadah, benci kepada penagih dadah, Insya-Allah, masalah yang kita hadapi ini dapat kita selesaikan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:Terima kasih, saya nak ambil daripada semua tadi tu yang bagus tu sebab dia menyimpulkan *people's power*. Itu saya sangat setuju tapi saya tidak akan mengambil pendekatan daripada Yang Berhormat Jasin menyalahkan orang lain seperti menyalahkan PEMADAM. PEMADAM itulah yang telah memberikan ceramah kesedaran, memberi bimbingan, didikan dan sebagainya.

Saya minta maaf di awal tadi saya kata saya sangat menghargai apa yang telah dibuat dan wajar diteruskan. Saya hanya nak memberikan satu nilai tambah kepada apa yang telah kita usahakan itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya ingat untuk, ni kawan saya Sekijang tadi macam mana? Bagi Sekijang dulu, Sekijang

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya. Saya nak minta pandangan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam tentang Penubuhan Agensi Antidadah yang baru kita luluskan di Parlimen, dan saya ingat sekarang ini sudah pun berjalan dan saya pun dalam minggu yang lepas telah dapat penerangan di peringkat negeri memberitahu tentang cara mana, macam mana untuk mereka menjalankan kerja-kerja mereka.

Tetapi dari penerangan-penerangan yang diberikan itu adalah jelas kepada kita bahawa penubuhan ini adalah sebagai badan penyelarasa sahaja. Maknanya lebih baik kita duduk di bawah jabatan lama dulu kerana apabila kita tanya memanglah niat dan hasrat murninya itu saya tertengok memang cukup baik, dengan strateginya pencegahan, penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, kerjasama antarabangsa dan sebagainya. Tetapi apabila saya tanya peruntukan kewangan untuk negeri Johor berapa yang ada? Di daerah berapa yang ada? Dia cakap tiada. Semua nak minta daripada orang lain.

Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Kita boleh tubuhkan lagi Jawatankuasa Biro dan Task Force tapi yang penting sekali ialah bagi saya apa juga jawatankuasa yang ditubuhkan itu harus *complement* dengan apa program yang ada. Kalau ia sebagai penyelarasa, ia harus menyelarasa untuk memastikan bahawa agenda yang dilaksanakan itu berkesan dan *indicator* keberkesanannya.

Saya sendiri pun terlibat di peringkat negeri Selangor, jadi saya nampak jelas apa yang saya setuju dengan Yang Berhormat Sekijang tetapi yang penting kita berada di situ dalam konteks dia menyelarasa maknanya saya lihat di situ *level* dia, peringkat dia begitu tinggi, semua pengarah ada di situ, semua DO ada di situ, Setiausaha Kerajaan ada di situ, Menteri Besar ada di situ, dan kalau boleh ini kita manfaatkan dari segi kekuatan untuk kita memastikan bahawa agenda menangani dadah ini dapat lebih berkesan. Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum Parit tanya, saya tanya dululah. Saya pun pengerusi Pusat Serenti juga Yang Berhormat di kawasan saya. Kita lihat pada hari ini bahawa masalah penagih dadah ya lah makin bertambah dan wang yang digunakan begitu banyak, berbilion termasuk wang kitalah. Apakah Yang Berhormat setuju kita cadangkan tutup sahaja Pusat Serenti ini kerana dengan adanya pusat pemulihan seperti ini maka menggalakkan lagi penagih-penagih dadah baru. Apa salahnya, apa tidak kita minta supaya mereka yang berada di pusat-pusat ini diberikan kerja dengan diberikan pengawasan. Daripada mereka mendapat makan minum, tidur secara percuma. Pada masa ini pula selepas kita menghantar pulang pendaatang-pendaatang tanpa izin ini, sektor pengilangan mengalami masalah, sekarang kita nak bawa masuk pula pekerja-pekerja baru iaitu pekerja-pekerja asing di Pakistan, Bangladesh, wallahuaklam, tak tahulah, yang belum tahu baik buruknya.

Setuju kah Yang Berhormat supaya mereka ini yang kebanyakan telah mendapat latihan, tutup saja pusat serenti ini kita dapat jimat kos dan mereka ini diberi peluang pekerjaan dengan ada pengawasan. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih semangat Yang Berhormat Larut. Jangan tutup dulu, jangan padam dulu PEMADAM ini, jadi makna kita gunakan analisis *wad*.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan PEMADAM, pusat serenti, saya tak sebut PEMADAM.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Macam PEMADAM.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, lain-lain. Pusat Serenti lain, PEMADAM lain.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ya, okey, terima kasih. Saya kata pusat serenti telah memainkan peranannya yang sangat jelas. Saya sendiri telah pergi ke pusat serenti yang dikatakan terbaik, PERSADA di Sungai Besi. Pelatuhnya ada 164 orang. Pegawainya ada 85 orang, ha boleh saya ulang? Maknanya, nampaknya *one is two* dengan izin.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sila sahabat saya dari Parit. Ini bekas DO Sabak Bernam.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memanglah ramai yang hendak ambil bahagian dalam masalah dadah ini kerana setelah lebih 20 tahun dadah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara, hari ini kekal sebagai musuh nombor satu negara. Saya nak berbalik kepada Yang Berhormat Sabak Bernam tadi menimbulkan soal keberkesanan program yang dibuat oleh semua agensi termasuk ADK, PEMADAM dan NGO-NGO lain.

Yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, ialah soal hendak menarik mereka yang berisiko tinggi ini hadir program itu. Kalau kita tengok program yang dibuat oleh PEMADAM bagus, yang dibuat oleh Antidadah Bagus, tetapi yang datangnya itu, seperti baru-baru ini di kawasan saya di kawasan Parlimen Parit, yang datang ialah ibu bapa ataupun sudah peringkat datuk, umur 60 ke atas, 50-an ke atas sedangkan yang berisiko tinggi tu seorang pun saya tak nampak.

Saya tidak menyalahkan PEMADAM, masalahnya di sini bolehkan Yang Berhormat cadangkan bagaimana mereka yang berisiko tinggi ini dapat datang ke program yang kita buat. Budak-budak yang lumba motor ini ke? Ataupun sebagainya, bagaimana nak menarik mereka ini, bawakan kugiran ke apa ke? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada empat minit lagi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya, saya merayulah Yang Berhormat ini. Kalau tak selesai masalah ini berdosa kita sebenarnya, jadi kalau boleh ada *indicated* keberkesanan selepas ini tapi saya akan cuba gunakan empat-empat minit ini sebaik-baiknya.

Sebenarnya nombor satu, kita kena mengenali mereka, nombor dua kita kena mendekati mereka, nombor tiga kita kena mendampingi mereka dan ini mesti ada kemahiran, mesti ada kemahiran. Baik belia yang saya kata ada tiga orang, yang ada di Kampung Parit Baru itu, untuk mereka datang, kita panggil. Kalau kita panggil mereka itu datang dengan agenda antidadah memang dia tak datang, 99%.

Oleh sebab itu, kita nak saya nak menyebut kepada belia ini, kita ini, belia ini sebenarnya kumpulan yang berisiko tinggi tetapi dalam kita menyebut belia ini generasi pewaris, generasi penting tetapi kita sebenarnya tidak begitu mengiktiraf belia ini. Tandanya kalau kita lihat peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan itu sangat minimum.

Begitu juga kalau kita melihat dalam PEMADAM ataupun AADK ataupun kementerian yang lainlah. Oleh sebab itu, saya menganjurkan perkara ini supaya kementerian ini ada permuafakatan, supaya apabila belia-belia yang berisiko tinggi ini kita panggil mereka datang itu memang bermakna.

Contoh, maknanya kita panggil mereka datang untuk memberi mereka pekerjaan. Oleh sebab itu kita kenalah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia di samping bekerjasama dengan Kementerian Pertanian.

Kalau di Sabak Bernam, tanah kosong cukup banyak dan janji kita jangan janji kosong, kalau sekali kita berbohong kepada mereka, memang lain kali mereka tak datang, kerana ini kumpulan yang berisiko tinggi. Kita harus memikirkan agenda khusus. Kalau boleh sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya bukan nak megah lah, hanya saya nak mengongsi, datang ke Sabak Bernam komenlah program yang kita ada sebab kita sedang melaksanakan program ini.

Selain daripada itu, saya juga menegaskan bahawa khususnya kepada agensi antidadah. 'pot' ini port atau pot. P-O-T . Pot ini berlaku pada waktu malam, pegawai AADK bekerja 8.00 pagi hingga ke pukul 5.00 petang. Oleh sebab itu saya telah, mencadangkan supaya ada satu bentuk skim perkhidmatan yang berbeza bagi pegawai-pegawai AADK. Mereka kena bekerja, berkhidmat 24 jam sebab agenda ini adalah agenda memerangi musuh nombor satu kita. Kalau perlu syif, kita ada syif dan ini agenda yang sangat penting.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, buat akhir sekali saya tidak akan menyebut secara khusus tetapi agenda untuk mengurangkan *supply* ataupun memberhentikan bekalan dadah ini ke negara kita harus ditangani dengan lebih serius. Kita tahu dia masuk daripada darat, daripada laut, daripada udara, kita tahu. Siapa beritahu? Mereka beritahu, pihak polis beritahu, imigresen beritahu, jadi kalau tahu ia boleh masuk

di kawasan-kawasan tertentu, maka kita berharap supaya khususnya pihak Keselamatan Dalam Negeri mengambil perhatian dan tindakan yang sangat serius.

Dalam surat khabar beberapa hari yang lepas kita dapati kadar jenayah di tempat-tempat tertentu telah turun hasil daripada keanggotaan keselamatan itu diperlengkapkan dan diramaikan. Kalau itu perlu diambil tindakan keanggotaan polis ini yang saya difahamkan kurang 21,000 ini harus diperlengkap kerana agendanya salah satu daripadanya ialah memerangi dan menangani isu salah guna dadah.

Tuan Yang di-Pertua, berakhirnya saya hendak menyebut mengenai buku ini. Saya keluar sedikit daripada dadah, buku ini. Saya sebenarnya semalam bawa banyak majalah. Saya hanya dapat beli dua buah buku, saya bacakan tajuknya VARIASI di dalam Parlimen saya rasa saya boleh bacalah, kalau di luar Parlimen seharusnya tidak dibaca. VARIASI maknanya Syarat Awet Muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nak baca perlu mendapatkan kebenaran di sini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Syarat awet muda, Hartini tiduri 46 lelaki, dengan gambar begini Tuan Yang di-Pertua. Saya telah berjumpa beberapa orang yang telah berumur lebih 55 tahun, bila mereka tengok, baca ini dan tengok ini semangat mereka menderu-deru. Saya baca satu lagi dengan izin, dua saja. Sebenarnya saya ada majalah banyak lagi, 'Kerelaan Terlarang'. Gambar begini, saya ingat kalau jauh pun nampak kot. *[ketawa]*

Inti patinya saya ingat baca sendirilah. Tapi yang penting sekali ialah saya ringkaskan ada kaitan dengan inti pati, siapa sebenarnya yang mengawal ini? Kalau saya tengok di sini ialah PP. Kalau PP ini saya rasa KDN - Kementerian Dalam Negeri. Siapa sebenarnya yang menapis ini? Kalau kita lihat majalah mingguan lagi dahsyat, lagi hebat. Cerita-cerita tentang pemerkosaan dan sebagainya. Perkara-perkara ini sebenarnya mempengaruhi minda kita. Saya kata kita tapi yang lebih penting ia mempengaruhi minda anak-anak kita.

Oleh sebab itu, saya sangat berharap supaya pihak yang berkenaan, Kementerian Dalam Negeri harus memberikan perhatian terhadap perkara ini dan saya ingin menyatakan bahawa sama juga dengan media elektronik kita, kita lihat 24 jam. Saya lihat drama-drama yang ditayangkan Tuan Yang di-Pertua, drama-drama yang sebenarnya dari Latin Amerika, daripada Thailand, daripada Filipina, ini perkara yang cukup mengghairahkan. Termasuk cerita Hindustan di bawanya kita pusing-pusing pokok, kemudian naik atas bukit, lepas tu turun lurah dan sebagainya. *[ketawa]* dan akhirnya ini mengkhayalkan.

Saya sebenarnya telah buat soal selidik Tuan Yang di-Pertua, memang ibu-ibu, suri rumah-suri rumah tangga di Sabak Bernam lah khususnya memang mereka bersetuju bahawa cerita ini cukup bagus. Hanya dalam soal selidik itu saya tidak masukkan yang mengkhayalkan. Tak, saya tak masukkan yang itu. Tapi memang cukup bagus dan majoriti mereka memang boleh sebut nama-nama cerita itu.

Oleh sebab itu saya harap ini harus dikawal, siapa yang harus mengawal? Kementerian Penerangan, tapi kata Kementerian Penerangan dia tidak ada kuasa. Kuasa pada orang lain. Pada Kementerian Air dan Komunikasi, kepada KDN, jadi oleh sebab itu saya ingin mengesyorkanlah kuasa terhadap penapisan perkara ini ataupun permit ini harus diberikan kepada Kementerian Penerangan secara khusus. Mereka boleh membentuk jawatankuasa yang menggabungkan kementerian yang lain tetapi kuasa mutlak itu kepada Kementerian Penerangan supaya mereka sepenuhnya bertanggungjawab kalau ada penyelewengan kalau nak berhenti pun Menteri Penerangan lah yang harus berhenti.

Sekarang ini ada tiga agensi, bila kita rujuk kepada Kementerian Penerangan dia kata oh ini orang lain. Kita sebut jabatan ini dia kata orang lain. Ini masalah. Ini pandangan yang ingin diberikan oleh Sabak Bernam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara hendak bawa dalam ucapan saya.

Yang pertama, isu pertama ialah tentang Bank SMI atau Bank IKS. Saya mengucapkan tahniah usaha kerajaan menubuhkan Bank IKS untuk membantu IKS. Memandangkan peranan yang penting, yang dimainkan oleh IKS sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara, saya bercadang langkah-langkah berikut diambil untuk memastikan Bank IKS benar-benar memberi manfaat kepada pengusaha IKS dengan memberi pinjaman yang boleh sebenarnya membantu memajukan perniagaan pengusaha IKS. Kriteria-kriteria *assessment* atau penilaian diguna pakai akan membantu IKS yang perlu bantuan kewangan. Jadi kriteria yang digunakan itu mesti mudah dipatuhi, dan bukan untuk menyekat seperti biasa diguna pakai, digunakan oleh bank *commercial*. Misalnya syarikat peminjam dikehendaki mengemukakan akaun yang telah diaudit tiga tahun berturut-turut dan kertas kerja projek dan juga permohonan pinjaman dari syarikat *partnership* atau *sole proprietor* dengan izin, tidak dilayan. Sekatan-sekatan ini perlu dielakkan untuk membolehkan pengusaha IKS yang baru memulakan perniagaannya mendapat pinjaman yang sangat diperlukan, khususnya pada peringkat awal perniagaan mereka. Saya cadangkan, pengesahan dari persatuan perniagaan diterima sebagai bukti yang mencukupi.

Yang kedua, untuk mempercepatkan proses permohonan pinjaman, cawangan bank harus diberi kuasa untuk menilai dan meluluskan pinjaman yang amaunnya kurang dari lima atau sepuluh juta - andai kata, dan tidak perlu menunggu kelulusan ibu pejabat yang biasanya mengambil masa agak panjang.

Yang ketiga, bank harus menerima *guarantor* untuk menggantikan harta benda sebagai *collateral*. Mungkin kadar *interest* yang lebih tinggi boleh dikenakan jika tiada harta benda sebagai *collateral*.

Yang keempat, jika ada *collateral* berbentuk harta benda, amaun pinjaman diluluskan sekurang-kurangnya tiga kali ganda daripada nilai harta benda. Jika nilai *collateral* RM1 juta, amaun pinjaman sekurang-kurangnya 3 juta dan kadar *interest* yang dikenakan harus seperti yang dikenakan oleh MIDF, Bank Pembangunan, Bank Pertanian dan Bank Industri, iaitu 4% dibanding dengan 8% yang biasa dikenakan oleh bank *commercial*.

Yang kelima, pegawai-pegawai bank yang memeriksa permohonan atau menilai permohonan pinjaman IKS mesti berkelayakan atau mempunyai '*technical know-how*' tentang industri yang akan dinilainya. Jika kekurangan kepakaran, konsultasi harus diadakan dengan persatuan-persatuan perniagaan.

Yang keenam, dalam menilai *viability* sesuatu cadangan industri IKS, harus mengambil kira potensi IKS yang berkenan. Bagi permohonan pengusaha IKS baru, daya kreativiti IKS dan bukan *track records* semata-mata harus diambil kira.

Yang ketujuh, bagi syarikat IKS yang telah beroperasi melebihi 10 hingga 20 tahun yang ingin mengembangkan dan menaiktarafkan perniagaannya, permohonan untuk pinjaman mereka harus dilayan sungguhpun mereka tidak dapat memenuhi semua kriteria yang disyaratkan. Ini adalah berlandaskan kenyataan bahawa peniaga-peniaga kumpulan ini berjaya dan *survive* dengan izin, begitu lama.

Yang kelapan, pinjaman juga harus diberi kepada IKS yang *project-based*. Pinjaman boleh diberi secara 'progresif' atau mengikut fasa untuk menghalang penyelewengan.

Akhir sekali, Bank IKS harus juga membantu pengusaha IKS memindahkan pinjaman mereka dari bank *commercial* kepada Bank IKS jika bank *commercial* enggan menawarkan pakej yang lebih baik kepada pengusaha IKS.

Saya berharap langkah-langkah yang dicadangkan diberi perhatian dan ditimbang dengan seriusnya supaya Bank IKS dapat sebenar-benarnya membantu IKS negara ini.

Isu yang kedua ingin saya menyentuh ialah tentang sistem penilaian yang diguna pakai oleh Kementerian Pelajaran dalam mengesahkan jawatan guru.

Saya difahamkan Kementerian Pelajaran dalam mengesahkan jawatan guru, Kementerian Pelajaran telah menggunakan selain daripada laporan prestasi yang disediakan setiap tahun oleh guru besar, kementerian juga menggunakan temu duga sebagai satu cara untuk menilai kesesuaian seseorang guru itu dalam mengesahkan jawatan mereka. Saya dapati sistem yang digunakan secara temu duga itu adalah tidak adil.

Saya beri satu contoh di kawasan saya. Ada seorang guru yang telah mengajar enam tahun, seorang guru yang terlatih yang mendapat Diploma Pendidikan,

menghabiskan masa tiga tahun untuk mendapatkan Diploma Pendidikan, kemudian terus mengajar selama enam tahun. Baru-baru ini beliau ditemu duga dan guru ini gagal dalam temu duga bagi kali keempat. Oleh sebab itu perkhidmatan guru ini telah ditamatkan dengan serta-merta. Saya hendak bertanya, adakah sistem ini sesuai untuk menentukan masa hadapan seorang guru dengan temu duga sahaja. Laporan prestasi dari guru besar bagi guru ini adalah baik, dan tidak pernah menyatakan dalam masa enam tahun itu bahawa guru ini tidak dapat menjalankan tugasnya. Tetapi oleh sebab beliau gagal dalam temu duga, perkhidmatannya sudah ditamatkan. Jadi saya rasa kita perlu lebih mengambil berat tentang laporan prestasi yang disediakan oleh guru.

Jangan kita gunakan temu duga selama mungkin 10 minit sahaja untuk menentukan masa hadapan seseorang guru itu tanpa mengambil kira laporan prestasi yang disediakan oleh Guru Besar setiap tahun itu. Adakah penilaian sepanjang tahun terhadap pengajaran seorang guru itu oleh Guru Besarnya tidak memberi gambaran yang sebenarnya tentang kebolehan seseorang guru itu, manakala temu duga yang mengambil masa 10 minit itu lebih boleh dipercayai daripada penilaian yang dibuat oleh Guru Besar yang berkenaan? Jadi, saya harap Kementerian Pelajaran akan meninjau semula, jika perlu menggugurkan sistem penilaian melalui temu duga yang kurang adil itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Tuan Teng Boon Soon: Silakan.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya memang terharu bila dengar nasib seorang guru macam ini. Baru-baru ini Kementerian Pelajaran kita pun selalu kata kita hendak memperkasakan sistem pendidikan kita, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa salah satu daripada strategi untuk memperkasakan sistem pendidikan itu dengan kita mesti memperkasakan lagi sistem penilaian dan juga sistem bagaimana untuk kita menghargai profesion perguruan itu di kementerian itu supaya strategi memperkasakan sistem pendidikan di negara kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dijayakan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Tuan Teng Boon Soon: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Puchong kerana penilaian prestasi seseorang pegawai kerajaan itu amat penting. Dia mesti adil dan saksama. Sekiranya ada kelemahan, ia perlu diperbetulkan dengan secepat mungkin.

Bagi guru ini, kalau kita hendak tamatkan khidmat seseorang pegawai kerajaan itu ia perlu dibuat seawal mungkin, tidak menunggu sehingga misalnya, guru ini telah menghabiskan jangka hayatnya selama sembilan tahun untuk menjadi seorang guru barulah kita memberi tahu kepada guru ini bahawa “awak tidak sesuai menjadi seorang guru kerana tidak lulus temu duga yang disyaratkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Dengan itu kami tamatkan perkhidmatan dengan mengeluarkan satu notis sahaja”. Jadi saya meminta Kementerian Pelajaran menggugurkan sistem yang kurang adil itu lebih memandang kepada penilaian yang dibuat oleh Guru Besar iaitu penilaian prestasi yang dijalankan sepanjang tahun di peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan Kementerian Pelajaran hanya akan mengambil guru pelatih berijazah mulai tahun 2010. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran agar mengambil berat kepentingan guru sementara yang tidak berijazah seramai 2000 orang yang masih menyumbangkan perkhidmatan mereka dengan secara berdedikasi dan hendaklah terus mengadakan kursus latihan perguruan bukan siswazah sehingga 2000 orang guru sementara ini dilatih menjadi guru yang terlatih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Teng Boon Soon: Silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, sekarang di sekolah-sekolah SJK(T), SJK(C) dan SK, saya difahamkan purata 22 peratus daripada guru-guru di kawasan-kawasan luar bandar adalah guru-guru sementara dan ada juga kekurangan guru. Kadang-kadang berlaku juga *mismatch* di mana *feedback* yang diperlukan daripada akar-umbi peringkat PPD, oleh sebab statistiknya sudah salah maka perancangan untuk menghantar guru-guru juga salah. Maka kalau sekiranya usaha kerajaan untuk memberhentikan latihan untuk guru-guru lepasan SPM dan STPM dan digantikan dengan ijazah – hanya latihan untuk yang

berijazah sahaja, saya rasa mungkin kita akan menghadapi satu krisis di mana guru-guru akan banyak berkurangan sehinggalah guru berijazah itu dilatih, guru-guru seperti ini amat berkurangan.

Apakah cadangan Yang Berhormat bagi Tebrau untuk mengatasi masalah ini dalam tempoh 5-10 tahun ini kerana saya rasa perkara ini cukup serius sehingga keyakinan kepada kementerian dan perguruan dicabar di peringkat masyarakat. Maka apakah cara untuk memastikan supaya kesinambungan itu tidak terputus sehingga kita gantikan semua guru dengan guru berijazah. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Saya mengetahui tentang perancangan Bahagian Pendidikan Guru bagi tahun-tahun yang lepas selalu mengalami *mismatch* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Ini memang berlaku dan saya difahamkan banyak juga guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang bukan ia dilatih di dalam Maktab Perguruan. Ini memang berlaku tetapi nampaknya guru-guru kita memang serba kebolehan. Saya melihat ramai guru yang mengambil kursus latihan perguruan dengan pengkhususan dalam Pengajian Cina yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah rendah tetapi mereka boleh mengajar. Itu di peringkat sekolah rendah. Memang guru-guru kita mempunyai inisiatif untuk menyesuaikan diri dalam keadaan sebegini. Saya harap Bahagian Pendidikan Guru akan mengambil kira tentang masalah *mismatch* ini dan mencari jalan untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Teng Boon Soon: Sebentar lagi ya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tambah lagi, contoh guru yang ditamatkan perkhidmatan yang saya menonjolkan tadi, mengenai guru ini tiada seorang guru besar pun pernah mengatakan yang dia tidak dapat menjalankan tugas sebagai seorang guru di sekolah. Setahu saya tiada laporan prestasi yang menunjukkan dia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Sungguhpun begitu perkhidmatan guru ini ditamatkan kerana dia gagal dalam temu duga. Saya berasa amat sedih tentang ketidakadilan yang dilakukan oleh sistem penilaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman dan Kudat bangun.

Tuan Teng Boon Soon: Sekejap lagi, biar saya habiskan ini dulu.
khususnya kekurangan guru di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk keturunan Tionghua yang tinggi masih menghadapi kekurangan guru. Saya cadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengambil langkah untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SJK(C), termasuk yang pertama, menghantar guru siswazah untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina); yang kedua, melantik guru-guru bersara sebagai guru kontrak; yang ketiga, menambahkan kursus *Bachelor of Education*; yang keempat, menambahkan kursus latihan perguruan dalam perkhidmatan bagi guru siswazah dan guru bukan siswazah; yang kelima, menghantar guru bukan siswazah yang kini mengajar di sekolah menengah untuk mengajar di SJK(C).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Sri Aman dan Ketereh bangun.

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat bagi Sri Aman dulu.

Tuan Jimmy Donald [Sari Aman]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat yang saya nampak begitu minat tentang dunia pendidikan. Penjelasan pertama yang saya minta tentang pengajaran Bahasa Inggeris tadi. Pada masa sekarang nampaknya guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris ada diberi imbuhan(elaun) dan baru-baru ini saya juga mendengar ada satu trend yang tidak begitu sihat. Guru yang tidak begitu pandai mengajar Bahasa Inggeris pun berebut-rebut hendak mengajar Bahasa Inggeris hinggakan guru yang memang telah dilatih dalam Bahasa Inggeris tidak diberi peluang mengajar Bahasa Inggeris.

Seterusnya, guru yang mengajar Bahasa Inggeris itu nanti apabila dia sudah betul-betul fasih patut dinaikkan pangkat terpaksa melalui peperiksaan yang dinamakan PTK, kalau saya tidak salah. Kerajaan menggunakan begitu banyak peruntukan untuk mengendalikan peperiksaan ini kononnya untuk mengukur siapa yang patut dinaikkan pangkat. Tetapi, saya rasa kalau kita hendak menaikkan pangkat seseorang pegawai pendidikan, kita harus melalui prestasi mereka bukan melalui satu peperiksaan yang

direka yang tidak begitu relevan kepada karier mereka Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Aman bahawa kursus-kursus yang disediakan, kursusnya kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru itu mesti relevan. Tidak semata-mata untuk menaikkan pangkat. Ini disebabkan kursus disediakan untuk meninggikan kebolehan guru sebagai seorang pendidik dan pengajar dan bukan untuk meluluskan untuk melintas sekatan naik pangkat. Saya ada juga mengetahui tentang contoh guru yang dilatih untuk mengajar Inggeris. Guru pelatih pengkhususan pengajian Inggeris apabila tamat latihannya, tidak berani mengajar Bahasa Inggeris. Ada kes seperti itu. Ini kita kena pandang dari punca pengambilan guru pelatih itu.

Adakah guru pelatih itu diambil memang berkebolehan atau mempunyai syarat-syarat untuk menjadi seorang guru Bahasa Inggeris. Ini kita serah balik kepada bahagian Pendidikan guru. Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Kudat,....

Tuan Teng Boon Soon: Selepas ini, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masih tidak dapat.

Seorang Ahli: Berapa minit lagi?

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, isu keempat yang saya ingin kemukakan ialah tentang peruntukan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran kepada SJK(C) dan SJK(T). kini hanya RM10 juta setahun diberikan untuk SJK(C) dan SJK(T) seluruh negara. Saya rasa peruntukan itu memang tidak mencukupi. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula tentang keperluan oleh SJK(C) dan SJK(T) dan menambahkan peruntukan tahunan itu. Saya cadangkan sekurang-kurangnya RM50 juta setahun untuk membantu membekalkan kemudahan-kemudahan asas di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau, Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi yang mengatakan tentang kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) dan juga masalah mendapatkan peruntukan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sebagai bekas pensyarah maktab

perguruan. Masalahnya memang rumitnya. Yang menunggu hendak masuk latihan perguruan berasaskan sekolah LPBS ataupun dahulunya dikenali sebagai KDC memang ramai. Statistik yang kita ada 2,550 dan baru-baru ini diumumkan ada ura-ura akan membuka 700 tempat kepada pelbagai aliran yang mana SJK(C) cuma ada 240 tempat. Memang tidak dapat selesai masalah ini. Saya hendak minta pandangan.

Adakah 240 tempat ini memadai dan saya nampak dari segi syarat kelayakan, saya minta komen penjelasan daripada Yang Berhormat kenapa ianya telah dinaikkan kepada pengalaman sebanyak 3 tahun sebagai guru sandaran baru boleh diterima sebagai peserta. Ini adalah satu perkara bersabarlah di sekolah mengajar sebagai guru sandaran selama tiga tahun. Baru layak. Ini memang tidak pernah wujud. Kedua, mata pelajaran elektif turut perlu mendapatkan kredit. Saya hendak minta pandangan profesional Yang Berhormat bagi Tebrau tentang perkara bagaimana ianya dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang saya sokong syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pelajaran bahawa seseorang guru sementara itu kalau dia hendak mengambil kursus di maktab perguruan, keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman mengajar. Tetapi, bukan pengalaman tiga tahun. Saya rasa pengalaman mengajar satu tahun sudah pun memadai untuk menguji potensi bakat atau *incarnation* seseorang calon itu bahawa dia mempunyai minat dan dia mempunyai sifat yang diperlukan menjadi seorang guru. Saya rasa tiga tahun itu memang terlalu panjang dan tidak sesuai. Dia kan menyekat dan akan menghalang mereka yang minat memilih guru sebagai profesion. Saya berharap agar Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula syarat yang akan dilaksanakan itu. Saya rasa satu tahun pun cukup untuk menguji minat seseorang itu terhadap profesion mengajar ini. Akhir sekali saya hendak pindah ke isu yang lain. Satu isu sahaja. Iaitu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh.

Tuan Teng Boon Soon: Ok.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya banyak kali mendengar rungutan daripada sahabat-sahabat kita mengenai guru-guru di Sekolah Tamil dan guru-guru di

Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis (Cina). Saya sebenarnya tidak faham sekolah ini sebab saya tidak pernah belajar di sekolah ini dan dalam kawasan saya pun tidak ada. Yang ada sekolah swasta. Penjelasan yang ingin saya pohon ialah, apakah kekurangan guru ini sengaja tidak diambil kerana tidak cukup wang atau kerana tidak ada tempat atau kerana memang tidak hendak ambil? Yang mana satu sebenarnya? Apakah ini disengajakan oleh kementerian atau kementerian sendiri tidak sedar atau dia mahu SJK(C) atau SJK(T) ini lemah selemah lemahnya. Boleh tolong jelaskan?

Tuan Teng Boon Soon: Saya rasa hajat kerajaan amat jelas. Kerajaan hendak membantu SJK(C) dan SJK(T) dan tiada niat hendak melemahkan SJ (C) dan SJK(T). itu adalah paling jernih dan jelas. Kekurangan guru itu, dia berlaku kerana pelbagai faktor. Faktor yang pertama, kadang-kadang pemohon itu untuk mengambil kursus perguruan untuk menjadi seorang khususnya pengkhususan pengajian Cina itu mungkin tidak mencukupi. Ada masa-masa tertentu. Tetapi ada juga masa-masa ada guru-guru yang memohon itu tidak berjaya sungguhpun mereka mempunyai kepujian dalam Bahasa Cina seperti yang diperlukan sebagai syarat minimum. Tetapi tidak diambil. Tidak tahu apakah sebabnya. Kononnya tidak lulus dalam temuduga misalnya.

Jadi dia ada pelbagai sebab, tetapi niat kerajaan atau tujuan kerajaan adalah untuk membantu melahirkan guru yang mencukupi. Saya hanya berharap bahawa dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan untuk membantu SJKC dan SJKT, pegawai-pegawai kita harus lebih prihatin tentang masalah kekurangan guru ini, mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk membolehkan seramai mungkin orang supaya mereka boleh diambil ke maktab perguruan, khususnya mengambil pengkhususan pengajian Cina supaya mereka boleh dihantar mengajar di SJKC atau pengajian Tamil boleh dihantar mengajar di SJKT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Teng Boon Soon: Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang peruntukan Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, satu sahaja. Saya ingin merayu kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mempercepat lagi permohonan peruntukan Ahli Parlimen bagi projek PJK dan ameniti sosial. Cadangan-cadangan projek yang telah pun disiasat dan ditinjau oleh JKR daerah tentang kesahihan dan

keperluan yang sebenarnya harus diberi perhatian dan peruntukan yang diperlukan mengikut kemampuan kementerian.

Keperluan jalan kampung dan ameniti sosial luar bandar memang mendesak, khasnya bagi mereka yang sudah menunggu bertahun-tahun. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh Ahli Parlimen sehingga sudi mengadakan dialog pagi tadi untuk menyelesaikan masalah komunikasi dan masalah implementasi dalam mengagihkan peruntukan ini.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri sekali lagi. Sekian, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hujung sekali, Kudat.

3.33 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kudat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah Baginda yang begitu bernas, serba lengkap dan menjadi panduan dan inspirasi kepada kita untuk mencapai hala tuju negara Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, berakhirnya Rancangan Malaysia Kelapan pada tahun ini akan memberikan peluang kepada kita untuk menilai semula keberkesanan pelaksanaan dan dapat pula mempergunakannya untuk memandu Rancangan Malaysia Kesembilan dengan semangat dan pendekatan baru yang sudah tentu bermatlamat untuk mencapai objektif Wawasan 2020, yang menjadi matlamat dan objektif negara kita. Pendekatan menggunakan *cost benefit analysis* di dalam melaksanakan sesuatu projek kerajaan wajar dilaksanakan, kerana pendekatan ini sudah tentu akan mengawal pembaziran dan mengelak pelaksanaan projek yang kurang impaknya kepada rakyat dan negara.

Pendekatan praktikal "*live within our means*" adalah pendekatan yang saya percaya akan menjamin negara berada di landasan yang tepat dan selamat. Memandangkan sudah terlalu kerap rungutan, perbelanjaan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya bagi setiap rancangan lima tahun, maka mungkin sudah tiba masanya

rancangan lima tahun ini diunjurkan ke sepuluh tahun supaya ianya menjadi lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, inisiatif serius dan bersungguh-sungguh haruslah dibuat untuk meneroka potensi perdagangan khususnya dengan negara-negara OIC yang dilihat mempunyai potensi besar di samping mengekalkan rakan perdagangan tradisi negara yang sedia ada.

Berdasarkan kepada angka perdagangan 2002, nilai perdagangan negara-negara OIC ialah berjumlah USD944 bilion iaitu 7% daripada jumlah keseluruhan perdagangan dunia.

Daripada jumlah tersebut, nilai perdagangan Malaysia dengan negara OIC adalah berjumlah USD16.1 bilion dengan jumlah eksport USD9.2 bilion dan import USD6.9 bilion dengan lebihan USD2.3 bilion. Oleh sebab itu kita dapat melihat bahawa terdapat banyak peluang dan bidang yang boleh diterokai. Bidang utama yang Malaysia patut terokai ialah pembangunan global sistem kewangan dan pembiayaan berasaskan prinsip Islam. Produk ini menjadi semakin popular disebabkan perkongsian risiko, *ethical provision* dan *no interest policies* yang semakin diminati meliputi deposit bank akaun pelaburan dana ekuiti, bon dan *Islamic Hedge Funds*.

Anggaran semasa saiz pasaran global perbankan Islam ialah RM200 hingga RM300 bilion dan berkembang 15% setiap tahun dan bukan itu sahaja, bukan sahaja di benua Asia tetapi juga di Eropah dengan potensi pasaran 1.4 bilion masyarakat Islam di seluruh dunia. Demikian juga potensi pasaran makanan halal, namun usaha kita ini haruslah disertai dengan tindakan menyempurnakan imej kita sebagai pengeluar makanan halal. Insiden yang telah dibongkar berkali-kali tentang sindiket pemalsuan logo Halal dan penipuan yang didedahkan baru-baru ini akan menghalang potensi Malaysia membangunkan industri ini dan menjejaskan potensi ekuiti pasaran.

Di samping itu juga Malaysia walaupun adalah anggota multilateral WTO dan pelbagai pertubuhan perdagangan, tetapi harus juga memberikan penekanan hubungan bilateral perdagangan khususnya dengan negara-negara anggota OIC. Arab Saudi misalnya, walaupun telah memiliki hubungan *co-religion* dengan Malaysia selama 500

tahun, tetapi hubungan ini tidak diterjemahkan dengan berkesan dalam kerjasama perdagangan dan ekonomi.

Sebagai contoh, Malaysia belum pun memuktamadkan *Trade Bilateral Agreement* dengan Saudi Arabia sehingga kini dan ini termasuk ketiadaan *Double Taxation Agreement* yang sudah tentu akan menghalang pembangunan hubungan dua hala pelaburan dan perdagangan di antara kedua negara. Selain daripada itu tidak ada satu pun bank milik rakyat Malaysia beroperasi di Saudi Arabia dan ini telah menimbulkan masalah besar kepada pelabur, peniaga dan pedagang Malaysia yang ingin berniaga di sana.

Peniaga kita menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan perdagangan dari bank tempatan dan ini perlu diselesaikan sekiranya ada bank Islam ataupun bank konvensional negara Malaysia beroperasi di negara itu. Kita meminta pejabat Kedutaan Malaysia di Riyadh dan pejabat Konsul Jeneral di Jeddah bersikap lebih proaktif dalam memberikan fokus utama kepada peluang-peluang perdagangan yang boleh diterokai dan ini termasuklah pembinaan di mana Malaysia mempunyai kepakaran yang tinggi dan mampu menyaingi kontraktor Amerika, Eropah, Jepun yang telah memonopoli kerja-kerja dan peluang di Saudi Arabia selama ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya tertarik di mana Yang Berhormat bagi Kudat menyebut tadi bahawa hubungan di antara Malaysia dengan Saudi Arabia lebih daripada 500 tahun, tetapi setakat ini tidak ada hubungan perniagaan yang dimaterikan di antara dua negara sedangkan Malaysia ini disebut sebagai sebuah negara Islam. Bila kita melihat Thailand di mana barang-barang Thailand sudah masuk pasaran Saudi ini sampai kepada kampung-kampung di Ehsak, di Riyadh, di Dammam, seluruh bandar-bandar besar dan kecil ini dipenuhi dengan barang-barang daripada Thailand sedangkan Thailand ini bukan negara Islam.

Apa yang saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kudat, apakah halangan-halangan sebenar? Sehingga kita tidak mendapat tempat atau pasaran, barang-barang kita terlonggok dan punah dengan sendiri. Buah-buah dan sebagainya tidak dieksport ke Saudi Arabia sedangkan kita adalah negara Islam yang mungkin kalau ada usaha-usaha itu, Saudi Arabia menerima dengan mudah barang-barang kita kerana barang-barang kita terkenal dengan halalnya. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebenarnya apa yang menjadi halangan mungkin ialah kerana tidak ada usaha-usaha daripada pihak swasta di negara Malaysia yang bersungguh-sungguh untuk meneroka pasaran Arab Saudi dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat kerana kalau kita lihat di negara Saudi Arabia sama ada di Madinah, Mekah, Jeddah dan juga di Riyadh memang kelihatan kebanyakan daripada barang-barang yang dipasarkan di negara itu adalah kebanyakannya daripada negara China, Taiwan, dari negara-negara Eropah dan juga dari negara Thailand seperti yang disebutkan tadi. Sebab itu kita menyeru kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab khususnya MATRADE dan juga pejabat-pejabat kedutaan kita di luar negara supaya mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk meneroka pasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda juga...

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai bekas Duta Malaysia ke luar negeri, saya ingin minta penjelasan dan pendapat Yang Berhormat. Macam mana kalau kita syorkan Menteri Luar Negeri juga mengambil alih tugas Menteri Perdagangan Antarabangsa supaya Jabatan Luar Negeri itu dapat dimaksimumkan oleh kita?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya fikir tugas ini adalah tugas Perdana Menteri untuk menentukannya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Titah Seri Paduka Baginda yang mengharapkan wujudnya kesepakatan sejagat dan perdamaian khususnya di kawasan Asia Timur maka setiap insiden dan peristiwa yang berlaku di wilayah ini haruslah menjerat perhatian kita.

Keunikan geografi negara kita yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara telah menyebabkan negara kita terdedah kepada tuntutan bertindih dan masalah sempadan dengan kebanyakan negara Asia Tenggara. Malaysia menghadapi masalah dengan Singapura, Brunei, Filipina dan Thailand; dan yang terkini dengan Indonesia berkaitan Ambalat di Laut Sulawesi. Perkembangan berkaitan tuntutan bertindih ke atas Telaga Minyak di Laut Sulawesi yang berhampiran Sabah telah menyemarakkan perasaan segelintir rakyat Indonesia dan telah bertindak memijak dan membakar bendera Jalur Gemilang dan berdemonstrasi di hadapan kedutaan kita.

Lebih bahaya lagi mereka telah menempatkan Armada Tentera Laut Indonesia di kawasan yang dipertikai. Ini adalah petanda yang kurang manis di dalam perhubungan bilateral Malaysia dengan negara jiran yang sebangsa ini. Baru-baru ini ditambah pula dengan penangkapan beberapa rakyat Malaysia di sempadan Sabah - Kalimantan yang melibatkan salah seorang daripadanya berpangkat Datuk adalah perkembangan yang tidak sihat dan kita minta kepada Kementerian Luar Negeri menjelaskan dan ingin mengetahui apakah telah ada tindakan untuk membebaskan mereka yang kebanyakannya dari Sabah ini dan bilakah mereka ini akan dibebaskan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya, Malaysia, Indonesia adalah satu rumpun bangsa yang begitu akrab di antara satu sama lain. Apatah lagi Indonesia juga adalah rakan kita dalam ASEAN dan kita selalu bersidang, berpakat di antara satu sama lain. Mungkin juga ada perselisihan faham. Kita dalam satu keluarga pun Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita ada sedikit gaduh. Sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula kita manusia.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya memohon supaya rombongan Ahli-Ahli Parlimen Malaysia membuat lawatan muhibah ke Indonesia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Diketuai oleh Jerai.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Diketuai oleh Speaker atau Timbalan Speaker, itu lebih baik [*Ketawa*] untuk kita mengeratkan silaturahim kerana kita

ini juga kadang-kadang keturunannya dari Indonesia – saya Aceh [*Ketawa*] masa itu lari dari Pulau Belanda, datuk saya – iaitu seorang pejuang, sebab itulah cucunya pun boleh tahan. [*Ketawa*] Kemudian ada dari Jawa – Timbalan Menteri Pelancongan kita daripada keturunan Jawa, dari Negeri Sembilan pula Minangkabau. Jadi *root* kita itu adalah satu rumpun. Jadi saya mencadangkan supaya kita pergi sebagai rakan ASEAN, pergi ke Indonesia, berjumpa dengan rakyat dan Ahli Dewan Rakyat Indonesia, Yang Berhormat bagi Pasir Mas boleh ikut. Kalau Pasir Mas boleh ikut, kita bawa Pasir Mas pergi - Islam Hadhari. Kita pergi ke sana dan ini akan mengeratkan silaturahim kerana Indonesia sebuah negara Islam yang besar. Kadang-kadang yang tunjuk perasan itu adalah budak-budak jalanan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, belum cukup lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: budak-budak jalanan yang bagi mereka kursus,....

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Soalan, soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan cadangan ini?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya amat bersetuju Yang Berhormat bagi Jerai. Baru-baru kita telah diberitakan juga..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta pegawai ambil catatan tadi tentang rombongan ke Indonesia.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Baru-baru ini kita telah diberitakan di media-media antarabangsa yang melaporkan Indonesia merancang menambah peruntukan pertahanan tahun ini sebanyak USD539 juta di tengah-tengah sengketa Kuala Lumpur – Jakarta. Memang tidak dapat dinafikan kemenangan kita memiliki Pulau Sipadan dan Ligitan atas penghakiman berasaskan *effective control* oleh ICJ telah melukakan secara tidak sengaja perasaan Indonesia. Tetapi apakah penghakiman yang sudah tentu telah mengubah garis sempadan negara khususnya sempadan maritim dan *exclusive economic zone* telah dimuktamadkan dalam penghakiman ICJ atau ada keperluan bagi Malaysia memuktamadkannya dengan Indonesia secara bilateral. Bukankah ini adalah tanggungjawab Malaysia dan Indonesia untuk melakukan sebelum membuat keputusan

untuk menganugerahkan kawasan yang kaya dengan galian minyak dan gas ini kepada pemegang konsesi Shell di pihak Malaysia dan Unicall di pihak Indonesia.

Saya fikir kementerian yang berwajib harus melaksanakan tugas ini supaya masalah ini tidak berlarutan dan satu *amicable solutions* dapat dilaksanakan demi menjaga persefahaman dan semangat kejiranan ASEAN. Dari satu segi yang lain, ada musibah penghakiman berasaskan *effective control* yang diwartakan oleh ICJ berkaitan dengan Sipadan dan Ligitan ini. Apakah penghakiman ini tidak pula digunakan untuk menghakimi kes tuntutan Batu Putih yang sekiranya berlaku akan merugikan kita? Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menghalang *effective control* Singapura terhadap Pulau Batu Putih? Adakah Armada Tentera Laut kita tidak menunjukkan isyarat tentang penguasaan kita terhadap pulau yang kita anggap milik kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi *flash point* yang dijangka akan mendatangkan krisis di Asia Timur ialah berkaitan *Cross-Straits Tension* yang melibatkan PRC dan ROC yang berakar umbi kepada perpisahan akibat perang saudara yang telah membawa pengunduran Jeneral Chiang Khai Shek ke Taiwan pada tahun 1949 dan kedua-dua pihak masing-masing menuntut kedaulatan wilayah di antara satu dengan yang lain. Walaupun kita jelas negara kita mengamalkan Dasar Satu Cina namun perkembangan terkini khususnya pengaktaan *Anti Secession Law* atau Akta Anti Pemisahan dan penghalaan 700 buah *missile* ke arah Taiwan di samping tindakan provokasi serta menambah nama *Republic of Taiwan* di dalam pasport antarabangsa berserta pelbagai retorik Taiwan telah menyemarakkan suasana di kedua-dua belah selat itu. Walaupun kita amat percaya dengan *wisdom* di kedua-dua belah pihak namun sebagai jiran terdekat, tidak dapat tidak, kita harus berasa khuatir kerana jika berlaku konflik secara tiba-tiba dan terbuka, kesannya sudah tentu akan menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi rantau ini.

Seperti yang kita tahu, Amerika mempunyai hubungan istimewa dengan Taiwan melalui *Taiwan Relation Act* di samping amalan Dasar Satu Cina yang mereka laksanakan. Di dalam akta ini, Amerika berhak mempertahankan kedaulatan Taiwan jika diserang tanpa sebab yang munasabah dan kita khuatir wilayah ini akan menjadi medan

konflik kuasa besar yang akan mengancam kestabilan Asia Timur sekiranya tidak ditangani dengan lebih awal.

Kita tidak tahu sama ada terdapat usaha dibuat melalui Asian Plus 3 atau secara informalnya EAEC, atau melalui platform APEC yang melibatkan kedua-dua pihak berada sebagai ahli bagi pertubuhan ini. Atau PBB meneliti perkembangan ini supaya ianya tidak merebak.

Tuan Yang di-Pertua, bencana gempa bumi dan gelombang Tsunami yang telah melanda negara-negara sekitar lautan Hindi yang telah mengorbankan ratusan dan ribuan nyawa dari pelbagai negara tidak terkecuali Malaysia dan yang terbaru telah berlaku pada pagi ini. Bencana ini haruslah diambil iktibar dan persediaan menghadapi kemungkinan haruslah dibuat untuk meminimumkan kerosakan dan kematian yang banyak. Bangunan-bangunan di negara kita khususnya *high risk* dan *sky scrapers building* haruslah memasukkan '*sysmyth*' - *resistance features* di dalam reka bentuk bangunan untuk membolehkan bangunan tersebut *withstand* gempa bumi dan bencana lain termasuk Tsunami.

Kebanyakan bangunan negara kita tidak *earthquake proof* dan kita ingin tahu sama ada ianya juga termasuk Petronas Twin Towers kebanggaan kita itu. Bangunan di negara kita secara umumnya adalah terlalu *stiff* dan rigid dan tidak menyediakan fleksibiliti untuk menghadapi gegaran dan gempa. Sudah tiba masanya Malaysiaewartakan penggunaan teknologi baru khususnya memperbanyakkan penggunaan *steel reinforcement* dalam pembinaan dan *high damping natural rubber bearing* yang mampu bertindak sebagai absorber untuk *absorb vibration* atau getaran bagi *landed properties* dan steel mechanical springs bagi bangunan pencakar langit.

Tindakan forward planning ini juga sudah tentu akan menjana industri besi keluli kita dan meningkatkan penggunaan getah asli yang merupakan produk utama negara kita. Kita juga ingin tahu setakat manakah '*sysmyth*' - *resistance features* ini telah dilaksanakan khususnya di Pulau Pinang dan di Sabah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya dari Kudat. Berkaitan dengan bangunan-bangunan tinggi semalam Malaysia mendapat amaran pertama ataupun amaran awal di mana bangunan-bangunan tinggi pencakar-pencakar langit di negara ini cukup bahaya sebenarnya. Apakah kerajaan daripada semalam membuat satu perancangan baru supaya kita tidak selalu meniru style orang. Kebanyakan kita di Malaysia ini kita tiru style Amerika, kita tidak tiru style Britain misalnya, di mana Britain tidak mempunyai bangunan-bangunan pencakar langit sebagaimana Amerika. Negara kita ini sebenarnya berbukit, di Kuala Lumpur juga bangunan-bangunan kita didirikan di atas bukit. Cukup-cukup bahaya dan negara yang luas, bumi yang luas tidak perlu kepada bangunan pencakar langit. Lainlah macam Singapura dan negara-negara yang sempit dan kita terdedah dengan bahaya, semalam merupakan amaran terawal kepada negara kita supaya kita dalam *pembinaan* bangunan-bangunan ini mesti mengambil risiko tinggi. Apakah pandangan Yang Berhormat untuk menyekat *pembinaan* bangunan-bangunan yang terlampau tinggi yang tidak padan dengan saiz negara kita?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Pasir Mas. Sebenarnya kita tidak dapat menghalang sekiranya ada pihak yang ingin membina bangunan-bangunan pencakar langit tetapi yang penting features atau *sismyth-resistance* features haruslah dimasukkan khususnya penggunaan yang lebih banyak terhadap steel reinforcement. Kerana apa yang berlaku pada hari ini kebanyakan bangunan-bangunan kita tidak menggunakan steel reinforcement kerana steel reinforcement ini akan memberikan fleksibiliti dan absorption of vibration dengan izin dan ini akan membolehkan kita untuk mendapatkan bangunan yang lebih selamat.

Saya mengambil contoh di Taiwan, bangunan yang tertinggi di seluruh dunia hari ini Taipei 1-0-1 adalah bangunan yang tertinggi yang pernah direkodkan melalui *guinness of record* tetapi bangunan ini masih mampu didirikan kerana ianya menggunakan teknologi terbaru iaitu teknologi yang berasaskan kepada apa yang saya sebutkan tadi.

Kita juga ingin tahu setakat mana *sismyth-resistance* features ini dilaksanakan khususnya di Pulau Pinang dan di Sabah yang kerap mengalami gegaran akibat kedudukan geografi Sabah yang hampir dengan Filipina.

Sekitar dua bulan yang lalu ramai rakyat Sabah begitu kluatir dan melarikan diri ke tempat selamat akibat gegaran bawah laut di Selatan Filipina yang hanya lebih kurang 750 kilometer jauhnya dari Sabah yang dikluatiri mewujudkan bencana Tsunami seperti yang berlaku di Aceh, Trauma ini ditambah pula dengan peringatan misteri Pulau Hairan sebuah Pulau Batu Karang yang pernah timbul di Teluk Marudu.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong dan Tangga Batu bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tunggu selesai dahulu! Di perairan berhadapan Kudat lebih kurang sedekad yang lalu dan telah mendapat liputan media yang meluas dan lebih daripada itu kita juga sering mendengar dan melihat kejadian-kejadian gegaran yang berlaku di sekitar di Gunung Kinabalu dan ini adalah merupakan sesuatu yang amat membimbangkan kita, silakan Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Kudat. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat, kenapakah gegaran sekarang kerap berlaku selepas kejadian gempa bumi pada 26 Disember 2004, kenapa? Dan adakah ia akan berlaku lagi, itu saya ingin tahu?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Mambong saya fikir beliau lebih layak menjawab lebih daripada saya kerana beliau adalah pakar tetapi penjelasan yang saya dapat buat ialah kerana di dalam gegaran yang berlaku baru-baru ini pada 26 Disember telah berlaku gelinciran di antara plat Sunda dan Plat Sumatra dan gelinciran ini akan menimbulkan 'series trauma'. Dan kita kluatir sekiranya kita tidak bersedia mungkin ada lagi gegaran-gegaran yang berlaku seperti mana yang berlaku kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, Petronas yang ditubuhkan pada 1974 telah diberikan tanggungjawab untuk membangun dan menambah nilai sumber ini. Tidak dapat dinafikan Petronas telah berjaya menjadi kebanggaan negara kita sehingga ianya disenaraikan sebagai The Top 500 Conglomerate in the World dan semenjak ditubuhkan telah berkembang ke 35 negara sehingga Mac 2004 dan Petronas telah memiliki 93 anak syarikat, 55 syarikat bersekutu dan 19 partly own outfit. Namun kejayaan ini menjurus kepada kejayaan meneroka bidang upstream atau cari gali manakala aktiviti-

aktiviti downstream tertumpu pada refining activities, aktiviti pemasaran, perniagaan gas, perniagaan maritim dan lojistik dan sedikit perniagaan petro-kimia yang terdapat di Kerteh Terengganu dan di Gebeng, Pahang.

Kita ingin melihat Petronas sewajarnya menjadi pemangkin kepada industri petro-kimia di negara ini kerana industri nilai di tambah ini bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan dan reputasi Petronas sebagai conglomerate unggul dunia ketiga yang memiliki wide range capacity tetapi juga mewujudkan peluang pelaburan serupa di negara-negara Malaysia Timur khususnya di Sabah. Sudah tentu ini akan membantu mewujudkan balance development di antara negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia.

Industri hiliran khususnya petro-kimia yang berkaitan dengan pengeluaran *methanol, urea, ammonia dan melamine* adalah antara produk-produk yang boleh dibangunkan sama ada melalui pelaburan langsung Petronas ataupun pelaburan yang digalakkan kepada syarikat multi-nasional yang disertai oleh syarikat GLC kerajaan. Petronas wajar memberikan peluang untuk mendapatkan akses kepada syarikat-syarikat ini terhadap bekalan sumber asli ini.

Kita harus mengambil contoh kejayaan sebuah negara kepulauan kecil iaitu Trinidad dan *Tobago*. Walaupun sebuah negara kecil tetapi memiliki 5 buah kilang methanol dan 4 buah kilang urea ammonia dan *kesannya nagara ini talah menjadi pengeluar utama dunia product methanol*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada lagi 3 minit.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: 3 minit ya?

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Jika kita mahu, maka kita boleh mengepalai bidang ini sekurang-kurangnya di negara-negara dunia ketiga.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Minta laluan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tuaran sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Ini soal pelaburan Petronas di Sabah. Petronas mengatakan yang pelaburan-pelaburan Yang Berhormat katakan tadi tidak *viabile* kalau dibuat di Sabah. Apakah pandangan

Yang Berhormat tentang hal ini? Apakah sebenarnya kajian oleh Petronas dalam soal pelaburan ini sudah dibuat ataupun belum sehinggakan mereka mengatakan kalau buat *downstream* di Sabah tidak *viable*. Minta penjelasan sedikit.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya fikir saya tidak mampu menjawab soalan itu. Tetapi yang kita dapat lihat bahawa seperti mana yang saya jelaskan tadi, bahawa negara sekecil Trinidad dan Tobago sendiri pun mempunyai sembilan kilang *downstream* dan masih mampu menguasai pasaran dunia di dalam bidang petrokimia. Jadi saya tidak nampak Malaysia tidak menjadi sebagai negara yang akan mengepalai di dalam bidang ini sekiranya ada usaha-usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga dengan kedatangan pelancong-pelancong di negara ini yang telah mencapai tahap 15 juta pada tahun 2004, dan ini adalah merupakan satu sumber kepada kemakmuran negara kita. Namun kita ingin mengetahui berapakah *yield* yang diperolehi bagi setiap pelancong-pelancong ini. Berapakah daripada jumlah ini yang datang dari Singapura yang berulang-alik dengan *yield* yang rendah. Pagi pergi petang balik dan berapa pula rakyat negara kita yang melancong ke luar negara yang sudah tentu menyebabkan *currency out flow* yang menyebabkan kerugian kepada negara kita.

Pembangunan sektor pelancongan juga adalah berkait rapat dengan penyediaan infrastruktur negara. Keadaan lapangan terbang yang semakin sesak di Kota Kinabalu International Airport yang telah menerima kedatangan penumpang seramai 3 juta pada tahun 2004, wajar mendapat perhatian segera. Telah banyak diwarwarkan tentang pembesaran lapangan terbang ini, malah di dalam sesi Parlimen yang lalu telah dikatakan, tetapi sehingga hari ini belum ada tanda-tanda bahawa usaha-usaha untuk membesarkan lapangan terbang itu dibuat.

Selain daripada itu, faktor keselamatan adalah faktor penting yang patut diberikan penekanan. Kejadian pembunuhan ngeri dan rompakan yang semakin menjadi-jadi dan mendapat liputan media mutakhir ini telah memberikan kesan sekurang-kurangnya telah menakutkan kepada pelancong-pelancong untuk datang ke negara ini. Kempen berbudi-bahasa sudah tentu jika dilaksanakan dengan bersungguh-

sungguh akan meningkatkan imej dan menarik minat orang luar untuk mengunjungi negara kita.

Kalau kita pergi ke Thailand, maka kita dapat melihat bagaimana rakyatnya yang berbudi bahasa, khususnya apabila mereka berurusan dengan pelancong-pelancong luar, dan ini telah menjadi aset yang besar kepada negara itu yang telah menyebabkan ramai daripada pengunjung-pengunjung dan pelancong-pelancong luar berminat untuk mengunjungi negara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Memajukan warisan negara khususnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sebentar, satu minit. Memajukan warisan negara khususnya yang berasaskan kemahiran tempatan seperti menenun songket, mencipta batik Malaysia yang bermutu tinggi serta mencipta *souvenirs* dan kraf tangan yang tinggi kualitinya patut diperhebatkan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kita sendiri tidak melihat peranan dan Kemajuan Perbadanan Kraftangan melainkan melihat lebih banyak hasil kraf tangan di negara kita yang diimport dari luar negara khususnya dari Indonesia, China, Thailand dan banyak negara lagi. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian.

6.04 ptg.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sesungguhnya kita amat mengambil berat di atas segala peringatan dan saranan Seri Paduka Baginda terutamanya menyentuh mengenai peri pentingnya ekonomi negara diunjur ke tahap pertumbuhan 6% pada tahun ini dengan menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan untuk mencari pasaran baru di luar negara.

Saya kira banyak kali telah saya bangkitkan perkara ini, tetapi walau bagaimanapun, walau terpaksa sepuluh kali dibangkitkan saya akan tetap mengutarakan perkara ini sehingga melihat adanya sedikit sebanyak perubahan. Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan bahawa pihak Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk mengatur program promosi mengeksport khidmat profesional Malaysia ke luar negara melalui Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC). Kementerian juga memaklumkan bahawa sudah sepuluh delegasi telah dibawa ke negara-negara berpotensi untuk mendapat projek.

Setakat ini telah berjaya, alhamdulillah, mendapat projek pembangunan bandar di Jabal Umar, Mekah Arab Saudi. Tidak mudah untuk memperolehnya kalau tidak kerana konsep Islam Hadhari yang kita perjuangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian Kerja Raya sama ada CIDB yang diarahkan oleh kerajaan untuk menyuntik modal ke dalam PSDC ini telah dilaksanakan. Pertanyaan ini bukan bertujuan untuk menidakkan kemampuan CIDB, tetapi ada sebabnya.

Pernah suatu ketika saya diceritakan oleh Datuk Azhar Mansor, pelayar solo negara kita dalam satu pertemuan antara beliau dengan mantan Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, tentang kos untuk membina kapal layar beliau yang dianggarkan bernilai sebanyak RM2 juta dan bila di hadapan Perdana Menteri semua berjanji yang manis-manis belaka. Tetapi selepas perjumpaan tersebut, janji hanya tinggal janji. Kapal layar Datuk Azhar Mansor hampir dilelong oleh pembuat kapal tersebut kerana tidak dapat membuat pembayaran pada waktu yang dijanjikan.

Kita harap CIDB tidaklah begitu kerana amat penting suntikan modal CIDB ke dalam PSDC. Usaha PSDC perlu dipertingkatkan. Kita belum berpuas hati kalau hanya satu projek sahaja yang kita perolehi setakat ini. Sedangkan juru perunding dari luar negara dapat lebih dari satu projek dalam negara kita. Pelik tapi benar. Terdapat defisit usaha orang luar ke dalam lebih ramai daripada yang di dalam pergi ke luar.

Maka timbul Tuan Yang di-Pertua, keinginan untuk bertanya kepada badan-badan yang bertanggungjawab terhadap kumpulan profesional ini, sama ada Persatuan Arkitek Malaysia ataupun Institusi Jurutera Malaysia mahupun Institusi Juruukur Malaysia. Tiga badan-badan profesional yang aktif di negara kita dari segi soal

pembangunan dan mengeksport ataupun menjaga kepentingan tenaga profesional ini. Adakah ahli-ahli profesional dalam negara kita tidak punya kemampuan untuk memberi perkhidmatan sehinggakan kita terpaksa melantik dari luar negara.

Kita masih belum mendengar apa-apa pandangan atau apa-apa kenyataan yang dibuat oleh badan-badan profesional ini, yang sepatutnya menjaga kepentingan ahli-ahli mereka. Kalau badan-badan profesional ini tidak dapat dan tidak berdaya hendak meningkatkan keupayaan ahli-ahlinya, saya syorkan kepada Dewan yang mulia ini agar kedudukan dan status badan-badan profesional tersebut dikaji semula. Kelemahan badan-badan profesional berkenaan bukan sahaja terhenti setakat tidak dapat bersaing dengan Dr. Keith Wiliam yang dilantik oleh Kementerian Kerja Raya dari UK Building Research Establishment itu.

Tetapi keadaan akan lebih buruk lagi, Tuan Yang di-Pertua, bila Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah pun membuat satu perancangan untuk menyerahkan kepada golongan profesional tempatan untuk mengeluarkan sijil pengesahan bagi mengganti *certificate of fitness for occupancy* (CFO) dalam masa yang terdekat ini. Kalau keyakinan terhadap golongan profesional ini terus terhakis dengan tindakan kita yang secara berterusan mengguna kepakaran dari luar negara, maka ini akan membuka ruang kepada pihak-pihak yang mungkin akan mencurigai kemampuan dan kelayakan golongan profesional apabila mereka diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil pengesahan terhadap pembangunan-pembangunan yang akan dilaksanakan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ada mengumumkan peruntukan sebanyak RM28 bilion untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan yang telah dirancang. Walaupun peruntukan ini adalah 6.67% lebih rendah dari tahun 2004, tetapi dengan perancangan yang lebih mantap saya yakin nasib 50,000 kontraktor yang mengharap untuk memperoleh kerja mempunyai peluang yang lebih baik. Maka, Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua golongan dalam masyarakat ini sama ada kontraktor-kontraktor yang mengharap agar lebih banyak peluang dibuka untuk mereka meneruskan perusahaan mereka mahu pun harapan untuk kita melihat golongan-golongan profesional terus dapat melaksanakan bidang tugas mereka di luar

negara itu menjadi satu kenyataan, ianya bergantung rapat kepada usaha gigih semua pihak dalam hendak memastikan ia menjadi satu realiti.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai hasrat kerajaan hendak menjadikan sektor pertanian sebagai satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara program-program berupa skim-skim galakan mahupun subsidi-subsidi yang disediakan kepada petani, penternak dan nelayan ini perlu diteruskan dan diperbanyakkan bagi menjayakan rancangan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat tani ke tahap RM1,500 sebulan, sebagai rancangan kerajaan. Tentunya isu-isu masyarakat tani yang menjalankan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan berbanding isu-isu mengurangkan *food import bill*, dengan izin, adalah dua perkara yang berbeza.

Ini bererti kita perlu mengurangkan defisit dagangan yang telah mencecah lebih RM5 bilion itu. Saya kira Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu disediakan peruntukan yang lebih besar termasuk memperbanyakkan sumber-sumber yang berkaitan. Kita kena *jump start* pembangunan industri pertanian ini kalau kita hendak lihat hasilnya dalam masa yang pendek. Keluasan tanah-tanah untuk tujuan pertanian yang kerap menjadi halangan perlulah diperluaskan, malah berkemungkinan ditubuhkan seperti Suruhanjaya Air, Suruhanjaya Tanah Pertanian Persekutuan, yang mana Kerajaan Pusat memiliki kuasa untuk menyelaras tanah-tanah yang telah digazet untuk tujuan pertanian.

Kita maklum bahawa pada masa kini tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kita berharap, Tuan Yang di-Pertua, kerenah birokrasi tidak menjadi penghalang kerana walaupun kita ada infrastruktur negara maju tetapi aspek sumber insannya juga perlu dibangunkan sewajarnya. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat agar golongan masyarakat tani ini tidak dikaitkan dengan soal kemiskinan lagi. Mudah-mudahan dengan usaha kerajaan yang mantap ini kita dalam masa yang terdekat ini akan dapat melihat masyarakat kita apabila berhadapan dengan masyarakat umum berbangga untuk menyatakan bahawa mereka adalah petani, mereka adalah pekebun, mereka adalah nelayan kerana pada waktu dan ketika itu mereka yang menjadi petani, pekebun dan nelayan juga mereka yang mempunyai taraf hidup yang

tinggi, juga mempunyai pendapatan yang dapat meningkatkan lagi taraf hidup rakyat di negara kita.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyatakan bahawa sistem pengangkutan atau rangkaian sistem pengangkutan LRT, PUTERA atau STAR itu yang telah semakin sempurna dan semakin popular tetapi dalam masa yang sama kita juga dimaklumkan bahawa ianya tidak akan dapat memenuhi matlamat kerajaan selagi 1,000 buah bas sebagai *feeder system* tidak dapat dilaksanakan. Kekurangan hampir 600 buah bas itu tentunya merupakan sesuatu yang tidak dapat kita terima sebagai alasan kerana sebagaimana sesuatu perancangan yang dibuat, yang diajukan itu boleh timbul masalah kekurangan yang sebegitu banyak sekali. Seolah-olah telah menjadi satu trend, Tuan Yang di-Pertua, setiap sesuatu yang dirancang dalam bentuk penswastaan tetapi akhirnya kita dapat melihat kerajaan juga terpaksa tampil ke hadapan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh konsesi-konsesi ini yang menyebabkan kerajaan terus menanggung bebanan kewangan secara berterusan.

Kita berharap mudah-mudahan pihak yang bertanggungjawab akan lebih berhati-hati di masa yang akan datang dalam hendak meneruskan usaha mempergiatkan lagi ekonomi negara ini melalui penswastaan. Bukan saya tidak menyokong usaha penswastaan ini tetapi lebih berhati-hati agar kita dapat mengelak daripada lebih banyak lagi kerugian yang akan ditanggung oleh kerajaan di masa yang akan datang.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon untuk bersama-sama menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pendang.

4.18 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin bersama-sama mengambil bahagian di dalam Usul Menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung semasa merasmikan Mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas ini. Seri Paduka Baginda telah menyentuh tentang apa yang berlaku pada 26 Disember tahun lepas iaitu berhubung dengan bencana alam Tsunami.

Saya juga ingin memperkatakan sedikit sebanyak tentang Tsunami ini yang melanda rantau Asia Tenggara, terutamanya Aceh, Phuket, di kawasan negeri saya, Kuala Muda, Pulau Pinang dan juga di Langkawi, yang kita di rasa sudah tentu memberi banyak kesedaran dan keinsafan kepada kita betapa kuasa Allah S.W.T. yang mengatasi segala-galanya. Tetapi apakah kesediaan yang telah ada pada kita untuk menghadapinya sekali lagi sebagaimana yang telah berlaku pada malam tadi.

Banyak yang telah diperkatakan, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tiadanya amaran awal dan sebagainya yang ada di dalam negara kita. Sudah tentulah kita yang tidak pernah merasa gegaran gempa bumi ini yang maha dahsyat dan juga kesan daripada gempa bumi, iaitu ombak besar yang di sebut Tsunami ini tidak menjangka akan kemusnahan yang akan terjadi. Tetapi jika sekiranya kita mempunyai amaran awal pun, kita rasa apakah yang dapat kita selamatkan kecuali hanya nyawa-nyawa manusia dan juga sedikit harta benda serta dokumen-dokumen yang ada pada kita.

Selain daripada itu, kita tidak dapat membawa bersama-sama dengan kita untuk diselamatkan kerana kita tidak mempunyai perancangan atau pun bangunan-bangunan yang boleh tahan kepada gegaran sampai kepada 8.9 atau 9 skala Richter. Inilah yang menjadi masalah pada kita pada hari ini.

Cuma persediaan yang boleh kita buat pada masa ini saya rasa adalah untuk mencegah kemusnahan yang lebih teruk iaitu dengan memelihara tumbuhan di pantai kita dan juga menanam hutan-hutan bakau supaya dapat menjadi benteng kepada ombak besar yang mungkin dihadapi pada masa-masa yang akan datang. Usaha untuk membiakkan hutan bakau perlu diberi perhatian serius oleh pihak-pihak yang berwajib dan tindakan pemantauan harus diadakan terus-menerus serta tindakan tegas perlu diambil ke atas pihak-pihak yang ingkar.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Apakah Yang Berhormat setuju kalau saya tambah lagi kepada apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, bermakna kita perlu tanam pokok-pokok di persekitaran pantai dengan pokok-pokok bakau dan berbagai-bagai pokok. Saya tambah, apakah Yang Berhormat tidak bercadang untuk mencadangkan supaya di negara kita ini kita dirikan masjid-masjid di

pantai-pantai dan di daerah-daerah, di kampung-kampung dengan lebih banyak daripada apa yang ada sekarang ini kerana berdasarkan kepada gambar televisyen dan surat khabar menunjukkan bahawa masjid tidak runtuh dalam kejadian baru-baru ini manakala bangunan yang lain runtuh tetapi masjid tidak runtuh.

Saya rasa kalau kita buat masjid Yang Berhormat bagi Jerai pun setuju tak ... kita buat masjid banyak-banyak di tepi pantai, di kampung, di bandar dan barangkali kita boleh buat bilik kebal dalam masjid untuk menyimpan bahan-bahan yang berharga sekiranya berlaku *Tsunami* di negara kita. Apakah Yang Berhormat bagi Pendang setuju?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Daripada pengalaman apa yang saya dapati di Aceh saya berada selama seminggu di Aceh, memang kita dapati banyak bangunan-bangunan, terutamanya rumah ibadat, masjid yang terletak di tepi pantai, bahkan yang terletak 50 meter dari pantai pun tidak runtuh, ia kekal dengan struktur asalnya dan kita kagum dengan kuasa *Allah Subhanahu wataala* yang memelihara rumah ibadat yang dibina di tepi pantai ini. Mungkin ada kebenaran apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas itu. Saya memang bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Assalamu'alaikum.*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *Wa'alaikumussalam* .

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat. Memang masjid adalah rumah Allah dan sudah tentulah Tuhan melindungi rumah dia. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pendang mungkin boleh berbisik dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerana duduk di sebelah, adakah di Malaysia ini masih tidak mencukupi masjid yang dibina oleh kerajaan? Saya nampak masjid ini cukup banyak, surau pun banyak. Kadang-kadang Tok Imam yang bang, Tok Imam yang mengimamkan, dia beralih-alih adalah seorang makmum atau dua. Itu sembahyang waktulah. Kalau sembahyang Hari Raya, ya penuh.

Adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan masjid-masjid ataupun rumah-rumah Allah yang dibina oleh kerajaan untuk kita beramal ibadat dalam negara kita ini.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat masjid lagi dan Insya-Allah kalau kariahnya cukup, kawasannya cukup, jemaahnya cukup, kerajaan akan memperbanyakkan lagi. Kalau hendak bina semua masjid di tepi laut pun susah juga Yang Berhormat. Yang dok atas darat hendak pi sembahyang tang mana? Saya minta Yang Berhormat jelaskan, adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan yang memperbanyakkan rumah-rumah Allah ini. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, jiran dengan Pendang. Kita tahu ayat Allah menyebut, [*Membaca sepotong ayat pendek daripada Al-Quran*] bermaksud, “Berlumba-lumbalah kamu untuk membuat kebaikan”, maknanya hendak membuat kebaikan ini kita sangatlah bersetuju, kena buat banyak masjid. Cuma kita kena pilih tempat, tidak semua, yang tidak ada orang pun kita hendak buat masjid, kena tempat yang ada orang baru kita boleh buat masjid ini. Saya hendak meneruskan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita meluahkan rasa kesedihan yang amat sangat di atas kemusnahan dan ratusan ribu nyawa yang terkorban dalam masa yang amat singkat. Lalu atas kesedihan itulah maka kita telah membatalkan segala bentuk acara hiburan dan pesta menyambut Tahun Baru 2005 dan masyarakat menjadi ringan tangan dan murah hati menghulurkan bantuan apa yang terdaya kepada mangsa. Kesedihan memang tidak berkekalan, paling lama pun hanya enam bulan. Tetapi sebagai seorang Muslim, kita perlulah mengambil kejadian *Tsunami* ini sebagai satu pengiktibaran bahawa akan tiba ketikanya suasana yang lebih dahsyat daripada ini boleh berlaku iaitu hari kiamat. Cuma persoalan di sini, apakah kita sudah mempunyai persediaan ke arah itu.

Kemusnahan yang berlaku di Aceh di mana ribuan nyawa telah pergi, mayat bergelimpangan di sana-sini, kapal naik sehingga tiga, empat kilometer ke daratan, daratan menjadi lautan sehingga empat kilometer dan tidak mungkin boleh didiami lagi. Memang cukup menginsafkan kita. Namun sejauh manakah keinsafan itu kita lakarkan di dalam kehidupan kita ini? Cukupkah setakat tiga atau empat bulan kita bersedih tetapi selepas itu kita kembali galak bahkan lebih dahsyat lagi dalam menganjurkan pesta itu dan ini. Kita masih keliru apakah *Tsunami* ini *act of God* ataupun *force of nature*. Tentulah perbezaannya ada pada iman yang tertanam di dalam dada kita. Di

dalam Islam semua tahu matlamat tidak menghalalkan cara. Kalau ini terjadi maka matlamat kita akan menjadi sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat masih ramai lagi anak-anak muda kita yang hanyut bak buih dibawa lautan di dalam ombak. Mereka sanggup melakukan perbuatan yang terkutuk, hidup dalam keadaan hilang pedoman, hidup sebagai suami-isteri tanpa ikatan perkahwinan, mengaku melakukan hubungan seks tanpa rasa malu dan berdosa bahkan ada yang bangga mengaku di dalam mahkamah, mengadakan pesta arak dan mabuk di kelab-kelab malam tetapi kita jadi tidak berdaya untuk menghalang mereka. Pegawai yang menjalankan tugas mengikut peruntukan yang ada dicerca tanpa peluang untuk menjawab balik. Pembuat onar terus dibela dan dibebaskan walaupun kita sudah ada peruntukan yang dibuat di dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan di negeri-negeri.

Antaranya adalah Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 iaitu Akta 559 yang telah diluluskan di dalam Parlimen yang mulia ini, yang kemudian diwartakan sebagai undang-undang dan Kanun Prosedur Jenayah Syariah yang memberikan kuasa kepada penguat kuasa membuat serbuan ke atas umat Islam yang melanggar akta tersebut. Dimulai dengan ratusan orang dan kemudian berkembang menjadi ribuan orang sehingga pihak berkuasa tidak dapat menghalang, kononnya kerana masalah keselamatan. Dari kelab malam "The Zuu q" ke Genting Highlands, selepas ini ke mana pula kita pun tidak tahu, hanya Allah sahajalah Yang Maha Mengetahui. Cuma yang jelas mungkar pasti akan bertambah biak dan pelaku akan lebih berani kalau pengalaman ini dibiarkan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, kempen Budi Bahasa dan Sopan-santun memang kita akui perlu dijalankan di dalam negara kita dan budi bahasa dan sopan-santun ini merupakan budaya yang kita warisi turun-temurun daripada datuk-nenek kita tetapi sekarang nampaknya kita terpaksa menyemaikan semula budaya ini pada hal sebagai penganut Islam, Rasulullah saw. telah menyatakan kepada kita, [*Membacakan sepotong hadis Rasulullah saw*] bermaksud, "Sesungguhnya aku diutus, aku dibangkitkan adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak".

Oleh sebab kita tidak lagi menjadikan Rasulullah sebagai suri teladan maka kita terpaksa membelanjakan banyak wang dan masa untuk membina semula akhlak mulia ini. Mujurlah kita tersedar awal sebelum semuanya musnah – “*Better late than never*”. Kita tidak menjadikan ulama sebagai contoh ikutan tetapi artis sebagai idola.

Itulah sebabnya ikutan kita banyak yang tersasar. Perlu diperbetulkan semula. Itu pun kalau kita masih mahu menjadikan Islam itu sebagai pegangan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan selepas ini.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Pemanjangan Tempoh Konsesi Kali Ketiga Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) – Kelulusan Parlimen

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun sampai 4.30 petang. Menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Dan sekarang memulakan perbahasan Usul itu. Seperti yang telah pun diputuskan tadi, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Sekarang saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor untuk mengemukakan ucapan beliau.

4.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tiga bulan yang lepas saya telah bertanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sama ada benar bahawa tanpa disedari rakyat dan para Ahli Parlimen kerajaan telah secara rahsianya bersetuju untuk melanjutkan konsesi Lebuhraya Utara Selatan PLUS sepanjang lapan tahun lagi menjadikan *cash flow* 50 tahun untuk PLUS sehingga 2038. Ini adalah kerana semasa menjawab bantahan yang berlaku di seluruh negara terhadap kenaikan tol PLUS baru-baru itu, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya

pada Disember tahun lepas, ada kata bahawa kerajaan terpaksa membayar pampasan sebanyak RM38 bilion kepada PLUS.

Sepanjang 33 tahun yang akan datang sekiranya kenaikan tol PLUS 10% pada 1/1/2005, tidak ditunaikan, yang bererti konsesi berkenaan akan berlanjutan ke tahun 2038. Sesuatu yang tidak pernah diketahui oleh rakyat mahupun para Ahli Parlimen Malaysia. Sebagaimana yang telah saya tunjukkan pada masa itu, dakwaan Yang Berhormat Menteri bahawa PLUS akan dibayar pampasan RM38 bilion dalam tempoh 33 tahun yang akan datang. Sebenarnya sesuatu yang tidak masuk akal memandangkan konsesi PLUS kini adalah sepanjang 42 tahun, iaitu dari 1988 berakhir pada 2030 atau 25 tahun lagi.

Dalam 1999 konsesi PLUS sebanyak 30 tahun ialah daripada 1988 ke 2018 telah dilanjutkan sepanjang 12 tahun sehingga 2030 berikutan dengan satu rundingan semula yang menghasilkan struktur tol baru dengan kenaikan kadar setiap tiga ke lima tahun, dan bukannya setiap tahun seperti mana yang termaktub dikontrak asal. Saya tidak percaya bahawa Yang Berhormat Menteri telah melakukan kesilapan yang begitu besar mengenai tempoh konsesi PLUS dan ianya hanya bermakna bahawa tanpa disedari oleh orang ramai dan Parlimen, Yang Berhormat dari Kementerian Kerja Raya telah secara rahsianya memberikan kelanjutan lapan tahun lagi konsesi PLUS iaitu sepanjang 50 tahun pada keseluruhannya.

Soal dan sangsi saya Disember lepas kini dibuktikan benar berikutan dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Khamis lepas bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi PLUS sepanjang lapan tahun tujuh bulan. Di bawah satu pakej menaikkan taraf lebuh raya berkenaan. Menambahkan dua lorong di bahagian Seremban-Air Keroh dan Rawang-Tanjong Malim serta memindahkan pondok tol Jelapang di Ipoh. Yang Berhormat Menteri berkata bahawa kerja-kerja naik taraf bernilai RM1.37 bilion akan ditangguhkan menerusi penghapusan kira pinjaman kerajaan sebanyak RM982 juta kepada PLUS mengambil alih Lebu Raya Seremban-Port Dickson oleh PLUS yang dianggarkan bernilai RM50.7 juta serta berlanjutan konsesi dianggar bernilai RM361.89 juta.

PLUS juga akan mendapat pinjaman komersial RM900 juta untuk melakukan kerja-kerja tambahan. Para Ahli-ahli Parlimen, semestinya masih ingat lagi Mesyuarat

Dewan Rakyat pada 14 Disember yang lepas, yang dihuraikan oleh *News Straits Times* sebagai dengan izin, a *rare show of unity and solidarity in Parliament*. Di mana semua Ahli Parlimen Barisan Nasional dan Pembangkang sekali bersatu padu di dalam bantahan mereka terhadap tindakan kerajaan yang mengizinkan PLUS menaikkan kadar tol sebanyak 10% setahun seterusnya.

Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Sri Gading merupakan salah seorang yang paling lantang membantah kenaikan kadar tol 10% ini, dan beliau memberitahu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa kenaikan tol ini merupakan satu beban kepada seluruh populasi Malaysia seramai 20 juta orang.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang berada di dalam Dewan ini pada masa itu cuba mententeramkan bantahan dan kemarahan para Ahli Parlimen dengan berjanji untuk membawa usul isu ini untuk dibincang di Mesyuarat Kabinet hari berikutnya. Apakah hasil perbincangan Kabinet setelah mempertimbangkan pendirian bersatu atau *unanimous* para Ahli Parlimen dari Barisan Nasional dan Pembangkang yang membantah kenaikan kadar tol sebanyak 10% bermula dari 1/1/2005? Jawapan dapat dibacakan dari laporan muka depan *News Straits Times* yang bertarikh 17/12/2004 yang bertajuk dengan izin '*That 10% height stage*' dan secara ketaranya meminta Yang Berhormat Menteri kata bahawa, dalam kontrak kerajaan perlu membayar PLUS RM150 juta sebagai ganti rugi kalau tidak membenarkan kenaikan tol 10% dan kalau *North Sotuh Express way*, kenaikan tol ini tidak dibenarkan kerajaan perlu membayar RM38 bilion kepada PLUS untuk tempoh 33 tahun akan datang dan duitnya boleh digunakan untuk tujuan yang lain.

Selama tiga bulan ini, saya telah membangkitkan persoalan berikut dan tidak mendapat sebarang jawapan dan saya harap jawapan ini akan dibekalkan dalam perbahasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, saya percaya yang akan menggulung yang satu. Bukankah Yang Berhormat Menteri telah sedar mengenai angka-angka pampasan ini semasa isu kenaikan kadar tol PLUS dibangkitkan oleh para Ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 14 Disember 2004. Sebelum mesyuarat Kabinet dan jika ya, mengapa para Ahli Parlimen tidak diberitahu mengenai angka-angka yang mengejutkan ini.

Adakah Yang Berhormat Menteri telah bersalah kerana melanggar hak dan keistimewaan Parlimen dengan merahsiakan atau menyembunyikan maklumat yang penting daripada Parlimen. Kamar *Legislative* yang tertinggi di negara ini ataupun beliau hanya diberitahu mengenai angka-angka ini setelah mesyuarat Parlimen berkenaan.

Yang kedua, mengapakah kerajaan perlu membayar pampasan kepada PLUS selama 33 tahun sehingga 2038. Sedangkan dalam Disember 2004, konsesi PLUS 30 tahun yang bermula Mei 1988 akan berakhir pada 2030 setelah berlanjutan 12 tahun diberikan kepada 1999. Hanya 25 tahun lagi sebelum konsesi berakhir pada kadar pampasan RM154 juta setahun. Jumlah pampasan yang perlu dibayar sehingga akhir tempoh konsesi adalah RM3.85 bilion, 1/10 atau *one over ten* angka RM38 bilion yang didakwa oleh Yang Berhormat Menteri ataupun mungkin kerajaan telah secara rahsianya tanpa memberitahu rakyat dan Parlimen memberikan pelanjutan tempoh lapan tahun atau konsesi PLUS menjadikan *cash cow* 50 tahun dan mencetak wang untuk PLUS dari 88 ke 2038.

Ketiga, mengapakah kerajaan perlu membayar PLUS RM38 bilion sebagai pampasan untuk tempoh 33 tahun seterusnya sungguhpun pampasan untuk tempoh 33 tahun sebanyak RM154 juta setahun tidak menjadikan angka akhir RM38 bilion, tetapi hanya RM5 bilion.

Keempat, apabila Yang Berhormat Menteri berkata bahawa PLUS berhak mendapat pampasan RM38 bilion dan kerajaan dalam 33 tahun seterusnya sekiranya tidak dibenarkan menaikkan kadar tol sebanyak 10%. Adakah ini bermakna bahawa dalam tempoh 33 tahun ini PLUS berhak mengutip tol lebih kurang RM380 bilion dari pengguna PLUS Malaysia.

Tetapi isu yang perlu ditangani oleh Dewan hari ini adalah sama ada apa yang berlaku dalam Dewan ini memetik *Shakespeare* hanyalah merupakan dengan izin, *full of sound and fury, signify nothing*. Bahawa sungguhpun para Ahli Parlimen tidak kira Barisan Nasional atau Pembangkang mengambil pendirian yang sama, semua tidak memberi sebarang kesan kerana Parlimen hanya merupakan satu *rubber stamp*. Bagi Kementerian Kerja Raya atau kerajaan, untuk meneruskan dan melanjutkan kontrak-

kontrak penswastaaan dan bukannya ada sebarang peranan yang bermakna dalam proses membuat keputusan dan perundangan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata di rumah terbuka Yang di-Pertua Parlimen pada hari terakhir Mesyuarat Bajet Parlimen pada 14 Disember tahun lau, bahawa Parlimen bukanlah satu *rubber stamp*.

Jika ini benar, Kabinet haruslah mendengar suara yang datang dari Parlimen khususnya apabila ia merupakan pendirian *unanimous* semua Ahli Parlimen, kedua-dua belah Parlimen. Pada hakikatnya, sekiranya Kabinet berpegang kepada prinsip dan amalan Demokrasi Berparlimen, ianya mestilah menerima prinsip asas keutuhan atau *supremacy* Parlimen dan Kabinet serta *executive* harus mengikut kehendak pandangan *unanimous* Ahli-ahli Parlimen sama ada atas isu kenaikan tol PLUS yang tidak adil atau isu-isu yang termasuk melanjutkan *construction* PLUS.

Semasa Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, 17 bulan yang lalu beliau telah menjanjikan sebuah pentadbiran yang lebih bertanggungjawab berterusan berbentuk *consultative*. Kerajaan beliau juga mengumumkan patutlah dibuat satu kajian semula yang asas terhadap kontrak-kontrak penswastaaan untuk menangani masalah urusan-urusan penswastaaan yang berat sebelah dan tidak menguntungkan kepentingan para pengguna serta rakyat jelata untuk jangka panjang.

PLUS merupakan salah satu projek penswastaaan mega yang berulang kali menjadi sasaran permintaan orang awam supaya dikaji semula dan menjadikan lebih adil terhadap para pengguna jalan raya. Janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentuk pentadbiran yang lebih *accountable*, telus dan berbentuk *consultative* akan menghadapi satu tamparan kredibiliti sekiranya kerajaan bukan sahaja gagal mengkaji semula dan membetulkan konsesi PLUS yang berat sebelah tetapi turut membenarkan perlanjutan tempoh konsesi PLUS untuk lapan tahun lagi tanpa sebarang input perbincangan ataupun perundingan orang awam dan Parlimen.

Parlimen yang mendapat sokongan sebulat suara semua Ahli Parlimen dari kedua-dua belah Dewan harus meminta supaya kerajaan tidak menandatangani perjanjian ketiga melanjutkan tempoh konsesi PLUS ini untuk lapan tahun lagi tanpa rundingan dan persetujuan Parlimen. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan Pembangkang haruslah mengambil pendirian secara usaha sama dan meminta supaya

pelanjutan tempoh konsesi PLUS yang baru ini harus dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen terlebih dahulu sebelum ditandatangani kerana rakyat Malaysia berhak tahu mengapa kerajaan terpaksa membayar pampasan sebanyak RM38 bilion kepada PLUS bagi tempoh 33 tahun, seterusnya sebagai salah satu syarat bagi lanjutan baru konsesi ini dari segi itu, satu.

Keduanya, bagaimanakah kerja-kerja mengkaji semula kontrak-kontrak penswastaaan PLUS yang tidak menguntungkan kerajaan atau *short change* kerajaan serta orang ramai yang digantikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Julai tahun lepas telah membawa kesan ke atas pelanjutan konsesi PLUS ini, misalnya menjadikan proses lebih telus dan menjadikan konsesi PLUS satu dokumen umum.

Ketiganya, sama ada pelanjutan konsesi selama lapan tahun ini akan menyebabkan para pengguna jalan raya membayar kadar tol RM300 sekiranya mereka memandu sejauh 448 kilometer dari Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam pada akhir konsesi 50 tahun PLUS ini.

Keempatnya, apakah jaminan yang ada bahawa konsesi PLUS ini tidak akan dilanjutkan lagi di masa hadapan dan menjadikan konsesi 80 tahun atau 100 tahun kemudian.

Kelima, adakah lain-lain opsyen pernah dipertimbangkan secara serius selain daripada terus membayar PLUS untuk melebarkan Lebuhraya Utara Selatan supaya PLUS terus mengaut keuntungan sementara rakyat terus dibebankan. Sebagai contohnya, mengapakah PLUS harus dibayar pampasan untuk kerja-kerja menaiktarafkan lebuhraya sekiranya berlaku kecacatan atau *bottle neck* yang perlu dibaiki demi memastikan perjalanan licin lebuhraya tersebut, ianya harus menjadi obligasi pemegang konsesi untuk melakukan kerja-kerja ini dengan belanjanya sendiri yang akan membawa jumlah trafik yang tinggi, jumlah kutipan tol yang tinggi dan keuntungan yang tinggi.

Konsesi lebuhraya yang tidak berat sebelah, yang tidak *short change* orang ramai akan mempunyai peruntukan yang sedemikian kerana melebar jalan yang ada akan menjamin sebesar keuntungan yang ada untuk pemegang konsesi dan tidak ada sebarang alasan bagi dana awam dibelanjakan untuk tujuan sebegini.

Sebenarnya kerajaan tidak harus membelanjakan RM1 bilion untuk membiayai kerja pelebaran Lebuh Raya PLUS di dua kawasan, sebaliknya ia harus mempertimbangkan supaya menggunakan wang tersebut untuk menaiktarafkan jalan-jalan yang lama menjadikan lebuh raya-lebuh raya yang *standard* supaya ianya menjadi alternatif yang bermakna untuk Lebuh Raya Utara Selatan.

Kementerian Kerja Raya nampaknya lebih peka terhadap mempertahankan kepentingan PLUS. Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan baru-baru ini bahawa kerajaan akan meminda undang-undang untuk membenarkan PLUS mengenakan denda ke atas pengguna lebuh raya yang *overstay* di atas lebuh raya yang juga mereka yang disyaki sebagai menipu bayaran tol. Dua Jumaat yang lepas pada 18 Mac 2005 satu kemalangan berlaku di Lebuh Raya Utara Selatan di kilometer 210 berdekatan dengan Pedas pada pukul lebih kurang 10.00 malam menyebabkan satu kesesakan jalan raya selama lima jam dan bahagian Seremban-Ayer Keroh langsung tidak dapat dilalui.

Ini tidak harus berlaku sekiranya PLUS mengutamakan tanggungjawab secara serius dan mengalihkan rintangan di atas lebuh raya secepat yang mungkin. Saya telah menerima SMS seperti berikut mengenai perkara ini, dengan izin, "*My husband, Kwan Kok Keong met the terrible highway traffic jam on 18 night. They depart KL at 9.00 pm, arrive Simpang Renggam exit next morning by 5.30 am.*" Adakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk meminda undang-undang dan menghendaki PLUS membayar pampasan kepada para pengguna lebuh raya yang tersekat di atas lebuh raya berkenaan untuk masa yang berpanjangan berikutan dengan kesesakan lalu-lintas yang serius, sesuatu yang bertentangan dengan janjinya untuk membekalkan perjalanan yang selesa, selamat dan laju.

Saya meminta para Ahli Parlimen supaya konsisten dalam meminta semua proses penswastaaan, khasnya lebuh raya seperti ini supaya lebih bertanggungjawab dan mengambil pendirian yang sama supaya tidak lagi ditandatangani pelanjutan konsesi PLUS untuk kali ketiga tanpa melalui proses perundingan *consultation* Parlimen atau mendapatkan persetujuan Parlimen terlebih dahulu atas dua sebab.

- (i) mengakhiri sejarah kontrak penswastaaan berat sebelah yang terlalu menjaga kepentingan korporat, pemegang konsesi dan

mengorbankan kepentingan para pengguna dan pengguna lebuhraya; dan

- (ii) memberikan makna kepada janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memulakan dan memperkenalkan pentadbiran yang lebih bertanggungjawab, telus dan bersifat rundingan di mana peranan bebas Parlimen dan cengkaman Eksekutif selaras dengan menghormati Doktrin Pengasingan Kuasa.

Dalam usaha ini kita pun nampak ada satu *coalition* yang menentang tol yang mempunyai kontrak penswastaaan yang adil dan saya percaya Pengerusinya Yang Berhormat bagi Seputeh mahu memberi pandangan dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pun ada pandangannya dalam perkara ini. Saya harap dalam perkara ini kita boleh mengatakan satu pendirian yang *anonymous* demi kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

4.48 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa yang singkat ini saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini dan dalam masa yang singkat ini juga saya sempat untuk merujuk kepada beberapa fakta yang membuktikan bahawa PLUS sebenarnya mengaut keuntungan untuk mereka terus hidup dalam dunia korporat mereka dan pengguna-pengguna Lebuhraya Utara Selatan, laluan New Klang dan juga Federal Expressway ini terpaksa menanggung kenaikan harga tol.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Barisan Nasional memiliki 9/10 majoriti dalam Pilihan Raya Umum kali ini. Saya mengharapkan supaya kepentingan rakyat hendaklah diambil kira untuk kebajikan mereka dan saya mengharapkan janganlah majoriti yang sebesar itu dijadikan satu lesen untuk tidak melihat sejenak ke belakang tentang nasib dan penderitaan rakyat yang terpaksa ditanggung, khususnya mereka berpendapatan rendah yang terpaksa menggunakan lebuhraya ini untuk keperluan kehidupan seharian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, laluan Utara-Selatan tahun 2002, PLUS mengutip RM1.127.6 bilion, tahun 2003 mereka mengutip RM1.188.2 bilion. Untuk laluan New Klang tahun 2002 mereka mengutip RM165.3 bilion dan tahun 2003 mereka mengutip RM171 bilion.

Untuk laluan *Federal Expressway Road Two* tahun 2002, mereka mengutip RM82.5 milion, tahun 2003 mereka mengutip RM83.8 milion.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diutarakan bukan sahaja oleh yang membuktikan di dalam Parlimen ini bahawa isu ini adalah isu rakyat bukan sekadar diutarakan oleh pihak pembangkang tetapi diutarakan oleh pihak-pihak daripada *backbenches* sendiri di mana sepatutnya keuntungan itu boleh diimbangi ataupun penjumlahan menambahkan trafik boleh mengimbangi supaya PLUS ini tidak menaikkan harga ataupun menambahkan kenaikan tol ini dengan sewenang-wenangnya. Ini dibuktikan iaitu pada tahun 2003 secara keseluruhan, PLUS menikmati penambahan trafik purata sebanyak 4.11% iaitu satu angka yang sudah cukup untuk mereka membuat satu keputusan dan kerajaan perlu melihat angka ini supaya ia melihat kepada apa yang perlu diberikan kembali kepada rakyat yang menjadi pengguna kepada lebuh raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh dalam isu kenaikan harga tol ini telah pun berjumpa dengan pihak PLUS pada 22 Disember 2004 dan kemudian menghantar memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 27 Disember tahun 2004. Dalam pertemuan dengan PLUS yang dihadiri oleh pengerusinya sendiri, Tan Sri Datuk Mohamad Shariff Mohamad Kasim, Datuk Abdul Wahid Omar dan juga Datuk Edrus Mohamad. Mereka secara jujur dan ikhlas telah memperakukan tentang keuntungan mereka yang mereka perolehi daripada kenaikan harga tol ini dan penambah jumlahan kenderaan yang melalui semua laluan utama PLUS ini. Dalam kesempatan itu, saya telah sempat untuk bertanya satu soalan, adakah dengan penjumlahan kenderaan yang melalui semua laluan ini dan jumlah yang dikutip oleh PLUS tahun 2003 berbanding dengan tahun 2002, adakah PLUS masih berupaya untuk meraih keuntungan dan membuat kerja-kerja *maintenance* tanpa

kenaikan tol ini? Mereka secara jujur menjawab, mereka mampu dan mereka boleh meneruskan kerja-kerja ini tanpa seandainya harga tol itu tidak dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini diperakui lagi dengan satu kenyataan, satu fakta daripada majalah *The Edge*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua saya mengatakan, izinkan saya untuk membacakan, "*PLUS is imposed with a debt service reserve account and debt service coverage ratio on its outstanding debt securities of sum RM5.8 billion. This requires PLUS to deposit funds into an inscroll account twelve months before payment is due*". Ini bermakna, mereka ada *hard cash*, mereka ada duit yang cukup banyak. Mereka boleh meletakkan satu jumlah dalam bank, mereka boleh bayar setahun lebih awal hutang-hutang yang mereka terpaksa bayar.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya mengharapkan supaya kerajaan dengan kuasa majoriti yang begini besar supaya boleh melihat sejenak ke belakang apakah perkara-perkara yang perlu diberikan kembali kepada rakyat kerana jelas berdasarkan fakta-fakta yang dibaca oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, yang saya baca sebentar tadi dan yang dikemukakan sendiri hujah-hujah oleh ahli-ahli daripada *backbenches*, sudah sampai masanya pada perkiraan saya supaya kepentingan rakyat mestilah menjadi *paramount consideration*, menjadi satu perkara yang mesti diambil dan ditimbang secara adil dan saksama oleh kerajaan yang memerintah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh, ada lagi, ada lagi.

Tuan Chow Kon Yeow: [*Bangun*]

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Duduklah, duduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan juga Kubang Kerian yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berhubung kait tentang usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan nampaknya perkara yang dibangkitkan adalah merupakan bukan satu perkara baru. Cuma saya ingin jelaskan di sini bahawa tidak ada niat langsung daripada pihak kerajaan, saya hendak pakai kata-kata Yang Berhormat, *to mislead* Dewan yang mulia ini dan saya cuba bagi latar belakang tentang

apa yang termaktub di dalam perkara yang kita bincangkan pada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa perjanjian konsesi Lebuh raya Utara Selatan ini ditandatangani pada 18 Mac 1988 dan sepatutnya berakhir pada 31 Mei 2018. Maknanya untuk tempoh 30 tahun, prinsipnya adalah *bill, operate* dan *transfer*. Akhirnya selepas konsesi ini, ini akan menjadi milik rakyat Malaysia cuma sekarang ini ia dibuat oleh PLUS dengan menggunakan modal teroka dia dan kerajaan membenarkan mereka untuk memulihkan kutipan tol supaya dia boleh servis dengan *capital expenditure* yang dibuat pada awalnya. Jadi Yang Berhormat, lebuh raya ini adalah sepanjang 848 kilometer dengan kos pembinaan sebanyak RM6.69 bilion. Kos projek dibiayai melalui pinjaman bank-bank tempatan dan pinjaman kerajaan sebanyak RM1.65 bilion dan dengan baki sekarang masih lagi tertanggung RM7.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran pinjaman yang telah dibuat seperti berikut; tahun 2002 – RM489 juta, tahun 2003 – RM406 juta dan tahun 2004 – RM500 juta, dan jumlahnya RM1.395 bilion. Daripada segi spesifikasinya, Lebuh Raya Utara Selatan mempunyai 350 jambatan, 78 persimpangan bertingkat, dua terowong dan 67 plaza tol. Kos penyelenggaraan (*maintenance*) untuk tahun 2002 berjumlah RM306 juta, tahun 2003 – RM399 juta dan tahun 2004 – RM405 juta. Pada asalnya, bila konsesi ini ditandatangani, struktur tol asal ini akan naik secara dengan izin, *incremental* 6% setiap tahun. Jadi kerajaan prihatin tentang pandangan dan kehendak tuntutan rakyat dan membuat pindaan pertama pada tahun 1996. Sepatutnya pada tahun 1996, ia naik daripada 7.5 sen kepada 10 sen tetapi dinaikkan kurang iaitu 9 sen. Pampasan kepada PLUS kerana pengurangan ini adalah sebanyak RM166.4 juta.

Kemudian pada tahun 1997, pindaan kedua sepatutnya dinaikkan daripada 10 sen kepada 10.6 sen tetapi dinaikkan kepada 10.5 sen. Pampasan kepada PLUS adalah RM16.7 juta. Tuan Yang di-Pertua, kemudiannya pada tahun 1998, pindaan lagi kepada itu, sepatutnya naik daripada 10.5 sen kepada 11.24 sen tetapi tidak dinaikkan langsung, maknanya tidak ada kenaikan dari segi harga tol. Jadi pampasan kepada PLUS adalah sebanyak RM78.8 juta.

Pindaan keempat tahun 1999, ini masa zaman gawat sepatutnya naik daripada 10.5 sen kepada 11.91 sen tetapi dinaikkan kepada 11.24 sen. Pampasan diclear sehingga 2001, pinjaman tambahan tanpa faedah RM212 juta tunai – RM95.4 juta.

Pada tahun 2002 pindaan kelima sepatutnya naik daripada 11.24 sen kepada 15.01 sen, tetapi dinaikkan kepada 12.36 sen sahaja. Struktur itu ditukar maknanya 10% setiap 3 tahun daripada sepatutnya 26%, tetapi cuma 10% sahaja. Kemudian 33% setiap 4 ataupun 5 tahun. Jadi jumlah pampasan selepas pertukaran daripada segi perjanjian asal kalau dengan izin, *changing of the parameter of the original contract* yang ditandatangani dengan pihak PLUS adalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pembangkang adalah RM35.661 bilion.

Komponennya tolak faedah pinjaman kerajaan RM8.28 bilion, tolak hak perkongsian tol kerajaan RM3.92 bilion, cukai, tax credit RM23.45 juta dan kadar tol kalau tiada pindaan tahun 2005 -16.8 sen. Sekarang ini kita bayar cuma 13.60 sen, maknanya berbeza 3.2 sen...

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap ya, sekejap. Jadi jumlah besar keseluruhan yang dibayar oleh kerajaan kepada PLUS ialah sebanyak RM35.66 bilion. Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada pertukaran dalam struktur tol yang ada parameter yang baru, tetapi kalau kita bandingkan antara 1988 apabila tol Expressway Concession ini ada mula sehingga 2005 itu, tempoh 17 tahun ini. Kadar tol itu ada kenaikan 172% apabila berbanding dengan 1988 kepada 2005, ialah bermaksud 5 sen per kilometer dan sekarang 13 per 6 sen sekilometer iaitu ada kenaikan 172%. Walhal untuk consumer price index dalam tempoh ini kalau kita menggunakan 3% setiap tahun yang kompaun kadar itu ialah kenaikan tempoh 17 tahun, 64% sahaja tetapi kenaikan tol sudah 172%, ini menunjukkan bahawa kadar kenaikan tidak adil. Sungguhpun ada perubahan daripada kontrak asal lebih tidak adil, tetapi sungguhpun ada perubahan masih tidak adil apabila dengan consumer price index, dan sebab itu perlu ada satu kajian semula dengan concession, sungguhpun sudah ada beberapa pindaan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang terhormat Ipoh Timor. Yang Berhormat Ipoh Timor mengutarakan daripada segi perbezaan harga tol yang dibayarkan itu dengan perkara-perkara lain yang berhubung kait tentang *consumer index* terutama tentang perkara yang berlaku kenaikan harga, tetapi saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor di sini. Kalau kita tidak tukar parameter yang ada, maknanya hari ini pada tahun 2005 ini kita kena bayar 16.8 sen per kilometer. Tetapi oleh kerana kita ada perubahan ini maka kita dikenakan bayaran cuma 13 dan 60 sen.

Yang Berhormat, ini adalah merupakan harga kadar yang terendah di rantau ini kalau hendak dibandingkan dengan Filipina, hendak bandingkan dengan Thailand, hendak bandingkan dengan Indonesia dan ini membuktikan bahawa kerajaan senantiasia prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat dan oleh itu kita mengambil satu sikap bertanggungjawab supaya tol yang dikenakan ini tidak akan membebankan dan memudaratkan rakyat, tetapi hasilnya kita masih lagi mendapat menggunakan infrastruktur dan fasiliti ini yang sebaik mungkin. Itu sebab kita menganggap bahawa inilah satu jalan yang terbaik untuk kita mengekalkan perkhidmatan mutu lebuh raya Malaysia ini sebagai *world class* Yang Berhormat.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat kerajaan sememangnya mengambil makluman dan amat prihatin dengan masalah kesesakan yang berlaku. Ini adalah perkara komplan yang Yang Berhormat bangkitkan. Di bahagian-bahagian tertentu Lebuh Raya Utara-Selatan khususnya pada musim cuti am dan hujung minggu, cadangan untuk menaik taraf lebuh raya yang telah berusia melebihi 10 tahun itu pada peringkat awalnya telah pun dipersetujui oleh kerajaan pada 17 Disember 2003.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, Yang Berhormat sekejap.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya bagi *chancelah*, kalau Ketua Pembangkang saya beri apa pula anak buah dia saya tidak bagi *chance*. Boleh beri saya habiskan ini dahulu?

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berasaskan perjalanan.. jadi kerja-kerja tambahan ini perlu dibiayai oleh kerajaan kerana ianya tidak termasuk dalam skop tanggungan asal, maknanya Yang Berhormat perjanjian asal ini tidak termasuk kerja-kerja ini. Kalau daripada segi pengurusan kontrak, dia panggil *variation order* dengan izin, *so variation order somebody has to bear the cost*, dengan izin. Oleh itu berikutan dari hasil rundingan antara Kementerian Kewangan dan PLUS, kerajaan pada 14 Julai 2004, telah memutuskan supaya kaedah pembiayaan kerja-kerja tambahan tersebut dilaksanakan secara pakej, maknanya kita tidak melihat secara *element basis* tetapi secara total pakej supaya hendak membebaskan tanggungan oleh rakyat dan juga pengguna. Iaitu mengambil kira perkembangan-perkembangan terbaru yang melibatkan kepentingan PLUS Berhad dengan kerajaan. Antaranya penamatan kutipan tol di Plaza Tol Senai pada 1 Mac 2004 yang diputuskan oleh kerajaan atas desakan Kerajaan Negeri Johor dan juga penduduk tempatan.

Pampasan yang perlu dibayar kepada PLUS adalah sebanyak RM331.68 juta dan juga sebagai dengan izin, *part settlement* pengambilan Lebu Raya Seremban-Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat membuat perbandingan mengenai kadar tol di Malaysia dengan negara-negara jiran. Yang Berhormat tahukah di Thailand, dari Hadyai pergi ke Bangkok lebih kurang 800 lebih kilometer dan dari Bangkok pergi ke Changmai lebih kurang 600 kilometer, tidak kena langsung tol. Cuma tol dikutip dari Phuket dan dari bandar Bangkok pergi ke International Airport iaitu *alleviated highway*. 30 kaki, 40 kaki, 50 kaki tinggi highway, itu sahaja ada tol.

Seorang Ahli: Ya, hah!

Tuan Lim Hock Seng: Jadi di negara Thailand ini, di Hadyai apabila dia mahu pasang satu gas paip sahaja di bawah tanah melalui kawasan kediaman penduduk-penduduk di sana keluar membantah protes dan akhirnya kerajaan kena tunduk dan kena pindah itu gas paip. Inilah di Thailand, tetapi di Malaysia naiklah, orang tidak peduli. Mahu naik apa pun, naik, semua orang diam seperti Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Tepuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sokong, sokong. [Tepuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Di luar banyak bising, ini tidak boleh, itu tidak boleh tetapi dalam sini, tengok siapa berani naik dan membantah semua ini macam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya suka bacakan bahawa kadar tol yang dikenakan di Filipina, setiap satu kilometer 35.57 sen per kilometer, Thailand - 22.75 sen per kilometer, China - 27.62 sen per kilometer, Indonesia - 14.80 sen per kilometer. PLUS Yang Berhormat, 13.60 sen per kilometer.

Kalau tadi Kubang Kerian kata ini semua hendak menjaga kepentingan PLUS, siapa PLUS ini? Saya beritahu Yang Berhormat, United Engineers Malaysia dia memegang saham, 46.13%, Khazanah – 17.98%, KWSP - 9.61%, Socso – 4.95%, PNB – 2.38% dan Khazanah memiliki 100% daripada UM, siapa yang dapat untung secara peribadi ini Yang Berhormat? Tetapi katakanlah sekarang ini kerajaan nak kena tanggung, bayar 1.13 bilion hendak bayar kepada penambahan kepada skop kerja yang dibuat ini, tidak akanlah kita suruh rakyat Yang Berhormat Kubang Kerian pun hendak kena bayar tol? Tidak akanlah Kinabatangan pun kena bayar tol, tidak akanlah kita suruh orang Kota Belud pun bayar tol? Kalaupun ada PLUS daripada segi dia punya operasi.

Setiap RM1 yang dia dapat RM0.43 untuk operasi menyelenggara baik pulih dan naik taraf. Tadi Yang Berhormat kata taklimat saya tidak tahu *figure* mana Yang Berhormat dapatlah. Saya pun dapat daripada *figure* PLUS ini. Ya, ini *figure* rasmi dan RM0.34 untuk bayar hutang. RM0.23 dividen pemegang saham. Dividen pemegang saham ini pada siapa Yang Berhormat? Juga kepada kerajaan dan kerajaan ini yang hendak belanja nanti bawa balik ke dalam Parlimen ini. Bagi Wang Yang Disatukan dan sekarang ini PLUS merupakan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia. Dia dengan izin *top ten*. *Market capitalization*nya ada hampir dekat RM14 ke RM15 bilion.

Kalau kita kata bahawa untuk memperkasakan dan memperkuat ekonomi dalaman kita, kalau syarikat tersenarai dalam Bursa Saham yang *market capitalization* ada RM14 bilion, kemudian kalau kita hendak biar dia mati dan akhirnya nanti kerajaan juga terpaksa ganti. Dengan izin, hendak kena buat macam CDRC.

Dahulu kita sudah pun diserang dengan spekulator mata wang. Kerajaan menghadapi satu saat yang genting bagaimana untuk kita memulihkan balik ekonomi.

Pada hari ini kita hendak supaya pihak swasta turut serta menjadi penjana kepada pembangunan ekonomi kita. Ini satu perkara yang harus kita lakukan. Untuk itu apakah manfaat yang kita dapat?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jemaah Menteri pada mesyuaratnya pada 16 Mac telah bersetuju supaya perjanjian konsesi tambahan ketiga antara kerajaan dan PLUS ditandatangani dengan mengambil kira pelaksanaan dan pembiayaan kerja-kerja menaik taraf lebuh raya tersebut. Suka saya maklumkan bahawa skop pelaksanaan kerja-kerja naik taraf lebuh raya sekarang adalah seperti berikut.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pertama pembinaan.....nanti sekejap Ipoh Timor. Pertama, pembinaan lorong ketiga di laluan antara Seremban – Ayer Keroh menjadikan enam lorong dua hala; kedua, pembinaan lorong ketiga di laluan antara Rawang dan Slim River menjadikan enam lorong dua hala; dan yang ketiga, ini yang selalu juga dibangkitkan oleh pembangkang ya - pengalihan Plaza Tol Jelapang untuk menjadikan pembinaan laluan terus tanpa henti antara Plaza Tol Ipoh Selatan dan Plaza Tol Jelapang. Skop ini juga akan membina dua lorong khas ke arah utara dan ke arah selatan untuk memberikan pengecualian tol kepada penduduk Ipoh. Yang ini saya ingat Ipoh Timor juga mendapat rahmat daripada ini kerana rakyat di Ipoh Timor tidak perlu membayar tol. Jadi, macam mana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun tidak bersetuju perkara ini? Dengan izin *somebody have to pay the cost for these facilities*.

Jadi berdasarkan kajian awalan kos keseluruhan yang terlibat dengan kerja-kerja menaik taraf tersebut dianggarkan sebanyak RM142 juta. Pecahan kos adalah seperti berikut:- pembinaan lorong ketiga RM752 juta; pengalihan Plaza Tol Jelapang RM240 juta; konsistensi RM50 juta.

Jadi jumlah besar Tuan Yang di-Pertua, adalah RM1,040 juta. Manakala bayaran pampasan akibat penutupan Tol Plaza Senai sebanyak RM331.8 juta menjadikan kos keseluruhan sebanyak RM1374.16 juta. Pada masa ini reka bentuk awalan telah disiapkan, manakala reka bentuk terperinci pula sedang dalam peringkat akhir. Kerja-kerja fizikal akan dimulakan pada suku kedua tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2007.

Jadi kaedah pembiayaan akan dilaksanakan akan dilaksanakan melalui satu pakej kewangan merangkumi tanggungan antara kerajaan dan PLUS Bhd. berjumlah RM1,374.6 juta. Jumlah ini akan dibiayai melalui *set off*. *Set off* ini Yang Berhormat Ipoh Timor tahu atau tidak? Kontra - pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM962 juta; pengambilan Lebuh raya Seremban - Port Dickson, bernilai RM50.27 juta dan bakinya sebanyak RM361.89 juta melalui perlanjutan tempoh konsesi selama lapan tahun tujuh bulan. Ini yang dia punya *variation order* ini, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hendak *absorb* dia punya kos.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Timor.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Timbalan Menteri ada kata bahawa oleh kerana dalam kontrak asal tidak ada peruntukan-peruntukan mengenai *maintenance, upgrading* dan lain-lain dan perlulah *variation order*.

Masalahnya ialah kenapa dalam skop kontrak asal itu tidak ada peruntukan-peruntukan semacam ini oleh kerana apa yang kita lihat ialah apabila ada pelebaran (*widening*) Lebuh Raya Utara-Selatan akhirnya *volume traffic* lebih tinggi dan keuntungan lebih banyak. Kenapa perlu ditanggung oleh Wang Amanah Am (*Public Funds*).

Kedua, tadi Yang Berhormat ada bertanya siapa di belakang PLUS, siapa punya PLUS. Kita tahulah. Kita tidak mahu bincang mengenai sejarah PLUS, sejarah UEM ialah UMNO. Penswastan Lebuh Raya Utara-Selatan ialah untuk membolehkan UMNO boleh bina Putra World Trade Centre. Itu sejarah. Itu sejarah yang kita semua tahu.

Penswastan pada masa itu sebenarnya saya ada sebut di dalam Parlimen ini, bukan sebagai *privatization* tetapi *piratization*. Tetapi masalahnya ialah masa depan supaya kontrak-kontrak yang lebih adil semacam tidak ada peruntukan dalam skop itu mengenai *variation*. Kenapa tidak boleh mengumumkan kontrak *concession* itu. Sudah berapa lama? Tahun 1988, sudah dekat lebih dua puluh tahun. Kenapa kontrak itu tidak boleh diumumkan? Kenapa masih dalam Akta Rahsia Rasmi? Supaya orang ramai faham sama ada adil atau tidak adil peruntukan-peruntukan yang perlu dipinda.

Khasnya kalau kita mahu satu kerajaan, pentadbiran yang lebih *consultative*, lebih *transparence*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya agak kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat mengenai kenapa perkara-perkara tentang menaikkan taraf ini terkeluar daripada perjanjian asal.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai contoh dalam perancangan kerajaan untuk memberikan perkhidmatan infrastruktur dan prasarana yang terbaik untuk rakyat Malaysia ini. Kaedah ini melalui dengan izin satu penggubalan dasar yang dibuat oleh Kementerian Kerja Raya melalui *Highway Network Development Plan*. Itu dari segi skop kerjanya. Kalau kita hendak ambil supaya semua jalan lebuhraya di Malaysia ini supaya dapat dinaik taraf dan dijadikan sebagai satu jalan yang infrastrukturnya baik, ia sekitar lebih kurang 15,298 kilometer.

Pada tahun 1993, apabila kerajaan membuat kajian indeks terhadap *scope of work* ini, dia *need* pelaburan modal teroka (*capital expenses*) dengan izin, *about* RM53 bilion. *That one is 1993*. Maksudnya kerajaan kalau pada masa itu hendak *role out all the plan* dengan izin hendak buat ini *have to pay RM53 billion*. Jadi dalam kaedah macam PLUS ini kita dapat *facilities* 848 kilometer dengan jumlah jambatan dan terowong semua itu. Pada masa itu dia punya dengan izin *scope of work* ini berasaskan kepada dengan izin *dual carriageway* atau dua lorong. Tetapi oleh kerana nikmat hasil daripada pembangunan yang wujud daripada segi PLUS ini maka pembangunan di koridor raya PLUS ini *the new growth center*.

Jadi, bila ada *new growth center* ini, Yang Berhormat, banyak berlaku penambahan trafik dan tentulah dituntut untuk melakukan pembesaran dan pelebaran jalan. Mungkin kalau dahulu dengan ada *slip road*, keluar sahaja dia lebih memadai. Tetapi mungkin sekarang sudah tidak boleh, ia hendak kena pakai *clover interchange* dan satu *interchange* memerlukan belanjawan RM25 ke RM30 juta. Mungkin dahulu setiap 50 kilometer satu *interchain* sudah cukup.

DR29032005/1720/in

Kalau dahulu Yang Berhormat balik Melaka walaupun daripada Penang pergi ke Perak, tetapi asalnya orang Melaka, dahulu *interchange* cuma ada di Alor Gajah dan di Ayer Keroh tetapi sekarang ini sebelum tiba Tangkak sudah ada satu *interchange* lagi

dan *interchange* ini akan membuatkan pembangunan di kawasan itu akan memberikan nikmat kepada rakyat. Ini memerlukan satu perubahan daripada skop, itu yang kalau hendak dinilai pada tahun yang awal ini ia dibuat, dengan izin, *I mean* tidak boleh hendak anticipate benda yang berlaku.

Mengikut iklim dan suasana yang sekarang ini kita perlu ada perubahan. Sekarang ini dengan pembesaran jalan daripada Seremban keAyer Keroh, kalau dahulu dua *lane* cukup, sekarang ini tidak cukup dan pada masa kritikal seperti di musim-musim perayaan sehingga sampai 1.4 juta kenderaan yang berada di jalan raya dan itu tentu akan menyebabkan, dengan izin, *stress* kepada kita punya *highway system*.

Saya harap daripada segi apakah pulangan dan nikmat kepada pembangunan yang dibuat ini, ia akan memberikan kenikmatan kepada pembangunan negara. Siapa yang hendak tanggung kos ini adalah suatu syarikat yang ada berdaya maju dan berdaya saing yang ada kepentingan oleh kerajaan, yang boleh mendapat pinjaman dan kerajaan memberi sokongan supaya syarikat ini boleh berdaya maju dan akan dapat diservice dengan dia punya *cash flownya*, dengan izin, dengan pembayaran tol dan tol yang dikenakan ini tidak memudaratkan dan membebaskan rakyat. Itu prinsip perkongsian pintar di antara pihak kerana dengan pihak swasta.

Jikalau kerajaan terpaksa hendak mengeluarkan belanja yang banyak hendak buat jalan raya, sebagai contoh, saya sebut melalui *highway network development* pelan pada tahun 1993, kita hendak keluarkan belanja RM50 bilion. Kalau RM50 bilion itu, Yang Berhormat, yang *service* yang lain lagi, hendak buat sekolah, hendak buat masjid, hendak buat jalan luar kampung, jadi benda ini kena tangguh. Untuk itu kita perlukan supaya pihak-pihak swasta

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap. ...dilibatkan supaya kita boleh merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negara. Yang Berhormat juga selalu menyarankan kita tidak perlu bergantung kepada *foreign direct investment*, kita kena ada *sustain* dalam kita punya domestik ekonomi. Inilah salah satu cara, *because* PLUS punya *market capitalization* RM14 bilion atau RM15 bilion, Yang Berhormat. Takkan kita hendak biar supaya ia tidak boleh berdaya maju. Yang Berhormat kata ini milik UMNO,

pergi semaklah di dalam Laporan Tahunan, tidak ada pun nama UMNO di situ. [Disampuk] Itu sejarah, sejarah dalam dunia pembangkang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu, Yang Berhormat berkata bahawa pemegang saham itu ialah UEM 46% Khazanah dan juga EPF, SOKSO dan sebagainya. Kalau kita lihat daripada segi senarai pemegang saham, kita akan dapati bahawa Khazanah itu ialah syarikat di dalam Kementerian Kewangan, sebenarnya menguasai 64% daripada jumlah saham di dalam PLUS. Ini bermaksud, PLUS adalah sebuah syarikat kerajaan. Soalan saya adalah di kebanyakan negara yang mengadakan lebuh raya kutipan tol, selepas hutang atau pun kos pembinaan itu siap dikutip, ia akan dihentikan. Tetapi ini tidak berlaku kepada PLUS.

Saya juga rasa aneh kerana Yang Berhormat berkata tadi bahawa setiap ringgit tol yang dikutip itu, 43% sahaja yang digunakan untuk *maintenance* dan *upgrading* dan Yang Berhormat menyebut yang hutangnya ada 34%. Soalan saya adalah kita tahu semakin banyak pengguna kereta menggunakan PLUS, kenapakah PLUS masih mendapat hutang yang begitu banyak? Saya difahamkan dalam tahun 2002 selepas Khazanah mengambil alih Renong, yang hutang PLUS adalah RM16.5 bilion.

Soalan saya adalah adakah sekarang syarikat PLUS ini digunakan untuk menanggung kesemua beban hutang Renong, iaitu syarikat kepunyaan UMNO. Sebenarnya pengguna jalan lebuh raya PLUS ini sebenarnya kita tengah membayar hutang dan juga kerugian yang diakibatkan oleh syarikat Renong.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu Yang Berhormat punya hubaya dan andaianlah. Tetapi apa yang saya ingin perjelaskan ini, maklumat ini yang Yang Berhormat sendiri pun boleh mendapat secara telus, secara *transparent*. Boleh buka, semak Laporan Tahunan yang dikemukakan oleh PLUS dan segala butiran serta pemegang saham boleh didapati melalui apa yang saya sebutkan tadi. Tetapi yang paling penting dan mustahaknya di sini Yang Berhormat, kalau katakan dahulu kerajaan tidak ada kemampuan untuk hendak buat lebuh raya ini, jadi kerajaan buat secara peringkat-peringkatlah. Peringkat demi peringkat. Kalau dahulu, masa mula-mula lebuh raya pun yang dibuat ialah antara Kuala Lumpur-Seremban.

Itu pun kalau Yang Berhormat sedia maklum masa itu, dengan izin, banyak *level crossing*. Bila ada *level crossing*, sudah tidak jadi *close highway*. Sekarang ini kita ada, dengan izin, *dedicated close highway* sepanjang 848 kilometer dan masalah jela pang yang selalu dibangkitkan dengan *accident*, sekarang ini sudah tidak ada. Sudah *close*. Bukan itu sahaja, kita buat *parallel highway* antara Ipoh Utara Ipoh dengan Ipoh Selatan. Yang hendak mendapat manfaat pun Ipoh Timur jugalah. Benda ini sudah tidak ada tol dan ini juga kena ada dia punya kos *consideration*nya. Kalau yang di Senai, kita sebut tadi bahawa kerajaan telah buat keputusan tol tidak boleh dikenakan dan itu adalah satu nikmat kepada rakyat yang berada di kawasan Johor Baharu yang sudah tidak payah ditol.

Tetapi kalau kos tanggungan hampir RM1.38 bilion ini, hendak kerajaan juga keluarkan belanja dan saya punya *rational* di sini, takkan kos ini hendak ditanggung oleh rakyat di Kubang Kerian atau pun rakyat di Pasir Mas atau rakyat di Bintulu atau pun di Pengkalan Chepa. Ini satu perkara yang tidak adil.

Tuan Salahddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Terima kasih. Maksud saya bukan maknanya kerajaan perlu tampung semua. Apa yang saya bangkitkan tadi pendapatan PLUS pada tahun 2003 adalah RM1.443 bilion. Ini cukup untuk mereka menampung segala *maintenance*. Isu yang saya bawa di sini, atau *this point* bukan kita mahu rakyat tidak membayar tetapi cuma pada tahun 2005 ini rakyat tidak dinaikkan dengan kadar tol itu. Sedangkan PLUS sendiri telah mengemukakan bahawa mereka tanpa *if the raise unchanged*, dengan izin, maknanya PLUS masih boleh berupaya. Di sini isunya. Okay.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada dua minit lagi. Prinsipnya bahawa tol yang dikenakan ini ia langsung tidak membebankan rakyat, ia *the lowest among this region*. Ini pun kita dah *rescale* balik tol ini. Perjanjian ibu, *the main fundamental of the agreement*, bila *bill list and transform* ini, 30 tahun ini kerana ada lima kali perubahan dan dua kali *extension* ini. Maknanya, *by 2038* ini, semua infrastrukturnya akan diserahkan kepada rakyat Malaysia, maknanya tidak payah ada tol, jadi saya tidak faham apa yang membeban dan memudaratkan rakyat dengan perkara ini dan ini tidak ada langsung membebankan rakyat.

Selama ini pun tol yang sudah dibayar, rakyat dan negara mendapat manfaat yang besar daripada perkara ini. Tidak ada sebab mengapamungkin kerana pembangkang gundah gulana, gementar jiwanya kerana keadaan akan menjadi lebih baik. Saya rasa bahawa seluruh rakyat menyokong tentang perkara ini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur pun sokong, dia balik ke Ipoh nanti, dia beritahu rakyat kerana Ketua Pembangkang bawa usul ini, maka tol tidak ada dan dapatlah *political mileage*. *[Disampuk]* Jangan Yang Berhormat, yang itu tidak boleh. Kita hendak supaya kekuatan ekonomi dalam kita ini turut serta, dirangsang oleh kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila diam.

[Ahli-ahli DAP membuat bising]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Semua ini wakil rakyatkah? Barisan Nasional wakil rakyatkah?

Tuan Fong Kui Lun: Oportunis semua di sana. *[Merujuk kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pun sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Yang demikian saya tamatkan perbahasan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menyambung semula perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Di atas Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sila sambung, sambung Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula perbahasan saya berhubung dengan isu yang saya bawa tadi tentang keruntuhan moral dan juga kesopanan remaja-remaja kita. Misalnya, kita ambil contoh daripada cara berpakaian, cara bergaul, cara bertutur bahkan cara mereka makan pun kita dapati sekarang ini mereka sudah terikut-ikut. Misalnya, cara berpakaian mereka sekarang ini sudah ramai yang kita dapati remaja-remaja kita memakai baju dan juga “seluar adik” – bila tarik di atas nampak di bawah, tarik di bawah nampak di atas dan juga mereka suka memakai subang di sana-sini, pergaulan bebas yang tidak menghiraukan lagi adab susila bangsa dan juga larangan agama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ada pihak yang menyatakan bahawa kita tidak ada hak untuk menghalang atau melarang perbuatan songsang adab dan susila dalam masyarakat ini kononnya itu adalah hak kebebasan mereka. Mereka hanya perlu diberi didikan dan tunjuk ajar. Memang itu benar, tetapi sampai bila mereka ini harus diajar tanpa ada hukuman atau pun deraan. Atas dasar hak dan kebebasan, mereka ini bebas memakai apa yang mereka suka dan buat apa yang mereka hendak.

Baiklah, kalau itulah yang menjadi alasan, kenapakah kita mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang memakai serban pergi ke sekolah ataupun memakai jubah ke pejabat ataupun memakai purdah ke pejabat. Mereka ini diambil tindakan undang-undang sehingga terpaksa dipecat daripada sekolah, dibuang kerja dan terpaksa masuk dan keluar mahkamah, tetapi kalau mereka ini dedah di sana, dedah di sini, kita kata itu hak dan juga kebebasan. Di manakah rasionalnya kita?

Memang peraturan itu kita boleh buat, tetapi biarlah peraturan itu baik dan adil untuk semua. Peraturan untuk menuju ke arah kebaikan itu apalah salahnya sebab hak untuk mengawal kemungkaran itu terdapat di dalam hadis yang semua orang tahu, [*Membaca sepotong hadis*] bermaksud, "Siapa yang melihat kemungkaran maka ia hendaklah menukarkannya dengan tangannya, kalau tidak berkuasa dengan lidahnya dan kalau tidak berkuasa lagi, dengan hatinya, itu merupakan selemah-lemah iman".

Perkara seterusnya yang saya hendak bangkitkan mengenai makanan dan juga barang-barang kegunaan halal yang menjadi isu sekarang ini. Sebenarnya barangan kegunaan dan makanan halal ini sudah banyak yang kita tahu telah dicemari oleh najis berat iaitu bahan-bahan daripada babi. Misalnya berus gigi yang diperbuat daripada bulu, berus kasut, tapak kasut, berus lukisan dan juga baru-baru ini kapsul untuk dibuat ubatan yang diperbuat daripada gelatin haiwan, daripada haiwan babi ini dan juga bahan-bahan kosmetik yang juga produknya daripada hasil babi ini. Tetapi alhamdulillah, dengan kesedaran semua pihak, terutamanya Persatuan Pengguna Islam Malaysia, kita telah dapat mendedahkan sedikit sebanyak penipuan yang terjadi di atas

logo Halal yang telah dilabelkan kepada bahan-bahan tersebut, maka kita telah begitu prihatin terhadap perkara yang terlalu sensitif untuk umat Islam ini.

Di sini saya ingin mengatakan beberapa perkara yang perlu kalau sekiranya kita hendak mendapat sesuatu barangan itu terus menjadi barangan yang tidak was-was untuk kita gunakan.

Yang pertamanya, kakitangan JAKIM mestilah ditambah, bukan hanya sebagaimana yang disebutkan sebelum ini penguat kuasanya hanya ada enam orang sahaja dan alhamdulillah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah bermurah hati memberikan kebenaran menggunakan pegawai mereka seramai 1,600 orang sebagai penguat kuasa di JAKIM.

Yang keduanya, kita hendaklah mewajibkan pengeluar makanan yang dijual kepada umum mendapatkan logo Halal bukan hanya sekadar secara sukarela seperti mana yang berlaku sekarang ini.

Yang ketiga, logo Halal mestilah lebih kebal kepada pemalsuan, siap dengan nombor siri dan juga *bar code* serta tertera di dalamnya tarikh tamat sijil tersebut. JAKIM hendaklah mempunyai talian 24 jam untuk mendapat pengesahan tanda halal ataupun SMS yang boleh dihubungi pada setiap masa dengan data yang terkini.

Pemeriksaan hendaklah dilakukan secara berkala, bukannya apabila sesuatu isu itu timbul. Semua syarikat pengusaha makanan yang dijual kepada orang ramai mestilah mempunyai Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada orang Islam. Sebuah agensi yang bersepadu yang terdiri daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, JAKIM, Kementerian Kesihatan dan juga polis perlulah dibentuk untuk memberi kuasa kepada mereka membuat pemantauan, membuat serbuan dan juga pendakwaan.

Kita juga merayu kepada ahli korporat Muslim agar menceburkan diri dalam bidang makanan ini sebagai menyahut tuntutan fardu kifayah kerana kalau dalam bidang lain mereka boleh berjaya, kenapakah dalam bidang makanan ini mereka tidak sanggup? Kalaupun mereka kurang berjaya, mereka sudah tentu mendapat pahala yang besar daripada *Allah Subhanahu Wataala*. Kepada rakan bukan Muslim yang mengusahakan makanan untuk makanan umum ini, ingatlah bahawasanya pasaran makanan halal lebih luas kalau dibandingkan dengan pasaran makanan tidak halal,

khususnya di dalam negara kita ini, lebih-lebih lagi kalau mereka itu dapat menembusi pasaran negara OIC. Ingatlah, sekali mereka tidak percaya kepada kita, sukar untuk kita menembusi pasaran mereka kembali. Nilai eksport USD9.2 bilion ke negara OIC pada tahun lalu janganlah kita abai dan sia-siakan pada tahun ini. Kalau tidak lupakanlah sahaja hasrat kita untuk menjadikan Malaysia ini sebagai halal *hub*.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga memberi perhatian berat ke atas pertumbuhan tidak seimbang antara wilayah, antara bandar dan juga luar bandar. Kalau selama ini kita hanya mendengar rintihan daripada Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak tetapi bagi kawasan luar bandar Semenanjung, khasnya di kawasan saya, masih ada lagi kawasan-kawasan yang mempunyai jalan yang tidak berturap sejak daripada negara kita Merdeka. Sebagai contoh, di Kampung Alur Nan yang mempunyai beratus penduduk, tetapi mereka terpaksa berdebu di musim kemarau dan berhujan, berselut di musim hujan.

Apabila kita membuat permohonan setiap tahun, mereka mengatakan peruntukan tiada. Begitu juga dengan adanya kawasan yang di dalam kampung diturap molek, cantik, elok, tetapi jalan hendak sampai ke kampung itu penuh dengan debu dan juga selut, iaitu di Kampung Bakar Arang. Kementerian Kerja Raya melalui Ketua Pengarahnya dalam perjumpaan dengan Ahli-ahli Parlimen baru-baru ini mengatakan, untuk kerja yang lebih efektif maka *delegation of power* akan dipraktikkan kepada Jurutera Daerah.

Apa yang menjadi masalah adalah bukan setakat daerah berlakunya *delegation of power* tetapi berlaku juga dalam kampung itu sendiri. Kalau jurutera sudah membuat pelan, ada lagi manusia yang lebih berkuasa mengubah pelan agar hanya orang tertentu atau rumah tertentu sahaja yang mendapat faedah, tetapi yang lain dinafikan walaupun pelan yang telah dibuat oleh jurutera tersebut melibatkan banyak rumah dan ramai penduduk. Diharap *delegation of power* begini yang terjadi di kampung tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah indeks keselamatan awam yang menurun disentuh oleh Baginda disebabkan oleh peningkatan kadar jenayah dan juga kemalangan jalan raya di dalam negara kita. Apa tidaknya kalau setiap hari akhbar melaporkan ada sahaja kes bunuh berlaku, bukan setakat manusia, anjing pun sekarang

sudah pandai mencari mangsa manusia untuk dibunuh. Ini sudah tentu memberikan gambaran yang buruk di mata pelancong yang datang ke negara kita seramai 15 juta orang pada tahun lalu.

Harapan agar pihak keselamatan kita akan mengambil tindakan yang serius dalam hal ini kalau kita tidak mahu menjejaskan kemasukan pelancong asing ke negara kita. Pihak Polis Diraja Malaysia juga haruslah memantapkan lagi disiplin ahli mereka. Disyorkan agar satu unit agama dalam pasukan polis diwujudkan seperti mana yang ada di dalam Angkatan Tentera kita iaitu KAGAT. Penembakan mati beberapa orang anggota polis yang terlibat dengan jenayah baru-baru ini dan sebelum ini di kampung saya pun ada seorang, perlu dijadikan iktibar oleh kita semua betapa disiplin yang kuat dan pegangan agama yang teguh amat perlu di dalam menghadapi suasana hidup yang mencabar ini. Jangan jadikan hak dan kebebasan dalam negara kita sebagai tiket untuk membenarkan mereka melakukan apa sahaja.

Jangan jadikan hak dan kebebasan dalam negara kita sebagai tiket untuk membenarkan mereka melakukan apa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga menekankan tentang perlunya kanak-kanak mendapatkan asuhan dan didikan awal yang sesuai dengan perkembangan diri masing-masing dari segi rohani dan jasmani. Memang benar apa dititahkan oleh Baginda. Sebagai seorang Islam, ajaran pertama ialah [*Bercakap dalam bahasa Arab*], mengenal Allah. Itu yang pertama sekali perlu kita tanamkan di dalam jiwa anak-anak kita. Sesuai suasana pembelajaran perlulah dititikberatkan didikan agama. Oleh itu segala unsur yang merenggangkan anak-anak dari agama perlu dijauhi. Saya menyeru agar perkara yang mencemarkan pemikiran anak kecil di dalam akhbar seperti gambar dan iklan separuh lucah, dan menggiurkan serta majalah yang boleh di access oleh anak-anak itu diharamkan terus dari diterbitkan atau setidaknya syarat yang cukup ketat dikenakan ke atas mereka. Masyarakat perlu dididik ke arah pembentukan*society* agar sikap amanah, jujur dapat dipraktikkan di dalam hidup mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

1741 ptg

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sewaktu Tanah Melayu mendapat kemerdekaan, Yang Mulia Perdana Menteri yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj telah berjanji untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara muafakat. Ikrar tersebut melibatkan semua kaum dan agama. Ikrar dan janji itu juga merupakan asas pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi sehinggalah ke hari ini.

Suka saya mulai dengan sepotong puisi yang masyhur daripada penyair **Frasdac** yang hidup di zaman empayar Umaiyah. Tulisnya:

*'Dengan tersingkap kegelapan dari seluruh muka dunia,
Engkaulah bagi manusia ini selepas Nabi,
Ibarat langit yang ditujukan munajat mereka agar engkau hilangkan awan gelapnya.'*

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tertunggu-tunggu pembentangan Rancangan Ekonomi Malaysia Ke-9 (RMK-9). Pasti akan memberi impak kepada keseluruhan sosioekonomi dan budaya kita. Beberapa kelemahan dan kegagalan dalam Rancangan Ekonomi Malaysia Ke-8 (RMK-8) hatta dalam Dasar Ekonomi Baru harus memberi pengajaran kepada kita untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang ada. Memang tidak wujud sebuah negara yang serba sempurna dengan masyarakat maksum, namun rakyat Malaysia harus menuju untuk menjadi sebuah masyarakat yang sentiasa cuba melihat kelemahan diri dan berusaha memperbaikinya.

Bagi menuju ke arah itu, kerajaan dan rakyat harus bergerak seiring dalam satu landasan penuh bertolak ansur, betul dan jujur dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Rakyat hendaklah bersikap terbuka bebas dari jajahan mental, bebas bersuara dan meninggalkan amalan budaya pak turut. Kerajaan pula haruslah berjiwa besar dan keluar dari budaya mengongkong mempertahankan nilai murni, mendahulukan soal bangsa dan negara melebihi soal peribadi. Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong tindakan kerajaan untuk membanteras amalan rasuah terutama

terhadap pemimpin kerana wujudnya ungkapan kepimpinan melalui teladan tokoh politik dan ahli-ahli korporat yang ternama.

Usaha ini mestilah berpanjangan dan disertai dengan keinginan dan kesedaran politik yang tinggi. Hendaklah ia juga meliputi yang berpangkat tinggi dan rendah, berkuasa dan yang tidak seperti mana yang dititahkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebagai langkah permulaan saya menyarankan siasatan dan tindakan segera diambil terhadap ke sekian banyaknya laporan polis yang dibuat oleh pimpinan Parti Keadilan rakyat, parti-parti pembangkang lainnya dan NGO tanpa berdolak-dalik. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan setiap program pembangunan berjalan lancar dan berjaya. Kerajaan sekali gus bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat termasuklah memberi peruntukan pembelajaran kepada para pelajar.

Namun cadangan untuk menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) berjumlah RM2 bilion untuk menampung perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah satu lagi langkah tergopoh-gapah, 'harum-scarum' dan tidak bijak. Ini memandangkan sebelum ini PTPTN telah dua kali meminjam dari KWSP dengan keseluruhan pinjaman berjumlah RM4 bilion. Setiap tahun PTPTN memerlukan sejumlah RM3 bilion untuk diagihkan dalam bentuk pinjaman kepada para pelajar yang layak. Pada tahun lalu, perbadanan itu hanya mampu mengutip RM93 juta sahaja daripada RM430 juta yang sepatutnya dikutip. Oleh Kerana cara kutipan balik PTPTN yang tidak konsisten dan strategi yang tidak jelas, maka PTPTN cuba untuk menetapkan syarat dan kaedah baru pula.

Syarat PTPTN untuk mewajibkan siswazah membayar balik pinjaman dua bulan selepas tamat pengajian bukanlah sesuatu yang praktikal. Bayangkan dalam keadaan ribuan mahasiswa yang menganggur dan dengan kadar inflasi meningkat 2.4% dalam tempoh dua bulan lalu dan berdasarkan laporan terkini Bank Negara mana mungkin para siswazah ini mampu membayar balik pinjaman mereka dalam masa dua bulan selepas tamat pengajian. Justeru, kerajaan harus mengambil kira pandangan dan pendirian Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-

pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang tidak setuju dengan hasrat PTPTN untuk meminjam wang dari KWSP.

Wang pekerja dalam KWSP adalah satu-satunya simpanan hari tua bagi kebanyakan golongan pekerja. Oleh itu ia wajib dilabur ke dalam projek-projek yang membawa keuntungan, setidak-tidaknya yang mempunyai risiko paling minimum. Wang itu sama sekali bukan bertujuan menyelamatkan mana-mana masyarakat atau mana-mana syarikat atau agensi kerajaan yang kekeringan dana. Ini termasuklah hasrat KWSP untuk melabur sejumlah RM1.9 bilion atau USD500 juta di luar negara hendaklah diteliti dengan betul cermat dan penuh rasa tanggungjawab sebelum dilaksanakan. Kita juga hairan bagaimana sewaktu keadaan ekonomi negara tidaklah begitu baik dan Malaysia tidaklah sebegini gemilang, cemerlang dan terbilang. Kadar dividen yang dibayar KWSP jauh lebih tinggi. Walaupun dividen yang dibayar pada tahun kewangan 2004, 1.05% lebih tinggi dari tahun lalu, namun angka itu tetap rendah berbanding dengan desakan MTUC yang mahu kadar dividen di antara 6 ke 7%.

Pada masa yang sama pengusaha KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali baru mengumumkan pendapatan bersih tahun lalu meningkat kepada RM11.76 bilion berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM10.3 bilion. Untuk makluman Dewan, sebagai perbandingan pada tahun 1981, KWSP membayar kadar dividen sebanyak 8% kemudian 7.21% pada tahun 1990. Tahun 1991, ia turun menjadi hanya 6% dan pada tahun lalu mencecah kepada 4.75% sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sejak Dewan yang mulia ini pada 19 Januari lalu meluluskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan dengan memindahkan kuasa pengurusan dan bekalan air dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, kritikan terus terdengar hinggalah ke hari ini.

Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Saudara Tuan Lim Kit Siang juga telah menegaskan bahawa tindakan Kerajaan Persekutuan sama sekali telah melanggar Perlembagaan apabila pindaan tersebut dibuat tanpa persetujuan sidang Dewan Undangan Negeri terlebih dahulu. Aliran kesedaran rakyat Malaysia atau ALIRAN turut mencadangkan agar satu tinjauan ke seluruh negara harus dilakukan terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan mengenainya dibuat.

Selain tanah, kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengurus dan membekalkan sumber air. Memindahkan kuasa tersebut bermakna menghilangkan satu

sumber pendapatan penting bagi kerajaan negeri. Alasan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat adalah agar dapat membuat penyelarasan pengurusan air di seluruh negara.

Sekali lagi projek penswastan mega akan dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan ini. Namun kajian telah mendapati terdapat banyak sebab mengapa kerajaan negeri mengalami kerugian dalam masalah air ini dan bukannya semata-mata kerana ketiadaan penyelarasan pengurusan.

Kebocoran paip air telah menyumbang 16% hingga 30% pada kadar air tidak terhasil atau *non revenue water* (NRW) dengan izin. Di Selangor, Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) masih menanggung beban hutang RM2 bilion kepada syarikat pengeluar air sedangkan negeri tersebut mengeluarkan 30% daripada jumlah pengeluaran air seluruh Malaysia berbanding dengan beberapa negara seperti Thailand yang NRWnya 27%, Hong Kong 25%, Kanada 13%, Australia 11%, NRW di Malaysia juga berada di paras yang tinggi iaitu 39%. Kadar air tidak terhasil ini telah menyebabkan kerugian yang cukup besar. Kerajaan harus memberi perhatian serius dan perlu segera menanganinya.

Adalah menjadi amalan biasa menaikkan kadar tarif dalam usaha untuk menampung kerugian di atas. Sebagai contoh, Johor merupakan negeri yang mengenakan tarif tertinggi di Malaysia dan pada ketika yang sama Johor menjual air dengan tarif yang sangat murah kepada Singapura. Kenaikan tarif air Johor pernah mencecah 40% pada tahun 2001, dan dua tahun kemudian tarif air naik lagi kepada 30%. Apakah maknanya kalau air mencurah hingga boleh dijual, tetapi rakyat sendiri menanggung tarif yang tinggi.

Ini tidak bermakna kesemua penswastan air akan gagal. Model terbaik yang boleh dilihat ialah di Pulau Pinang. Sekalipun kerja pengurusan dan membekalkan air telah diswastakan, tetapi kerajaan negeri masih memegang 55% saham dalam PBA Holding Berhad, bahkan kadar tarif air di negeri Pulau Pinang adalah yang terendah berbanding negeri-negeri lain. Justeru itu adalah dicadangkan pihak kerajaan meneliti model penswastan di Pulau Pinang dan mungkin kaedah yang sama dapat diterapkan kepada negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu negara diselubungi dengan keadaan jerebu yang menyesak. Sejak kebelakangan ini pula cuaca begitu panas

sehingga pada waktu siang suhu mencecah hingga 36 darjah Celsius ke 38 darjah Celsius. Mungkin fenomena tersebut diakibatkan oleh kegiatan pembakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera dan sememangnya ialah menjadi sifat manusia akan menuding jari ke arah orang lain.

Namun tidak dapat dinafikan wujudnya secara aktif kegiatan pembalakan di negara kita tanpa pengawasan yang sepatutnya. Bukit-bukau telah secara rakus ditebang bertukar warna digondolkan, malah ada yang menjadi seperti padang jarak padang tekukur. Kalau tidak, masakan pada 18 Januari 2005, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) meminta kerajaan agar segera mewartakan kawasan tadahan air di seluruh negara atas alasan mengelak daripada berlaku kemusnahan alam sekitar yang melampau. Menurut SUHAKAM, masih terdapat pembalakan haram di kawasan tadahan hujan termasuk di Miri, Sarawak. Musibah yang menimpa Taman Cahaya Seri Alam, Selangor yang turut mendapat perhatian Perdana Menteri amat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, boleh diingatkan pada satu masa dahulu Taman Cahaya Seri Alam, satu taman yang begitu canggih, yang begitu *ambitious* mengadakan satu tempat di mana ada pertukaran cuaca – musim sejuk, musim bunga, musim panas memang macam Malaysia – tetapi musim-musim yang lain itu diadakan satu idea tetapi telah dibiarkan begitu sahaja. Sayang seribu kali sayang! Ia hendaklah dijadikan sebagai iktibar.

Justeru itu kita mendesak agar kerajaan mencari akar punca kepada masalah tersebut dengan telus dan berani. Jaminan kononnya perkara seumpamanya tidak berulang tidak mencukupi. Tindakan tegas perlu diambil sekalipun ia bakal mengheret beberapa nama di kalangan kakitangan dan pemimpin kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita berusaha membina semula hubungan baik dengan Singapura? Tentulah silap sekiranya kerajaan mengabaikan hubungan yang sedia terjalin dengan rakan-rakan ASEAN yang lain. Kes tenaga kerja Indonesia yang dikatakan sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI) dan isu mencari gali minyak di sempadan Malaysia-Indonesia telah mencetuskan ketegangan kedua-dua negara.

Kita harus bijak dan pada masa yang sama jujur dalam usaha kita mengatasi permasalahan ini. Jangan pula kita dilihat gopoh di dalam tindakan kita dengan menggantikan tenaga kerja dari Indonesia dengan dari negara-negara lain. Apatah lagi

jika tindakan kita memperlihatkan sikap angkuh dan sombong. Harus diingat selain daripada mempunyai nilai budaya serumpun dan gaya bahasa yang sama, tenaga kerja Indonesia telah menyumbang kepada kemajuan pesat negara terutama pada dekad 80-an dan 90-an. Hampir tidak ada bangunan pencakar langit di dalam negara kita yang tidak disentuh oleh tangan-tangan buruh Indonesia.

Kita percaya sikap gopoh dan sombong kita itu telah menyebabkan suasana tegang di antara Malaysia-Indonesia apabila timbul isu cari gali minyak di perairan di kedua-dua negara. Kita tidak bercakap hanya bagi nasib tenaga kerja Indonesia sahaja, tetapi bagi tenaga kerja dari negara-negara lain yang pernah atau sedang berada di Malaysia. Tindak balas dan ekspresi marah yang kita dengar berlaku di Jakarta boleh juga tercetus di New Delhi, di Dhaka, di Islamabad dan di Katmandu sekiranya ada pemimpin kerajaan yang terus berlagak sombong dan tidak mengambil iktibar.

Kita tidak mahu bangsa kita dianggap sebagai pelaku kepada *human abjection*, dengan izin. Pelaku kepada kehinaan manusia ini bukanlah perilaku sebuah bangsa yang *hadharah*, bangsa yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, saya terharu dan berbangga apabila beberapa filem anak watan memenangi anugerah di peringkat antarabangsa. Tahniah kita ucapkan kepada warga pembikinan filem '*Sanctuary*' arahan Ho Yu Hang dan filem '*Seperet*', kisah realisme dua anak muda berlainan bangsa yang jatuh cinta, arahan Yasmin Ahmad yang telah memenangi Anugerah Utama Juri di Festival Filem Wanita Antarabangsa di Creteil, Perancis.

Kita sedar sejak enam tahun lalu generasi muda karyawan filem di negara kita begitu aktif membuat filem sama ada arus perdana mahupun alternatif. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Perbadanan Filem Nasional (FINAS) dikatakan agak keberatan untuk memberikan kemudahan dan bantuan kewangan kepada penggiat filem terutama di kalangan generasi baru walaupun karya mereka jauh lebih bermutu. Sebagai contoh, pengusaha filem '*Sanctuary*' yang telah memenangi anugerah di Festival Filem Antarabangsa Rotterdam, Belanda telah membuat permohonan bantuan dana, namun ditolak oleh FINAS.

Pada masa yang sama timbul rungutan di kalangan pencipta filem bagaimana ada syarikat yang diberikan hak untuk menerbitkan filem dengan dana besar sedangkan

syarikat itu tidak pernah mempunyai rekod pengalaman dalam kerja menerbitkan filem. Perkara ini harus diberikan perhatian yang sewajarnya jika kita mahu memperkayakan negara dengan kebudayaan, kesenian dan warisan.

Rahsia perkembangan industri filem adalah kerana wujudnya kebebasan berkarya. Di Indonesia, industri filem berkembang begitu pesat apabila tumbanginya rejim Suharto dan bermulanya order baru, begitu juga di Korea Selatan dan di Iran. Filem-filem daripada republik berkenaan mulai mendapat pengiktirafan antarabangsa, bagaimana pula industri filem di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang karya dan filem, kita tidak lari dari menyentuh soal bahasa. Tanggapan bahawa hanya dengan satu bahasa yang diterima pakai di peringkat antarabangsa akan melahirkan karya yang bermutu adalah tanggapan dari fikiran terjajah. Ini memandangkan ramai yang telah dianugerahkan *Nobel Prize* terhadap karya agung mereka meskipun ditulis dalam bahasa ibunda. Nama-nama seperti William Shakespeare di Eropah, Rabin Ranaf Tagore di India dan Promoedy Ananta Toer dari Indonesia adalah sebagai bukti.

Tuan Yang di-Pertua, kritikan atas dasar menjadikan mata pelajaran matematik dan sains diajar dengan menggunakan bahasa Inggeris bukan hanya muncul di kalangan parti-parti pembangkang, juga daripada NGO dan pencinta bahasa kebangsaan. Nampaknya pandangan masyarakat sivil ditolak mentah-mentah, dasar BI tetap diteruskan. Anak-anak murid di sekolah rendah dan menengah sedang menjadi bahan uji kaji dasar *trial and error*. Kita kesal dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam yang menyatakan tiga tahun masih terlalu awal untuk melihat keberkesanan dasar tersebut dan keperluan mengkaji semula. Adakah kita menunggu permasalahan ini menjadi lebih besar? Tidakkah lebih baik kita menghadapinya hari ini di saat kita belum terlewat akibat daripadanya melibatkan masa depan generasi baru walaupun tindakan kita mungkin menyinggung mana-mana pemimpin yang terdahulu. Ini kerana, amat tidak bijak kita sekadar mempertahankan ego yang tinggi dengan memperjudikan masa depan anak-anak.

Untuk memantapkan Dasar Pendidikan Nasional, kerajaan hendaklah serius dan melihat setiap aspek dengan rasa bertanggungjawab dan tidak di permukaan sahaja. Kajian haruslah dibuat terhadap beberapa agensi yang tidak berfungsi dengan baik

selain beberapa dasar yang konsep dan falsafahnya lemah sekali. Kita masih ingat, dana yang besar telah diberikan kepada Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) oleh matan Menteri Kewangan dengan tujuan menterjemahkan karya-karya agung dari seluruh dunia ke dalam bahasa kebangsaan. Namun, kita tertanya-tanya berapa banyakkannya buku-buku terjemahan yang diterbitkan oleh institusi tersebut. Begitu juga Dewan Bahasa dan Pustaka yang seolah-olahnya hanya berminat untuk menerbitkan buku teks sekolah. Penerbitan buku-buku pelbagai bentuk lainnya jauh tertinggal kalau dibandingkan dengan perkembangan penerbitan buku-buku di banyak negara lain. Prestasi dan keadaan Perpustakaan Negara juga mengecewakan. Terdapat rungutan daripada anak-anak mahasiswa dan para intelektual bahawa koleksi buku-buku yang ada di Perpustakaan Negara Malaysia masih terlalu sedikit dan buruk pula kualiti berbanding dengan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada isu tuntutan membina sekolah jenis kebangsaan, pihak kerajaan dilihat seperti memaparkan permainan politik kuno. Hujah perpaduan nasional diputar-putar. Hujah di dalamnya penuh perasaan prejudis tanpa mahu melihat isu ini seperti gaya masyarakat yang telah 40 tahun merdeka. Perlu diingat negara ini didirikan atas prinsip muafakat dan wajar bagi kaum Tionghua dan India di negara kita memelihara tradisi dan bahasa ibunda mereka. Menurut laporan yang disediakan oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) yang bertarikh 24 Mac 2004 dengan berpandukan penambahan bilangan penduduk berbangsa Tionghua dan India sehingga tahun lalu, beberapa negeri dan daerah sedang menghadapi masalah parah akibat kekurangan sekolah jenis kebangsaan. Janganlah hendaknya isu ini dipolitikkan, namun hendaklah dilihat dari aspek yang lebih bermakna.

Kita berkata demikian kerana kita hairan ke mana perginya pemimpin-pemimpin MCA ketika SRJK Cina Damansara ditutup? Ketika penduduk Kaum Cina telah bersatu dengan kaum lain di Damansara berjuang bermati-matian untuk mempertahankan sekolah mereka, ini tidak terdengar pun suara dari pimpinan pemimpin MCA bersimpati terhadap anak-anak tersebut. Janganlah kerana adanya pemilihan parti tidak lama lagi, barulah isu ini ditimbulkan agar mereka dilihat sebagai pejuang bangsa tanpa secara

jujur memikirkan peri pentingnya mengekalkan bahasa ibunda di dalam sebuah negara berbilang kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pandangan kerajaan juga terus kabur dan kenyataan Timbalan Perdana Menteri agar isu ini dibincangkan secara tertutup di kalangan parti komponen Barisan Nasional adalah memeranjatkan. Isu pendidikan, isu bahasa ibunda dan tradisi tidak boleh ditangani dengan cara politik adu domba kerana ia pasti akan membawa bencana besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah tercapai hasrat rakyat Terengganu mempunyai sebuah universiti apabila hujung minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Universiti Darul Iman. Walaupun kita yakin, seandainya Kerajaan Persekutuan tidak menarik balik royalti minyak yang berjumlah RM800 juta setahun ketika Kerajaan Pas memerintah dahulu, universiti berkenaan telah lama siap dan sudah pun melahirkan graduannya. Namun begitu, apa yang penting ialah penubuhan sesebuah universiti adalah untuk melahirkan generasi muda yang kritis, berdaya maju, merdeka dan produktif. Selagi wujud AUKU, selagi berjalan terus surat Akujanji, saya yakin mutu dan tingkat pendidikan tinggi di negara ini tidak akan bertambah baik.

Jumlah siswazah menganggur di negara ini amat merunsingkan. Saya tidak berani menyebut sebarang angka kerana hari ini kita berbeza pendapat tentang jumlah sebenar penganggur. Isunya bukan sekadar statistik. Apa yang penting sekarang ialah tindakan kita untuk menyelesaikan masalah pengangguran ini. Kerajaan hendaklah meletakkan isu ini sebagai isu utama di dalam merangka RMK9. Kerajaan harus menyediakan dan memastikan peluang pekerjaan yang mencukupi. Kemasukan pelaburan asing hendaklah ditingkatkan, dengan itu peluang-peluang pekerjaan akan bertambah.

Malangnya, bukan sekadar kita gagal menarik pelabur asing malah pelabur yang sedia ada pun memindah perniagaan mereka ke negara lain seperti Cina dan Thailand. Kita menggesa pihak kerajaan membuat kajian terperinci sebab-sebab pengeluaran

secara berterusan para pelabur ini di negara kita kerana salah satu daripada syarat untuk menarik minat pelabur ialah untuk mengadakan satu badan kehakiman yang bebas dan berkecuali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat.

6.09 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi juga saya peluang untuk berbahas Titah Menjunjung Kasih di atas Ucapan Yang di-Pertuan Agong walaupun sudah lewat senja.

Dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lepas, baginda ada menyatakan bahawa kadar pertumbuhan ataupun kadar ekonomi negara kita telah bertambah kukuh di mana dalam tahun 2004 kita telah melebihi sasaran 7%, dan sebagai negara Islam, tumpuan kepada pengurusan zakat perlulah diberi perhatian yang penting. Kaedah pengutipan dan pengagihan yang lebih telus perlu direncanakan dan dilaksanakan. Ketelusan ini akan lebih menarik minat lebih ramai lagi orang untuk menunaikan ataupun mengeluarkan zakat. Pihak berwajib perlu lebih efisien dalam menandatangani isu-isu yang berkaitan dengan pengutipan serta pengagihan hasil-hasil kutipan zakat.

Kalau kita perhatikan bahawa kesempurnaan dari segi pengurusan hasil kutipan zakat hanya akan menambahkan lagi bilangan orang-orang untuk membayar zakat secara langsung dan ini juga akan dapat mempertingkatkan lagi ekonomi dan juga taraf umat Islam di Malaysia. Saya berharap bahawa Jabatan Agama Islam perlu memberi perhatian yang lebih khusus dalam mempertingkatkan peluang-peluang yang sedia ada dan juga mengenal pasti peluang-peluang baru dalam cara pengurusan ataupun pengagihan zakat tersebut.

Tahap ekonomi rakyat terutamanya yang beragama Islam perlu dinobatkan sebagai satu kepada satu tahap yang lebih tinggi bagi mencerminkan keutuhan agama Islam serta kebanggaan orang Islam terutamanya di negara Malaysia ini. Kita perlu memastikan supaya kita dapat berdiri sama tinggi dengan masyarakat-masyarakat yang lain, malahan jika komitmen yang ada ini kita gandakan mungkin kita akan berupaya untuk berasa megah di bumi kita sendiri kerana kita mempunyai kekuatan dan juga

kekekalan untuk mempertahankan apa juga hak yang sememangnya merupakan milik kita.

Dari segi pertumbuhan ekonomi kalau kita maksudkan pertumbuhan ekonomi sahaja tidak menjamin kemiskinan ataupun dasar-dasar untuk membasmi kemiskinan dapat dilaksanakan secara khusus. Kerajaan, saya berharap dalam pelbagai tahap ataupun agensi ataupun pentadbiran perlu lebih komited dalam memastikan kadar kemiskinan tegar yang kita war-warkan untuk dihapuskan, dengan kadar yang paling segera.

Selain kemiskinan tegar kita juga perlu memastikan isu-isu yang berkaitan dengan kemiskinan relatif yang juga perlu diberi perhatian terutamanya oleh pihak yang berwajib. Jurang ekonomi ataupun jarak antara satu kaum ataupun satu kelompok masyarakat kalau jika tidak diurus dengan sempurna, ia akan menjadi satu kemusnahan kepada satu-satu negara dan kita dapati banyak contoh-contoh yang nyata yang mana kesan ekonomi kalau berlaku akan mengakibatkan kacau-bilau dan berlaku dalam negara-negara tersebut. Dalam titah baginda Tuanku juga, Tuanku ada mengatakan bahawa perkembangan tamadun sesuatu masyarakat itu mesti dipulihkan, mesti dinaikkan supaya dia dapat menerima sesuatu peringkat anjakan paradigma ke arah pentingnya membentuk sesuatu tamadun.

Sebenarnya kalau kita perhatikan Rasulullah s.a.w. juga mengambil masa lebih kurang 40 tahun untuk menjayakan satu anjakan bangsa Arab dan umat manusia sejagat ke arah kesempurnaan dalam nilai-nilai Islam. *Reengineering of the society* dengan izin, juga memerlukan perancangan yang lebih teliti terutamanya bagi pihak kerajaan dan juga merancang sesuatu supaya langkah-langkah tersebut dapat diterima oleh seluruh rakyat. Kewujudan kedua-dua faktor ini akan meletakkan negara kita sebagai satu negara yang mempunyai budaya yang tinggi sebagaimana yang telah dijadikan slogan iaitu 'berbudi bahasa budaya kita'.

Saya juga hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan bidang teknologi dan inovasi. Dalam perkembangan teknologi, ia merupakan satu aspek pembaharuan yang sedang dialami oleh rakyat Malaysia sebagai sebuah negara yang atau dengan izin, kita mesti memikirkan berkenaan dengan kepentingan dan peranan teknologi tersebut untuk membangunkan negara. Kita dapati bahawa kegunaan teknologi ini tidak

hanya bergantung kepada satu skop ataupun satu peringkat umur tetapi dia hendaklah diterapkan atau diagihkan supaya ia dapat dinikmati dan dihayati oleh semua masyarakat. Dalam bidang teknologi dalam dua tahun lepas, kerajaan telah menyatakan bahawa kita hendak menjadikan Malaysia ini sebuah daripada negara yang terlibat sama dalam pencapaian angkasa lepas.

Pada tahun 2001, kerajaan telah menubuhkan Agensi Angkasa Negara dan telah diwarwarkan bahawa pada Oktober 2006, kita akan menghantar satu angkasawan ke angkasa lepas. Saya juga bertanya apakah program-program yang dinyatakan ke arah merealisasikan kewujudan seorang angkasawan daripada Malaysia ini akan terlaksana. Datuk Mazlan ada menyatakan bahawa mungkin suatu hari nanti kita akan dapat menyediakan teh tarik di angkasa. Mungkin kata-kata beliau itu merupakan satu benda yang retorik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai bangun Yang Berhormat .

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Mungkin benda yang nyata tetapi kita berharap ia akan menjadi satu benda yang realisasikan.....jadi teh tarik ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih *Tuan Yang di-Pertua*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Amat Berhormat ingin mencadangkan supaya salah seorang ahli Dewan Rakyat kita ini juga diberi peluang untuk naik bersama. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* ke angkasa supaya kita tahu dunia di sana untuk balik ke bumi ini dan kita cuba pertahankan bumi yang banyak masalah ini.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Kalau dapat kita pergi berdualah kalau dapat. Tetapi kita tengok sama ada kita layak atau tidak layak nanti. Dalam merealisasikan juga program tersebut,, kita sebenarnya...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong bangun Yang Berhormat, dia pun minat naik ke bulan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Silakan.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya hendak tanya, adakah ini satu rancangan realistik kepada dasar kerajaan walhal di banyak R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan di kebanyakan IPTS dan IPTA masih tidak dapat dikomersialkan ataupun diperdagangkan dalam pasaran yang sedia ada untuk faedah-faedah yang bermanfaat kepada rakyat kita. Kita ada satu rancangan untuk menghantar seorang pakar dalam kapal terbang atau roket ke bulan ini, apakah pandangan Yang Berhormat bahawa ini adalah satu dasar yang realistik dalam masa atau dalam tahap pembangunan negara kita ini. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Bagi saya ini merupakan satu realistik kerana soalnya begitu dan jawapannya begitu. Kenapa saya nyatakan begitu kerana ia merupakan satu perkara yang kita inginkan supaya kita dapat berdaya saing, kita dapat dihormati dan juga kita akan dapat dihargai. Dalam proses untuk mencapai satu persatu program tersebut dengan sekiranya kita akan menyiapkan diri kita dari segi bidang teknologi dan sebagainya. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak beri jalan? Jerai.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertamanya, saya hendak tahu sama ada dari segi kesihatan dan sebagainya, itu faktor pertama. Tetapi mungkin saya ingat kalau kita beri naik ke bulan ini bagi kepada parti PAS, Pendang ataupun mana-mana kerana mereka boleh lihat ... Yang Berhormat bersetuju atau tidak tentang itu?

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Biasanya kalau hendak naik ke bulan ini dia kena ada kawan dia, kawan dia yang ada lambang roket itu. Setuju kot, kita hantar mereka dan biar mereka di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Malaysia ini kita ada dua universiti yang terlibat secara khusus dalam bidang angkasa lepas ataupun kejuruteraan angkasa

Yang pertama iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ada Fakulti Astronomi dan yang kedua kita ada di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ada Kejuruteraan Angkasa Lepas. Untuk makluman juga bahawa di UKM ini melibatkan berkenaan dengan kajian bintang dan kajian galaksi. Manakala di Universiti Putra Malaysia melibatkan kajian yang berkenaan dengan kejuruteraan angkasa iaitu yang pertama sekarang ini melibatkan kejuruteraan pertanian dalam angkasa di mana dalam surat khabar dua minggu lepas ada menunjukkan bahawa telah menyediakan satu kapal terbang tanpa pemandu untuk memantau kawasan-kawasan sekitar yang akan dikenal pasti dan digunakan terutamanya di dalam bidang pertanian.....

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekijang itu hendak bangun.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Silalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Kita sebut bulan, bintang, angkasawan dan sebagainya tetapi baru-baru ini kita dipaparkan mengenai pembenihan awan yang kita buat di utara telah beberapa kali gagal. Jadi apa pandangan dan komen daripada Yang Berhormat?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Yang gagal itu mungkin tidak kena benih agaknya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Ia merupakan satu proses. Dalam proses pembenihan awan ini saya tidak nafikan bahawa kadang-kadang melibatkan keadaan cuaca dan melibatkan awan yang dipilih dan saya rasa selain daripada itu ia adalah dalam kekuasaan Allah jua.

Jadi, berkaitan juga dengan perkembangan kegunaan teknologi selain daripada menghantar angkasawan kita ke angkasa lepas seperti yang saya nyatakan tadi,

perkembangan kegunaan teknologi dalam semua aspek kehidupan masyarakat atau rakyat perlu ditambah nilai kerana kewujudan pelbagai teknologi pada masa kini merupakan asas pembangunan manusia. Kita tidak nafikan bahawa Malaysia telah menyediakan satu perancangan untuk memastikan rakyat celik dalam bidang teknologi supaya kita dapat bersaing di peringkat global. Maka apa yang tinggal lagi ialah kesediaan kita semua untuk turut serta dalam memastikan kerajaan dan juga rakyat dapat menguasai segala aktiviti-aktiviti yang bertaraf global tersebut.

Berkaitan dengan kualiti kehidupan, saya juga hendak sentuh berkenaan dengan kesihatan. Kita dapati bahawa sekarang ini kerajaan telah meletakkan bahawa kesihatan rakyat menjadi tanggungjawab yang utama dalam kerajaan. Keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik amatlah ketara dan perlulah disegerakan dalam tempoh 15 tahun daripada sekarang supaya Malaysia akan mencapai negara maju pada tahun 2020 dan kesihatan untuk semua yang mana merupakan satu asas dalam *millenium development goal* akan kita capai.

Selaras dengan keperluan ini cadangan Kementerian Kesihatan untuk mengecilkan saiz-saiz hospital supaya mengikut kawasan-kawasan tertentu perlu diberi perhatian yang khusus kerana bagi saya pengecilan ini bukan merupakan satu bentuk pengurangan mutu perkhidmatan tetapi dapat menyediakan lebih banyak hospital-hospital yang mempunyai saiz katil antara 20 hingga 30 katil.

Selain daripada kita menyediakan lebih banyak hospital saya juga hendak hubung kait sedikit dengan bidang teknologi tadi. Kita berharap pihak hospital juga dapat menyediakan kemudahan perhubungan infrastruktur di antara hospital-hospital dalam mempertingkatkan kemudahan ICT melalui rangkaian jalur lebar supaya sidang video dijadikan satu alat komunikasi antara pegawai-pegawai perubatan dan pentadbir-pentadbir hospital supaya kita dapat berkongsi maklumat dan menyelesaikan masalah-masalah. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kadangkala melalui sidang video juga satu *operation* dapat dijalankan walaupun pakar untuk membedah berada jauh daripada tempat tersebut.

Saya juga berharap dalam kita hendak mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang berikut kita juga berharap kegunaan jalur lebar ini akan digunakan dengan lebih meluas terutamanya dalam bidang perubatan.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong bangun.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Baru-baru ini kita dapat satu *report* mengenai kesihatan rakyat yang dipaparkan di satu surat khabar bahasa Malaysia yang menyatakan bahawa terdapat daripada 6 juta rakyat Malaysia ini orang kata lebih berat ataupun *overweight*.

Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian supaya satu program ataupun satu rancangan untuk mengurangkan berat badan seperti Yang Berhormat bagi Jerai. So, Yang Berhormat bagi Batu Pahat bersetuju atau tidak supaya mencadangkan satu *slimming program* dengan izin kepada rakyat Malaysia. Saya hendak dengar penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Berkenaan dengan masalah kesihatan ini saya rasa bukan Yang Berhormat bagi Jerai sahaja yang terlibat tetapi kita semua juga turut terlibat sebab bagi saya kesihatan ini merupakan tanggungjawab kita semua dan program-program itu telah diadakan. Pihak kementerian juga telah mengeluarkan banyak risalah-risalah dan kalau tidak silap saya hari ini juga kita ada Khemah Kecergasan Sehari Parlimen yang sedang dijalankan. Saya rasa ia merupakan tanggungjawab bersama dan juga merupakan tanggungjawab individu itu sendiri.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Mencilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran bangun Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Tidak jawab juga.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Kita lihat banyak program telah dilaksanakan oleh kerajaan tentang menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kesihatan.

Sebagai seorang doktor, apakah kajian telah dibuat dan sejauh manakah Yang Berhormat tahu berapakah peratus kesedaran rakyat sebenarnya tentang mereka sedar bahawa kesihatan ini satu faktor yang penting dalam kehidupan mereka. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Sebenarnya semua orang sedar terutamanya apabila sudah lepas sakit. Selagi tidak

mendapat sakit, dia tidak sedar. Bila sedarnya itu, selepas sakit. Saya juga menyokong pelbagai cara yang kita buat mengenai kesedaran walaupun kadang-kadang kesedaran itu tidak timbul kerana bagi mereka kadang-kadang menganggap bahawa penyakit-penyakit itu hanya terkena kepada yang tertentu sahaja.

Dari segi kita hendak menyedarkan ataupun memberikan maklumat-maklumat berkenaan dengan masalah kesihatan, saya juga berharap kalau dapat kerjasama di antara kementerian terutamanya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Penerangan terutamanya RTM dan stesen-stesen televisyen swasta dapat mengadakan satu iklan ataupun rencana yang khusus berkaitan dengan penyakit-penyakit kerana kadang-kadang apabila iklan-iklan yang dikeluarkan ataupun dipaparkan di televisyen kebanyakannya memaparkan secara ringkas sahaja dan tidak meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat tersebut.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:pasal berat badan itu.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal apa, berat badan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:bukan saya. Bila dia kata, Yang Berhormat bagi Papar berasa kecil hati. *[Ketawa]* Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat mengenai *advertisement* di televisyen. Ini kita kena kaji kerana kadang-kadang *advertisement* in menipu kita. Dia kata ambil krim, sapu tang perut, perut boro

boleh turun. Tidak percaya dalam 30 hari bagi balik, dia bagi duit balik. Sedangkan saya bubuh berapa kali sudah, dok boroi tang tu juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, adakah iklan-iklan ini kerajaan pun tidak ambil kira kerana ini secara langsung telah menipu rakyat dan rakyat terpengaruh. Tidak begitu Papar? *[Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Papar di sebelah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak, iklan-iklan ini perlu dikaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat jawab esoklah, Batu Pahat. Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah jam 6.30 petang. Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 ptg.

21 Mac 2005

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasar Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beras) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

-
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
 42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
 59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
 61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
 63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
 64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

-
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keterah) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

-
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK
Kamaruddin bin Mohd. YusofMohamed
Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

